A

PP lwn. SITI BAINUN AHD RAZALI

MAHKAMAH SESYEN, KUALA LUMPUR
IZRALIZAM SANUSI HS
[PERBICARAAN JENAYAH NO: WA-62-81-08-2021]
29 JUN 2023

B

Abstrak – *Pengabaian dalam konteks s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 merujuk pada tindakan seorang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak, yang lalai, membiarkan, tidak mengendahkan dan tidak memberi perhatian pada keadaan kanak-*
C *kanak tersebut sehingga kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan seterusnya kecederaan emosi. Dalam membuktikan pertuduhan pengabaian, niat tertuduh menyebabkan kecederaan pada kanak-kanak tersebut tidak menjadi inti pati kesalahan yang perlu dibuktikan. Ini bermakna, jika seorang tertuduh tidak berniat mendatangkan*
D *kecederaan pada kanak-kanak tersebut sekalipun, namun, jika tindakan pengabaian itu telah menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan mental, maka tertuduh telah melakukan kesalahan bawah s. 31(1)(a).*

E ***KANAK-KANAK:*** *Akta Kanak-Kanak 2001 – Seksyen 31(1)(a) – Pengabaian – Pengabaian kanak-kanak mengakibatkan kecederaan fizikal dan emosi – Kanak-kanak sindrom down diletakkan bawah jagaan tertuduh di rumah kebajikan – Kanak-kanak didera secara fizikal dan emosi – Sama ada elemen-elemen pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada mangsa seorang kanak-kanak – Sama*
F *ada tertuduh mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan – Sama ada kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal dan emosi semasa dalam pemeliharaan tertuduh – Sama ada pertuduhan dibuktikan melampaui keraguan munasabah – Hukuman yang wajar dikenakan*

G ***KANAK-KANAK:*** *Akta Kanak-Kanak 2001 – Seksyen 31(1)(a) – Penganiayaan – Penganiayaan kanak-kanak mengakibatkan kecederaan fizikal dan emosi – Kanak-kanak sindrom down diletakkan bawah jagaan tertuduh di rumah kebajikan – Kanak-kanak didera secara fizikal dan emosi – Sama ada elemen-elemen pertuduhan dibuktikan – Sama ada mangsa seorang kanak-kanak – Sama ada*
H *tertuduh mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan – Sama ada kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal dan emosi semasa berada dalam pemeliharaan tertuduh*

Orang kena tuduh ('OKT') dituduh atas dua pertuduhan bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 ('Akta') kerana, sebagai orang yang
I dipertanggungjawabkan untuk menjaga seorang kanak-kanak telah, (i) mengabaikan kanak-kanak tersebut dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi ('pertuduhan pertama'); dan

(ii) menganiaya kanak-kanak tersebut dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi ('pertuduhan kedua'). Fakta yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan menunjukkan bahawa mangsa ('Bella') adalah seorang kanak-kanak perempuan dan orang kurang upaya yang mengalami sindrom down. OKT adalah pengasas Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur ('Rumah Bonda') yang berfungsi memberikan tempat perlindungan kepada remaja dan wanita yang hamil luar nikah, bayi yang dilahirkan luar nikah dan juga kanak-kanak yang tidak bernasib baik. OKT telah mendapat perintah jagaan sementara atas Bella dan Bella ditempatkan di Rumah Bonda yang terletak di sebuah kondominium bersama-sama kanak-kanak lain. Pihak pendakwaan bergantung pada keterangan, antara lain, saksi-saksi mata iaitu SP5 dan SP8, pengadu ('SP1'), doktor-doktor yang merawat Bella dan Bella sendiri. SP5, salah seorang penghuni di kondominium tersebut, memberi keterangan bahawa: (i) kecederaan yang berlaku pada Bella adalah disebabkan oleh perbuatan-perbuatan OKT terhadap Bella; (ii) SP5 membuat pengakuan bahawa dia dan seorang lagi kanak-kanak yang tinggal di kondominium tersebut, iaitu Aida, telah mengikat tangan dan kaki Bella atas arahan OKT. Selepas Bella diikat, OKT menyimbah air panas yang diambil dari mesin penapis air atas badan Bella. OKT berbuat demikian kerana marah terhadap Bella yang telah membuang air besar di bilik dobi. Menurut SP5, insiden Bella diikat tangan dan kakinya berlaku lebih daripada lima kali dan insiden OKT menyimbah air atas badan Bella berlaku berulang kali. Bella juga dipukul, dipijak, dipaksa memakan cili, dipaksa makan najis dan berdiri untuk masa yang lama. Selain itu, OKT pernah meletakkan kuali panas di paha Bella. Bella tidak pernah dibawa ke hospital atau klinik untuk mendapatkan rawatan; dan (iii) pada mulanya Bella mempunyai bilik tidur namun Bella kemudiannya ditempatkan di bilik dobi. SP8, iaitu rakan OKT, memberi keterangan bahawa (i) dia mula mengenali Bella sekitar Julai 2020. Pada mulanya, Bella seorang kanak-kanak yang mesra, sentiasa ceria, mempunyai badan yang sihat dan bertubuh montel. Walau bagaimanapun, semasa melihat Bella pada Mei 2021, badan Bella kelihatan susut dan mukanya kelihatan agak gelap; (ii) SP8 pernah beberapa kali bermalam di kondominium tersebut dan menyaksikan Bella berdiri di tepi dinding dalam tempoh masa yang lama dan tidur di bilik dobi; (iii) OKT telah menyuap nasi goreng yang dipenuhi dengan cili potong ke mulut Bella dengan cara paksaan; (iv) SP8 mendapati terdapat kecederaan melecur di leher Bella tetapi dimaklumkan oleh OKT bahawa kecederaan tersebut disebabkan oleh simbahan air panas yang berlaku semasa Bella bergaduh dengan penghuni lain di kondominium tersebut; (v) dalam satu insiden, SP8 telah menerima jemputan jamuan oleh OKT. Setibanya di kondominium tersebut, SP8 melihat rambut Bella telah dipotong pendek dan hampir botak dan terdapat kesan lebam sebesar tapak tangan di bahagian kanan muka Bella. Ketika itu, Bella memakai baju berlengan panjang. Muka Bella dalam ketakutan dan dalam keadaan yang

paling teruk pernah dilihat oleh SP8. Sepanjang jamuan tersebut berlangsung, Bella hanya berdiri di tepi dinding dan tidak turut serta; dan (vi) pada Jun 2021, OKT telah dimasukkan ke hospital bersama-sama beberapa penghuni lain atas sebab COVID-19. Bimbang dengan keadaan Bella, SP8 telah berbincang dengan rakan-rakannya untuk membantu dan memeriksa keadaan Bella dan penghuni kondominium tersebut. SP1 memberi keterangan bahawa (i) dia telah pergi ke kondominium tersebut tetapi hanya berdiri di hadapan pintu kerana penghuni-penghuninya dikatakan positif COVID-19. Oleh kerana Bella tidak kelihatan, SP1 telah memanggil Bella dan kanak-kanak itu muncul dan berdiri di hadapan pintu masuk kondominium tersebut; (ii) SP1 melihat Bella berkepala botak, berpakaian baju tidur berserta kardigan hitam dan memakai lampin pakai buang. SP1 meminta Bella membuka kardigan tersebut. Bella perlahan-lahan membuka kardigan yang dipakainya dan kelihatan susah untuk membuka kardigan di bahagian lengan. Apabila kardigan tersebut dibuka, kelihatan luka yang teruk di kedua-dua belah tangan Bella; dan (iii) SP1 mendapatkan bantuan ambulans untuk membawa Bella ke hospital dan setibanya di hospital, Bella dibawa ke bahagian kecemasan untuk menjalani pemeriksaan. Sementara itu, SP1 telah membuat laporan polis. Doktor-doktor yang menjalankan pemeriksaan dan rawatan terhadap Bella mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan dan parut-parut pada tubuh Bella berpunca daripada penderaan, bukan daripada kemalangan atau perbuatannya sendiri dan berlaku dalam tempoh yang lama. Berpuas hati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, mahkamah memanggil OKT membela diri. Dalam pembelaannya: (i) OKT menafikan Bella mengalami kecederaan emosi kerana tiada bukti menunjukkan Bella mengalami post-traumatic stress disorder ('PTSD') atau gangguan stress pasca trauma; (ii) OKT menegaskan jagaan Bella diamanahkan pada SP5 yang berada di tempat kejadian semasa insiden Bella terkena air panas berlaku; dan (iii) Bella cedera akibat insiden kemalangan terkena air panas dari termos yang berlaku di bilik dobi.

Diputuskan (mendapati OKT bersalah dan mensabitkannya atas pertuduhan pertama dan kedua):

(1) Apabila membuktikan pertuduhan pertama dan kedua, pihak pendakwaan perlu membuktikan dan memenuhi elemen-elemen pertuduhan selaras dengan s. 31(1)(a) Akta. Beza antara dua pertuduhan tersebut adalah perkataan/perbuatan 'mengabaikan' dan 'menganiaya'. Kedua-dua pertuduhan tersebut masing-masing mempunyai empat elemen yang perlu dibuktikan atau dipenuhi. Walaupun terdapat perbezaan antara kedua-dua pertuduhan tersebut, kedua-duanya mempunyai tiga elemen yang sama untuk dibuktikan, iaitu: (i) mangsa seorang kanak-kanak ('elemen (i)'); (ii) OKT mempunyai pemeliharaan terhadap mangsa dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan ('elemen (ii)'); dan (iii) mangsa mengalami kecederaan

fizikal dan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT ('elemen (iii)'). Elemen keempat yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk pertuduhan pertama adalah OKT telah mengabaikan Bella iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi ('elemen (iv) bagi pertuduhan pertama'). Elemen keempat yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk pertuduhan kedua adalah OKT telah menganiaya mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut ('elemen (iv) bagi pertuduhan kedua'). (perenggan 54 & 82)

(2) Berdasarkan s. 2(a) Akta, kanak-kanak adalah seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Perintah mahkamah untuk meletakkan Bella dalam jagaan OKT bertarikh 24 September 2020 dan umur Bella ketika itu dinyatakan sebagai 12 tahun. Seterusnya, laporan 'bone age' bertarikh 23 Julai 2020 menunjukkan Bella berumur dalam lingkungan 180 bulan. Berdasarkan pemeriksaan 'bone age', 'chronological age' Bella adalah 12 tahun dan 'estimated age' adalah dalam lingkungan 180 bulan (bersamaan 15 tahun). Perbandingan x-ray pula menunjukkan umur Bella antara 12 hingga 15 tahun. Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, jelas dibuktikan bahawa pada tempoh masa kejadian, Bella berumur dalam lingkungan 13 tahun dan seorang kanak-kanak. Tambahan pula, tiada apa-apa isu yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan berkaitan usia mangsa. Maka, elemen pertama (i) bagi pertuduhan pertama dan kedua jelas dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 56-58)

(3) Merujuk pertuduhan pertama dan kedua terhadap OKT, tempoh dan jangka masa pertuduhan adalah antara Februari hingga Jun 2021. Maka, bagi memenuhi tuntutan elemen (ii), pihak pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa OKT mempunyai pemeliharaan terhadap Bella dalam tempoh dan jangka masa antara Februari hingga Jun 2021. Pada 14 Julai 2020, OKT telah mendapat perintah jagaan sementara atas Bella hingga 24 September 2020. Seterusnya, pada 24 September 2020, Mahkamah Majistret telah mengeluarkan perintah agar Bella diletakkan dalam jagaan OKT sehingga Bella mencapai umur 18 tahun. Perintah tersebut meletakkan syarat, antara lain, bahawa Bella tidak boleh dipindah hak penjagaan dan pemeliharaanya kepada orang lain tanpa proses sah di sisi undang-undang. Berdasarkan perintah tersebut, jelas bahawa Bella berada dalam jagaan dan kawalan OKT dalam tempoh masa seperti dalam pertuduhan, iaitu antara Februari hingga Jun 2021. Hak pemeliharaan dan penjagaan Bella tidak pernah berpindah kepada orang lain dan kekal bersama OKT sepanjang tempoh tersebut. Oleh itu, elemen (ii) ini bagi pertuduhan pertama dan kedua juga berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 60-62)

(4) Berdasarkan keterangan-keterangan dan juga ekshibit-ekshibit, terdapat kesan dan luka lama pada kepala, muka, leher kiri, bahagian belakang, perut dan paha kanan Bella yang terjadi akibat luka lecuran atau terbakar. Luka lecuran atau terbakar yang mengakibatkan parut-parut tersebut juga dibuktikan berlaku ketika Bella dalam jagaan OKT. Dibuktikan juga bahawa kesan tanda bulatan seperti gelang di pergelangan tangan Bella adalah kesan luka akibat diikat dengan kuat dan luka ini dibuktikan berlaku ketika Bella dalam jagaan OKT. Kecederaan melecur, kesan luka yang terjadi akibat luka lecuran atau luka terbakar dan juga kesan luka akibat diikat adalah menepati tafsiran kecederaan fizikal yang diperuntukkan bawah s. 17(2)(a) Akta. Maka, pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa OKT telah mengalami kecederaan fizikal semasa berada dalam pemeliharaan OKT. Kesan psikologi yang mengganggu fungsi mental dan emosi Bella menepati tafsiran kecederaan emosi yang diperuntukkan bawah s. 17(2)(b) Akta. Oleh itu, pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa Bella telah mengalami kecederaan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT. Maka, pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen (iii) bagi kedua-dua pertuduhan. (perenggan 71, 72 & 81)

(5) Kecederaan akibat diikat oleh SP5 dan Aida, dan kecederaan akibat digigit oleh SP5 terjadi semasa Bella bawah pemeliharaan dan penjagaan OKT. OKT jelas lalai, membiarkan, tidak mengendahkan dan tidak memberikan perhatian pada keadaan Bella, malahan merelakan dan menggalakkan Bella dicederakan oleh SP5, sehingga Bella mengalami kecederaan-kecederaan tersebut dan seterusnya mengalami kecederaan emosi. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen (iv) pertuduhan pertama, bahawa OKT telah mengabaikan Bella iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Oleh itu, pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu *prima facie* kes bagi pertuduhan pertama terhadap OKT. (perenggan 89 & 90)

(6) Berdasarkan keterangan terus saksi mata SP5, yang disokong keterangan saksi-saksi pakar, OKT telah menganiaya mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut. Keterangan Bella juga menyokong keterangan SP5 terutamanya keterangan tentang kecederaan lecur di kedua-dua lengan bawah Bella. Bella sendiri dengan jelas menyatakan bahawa kecederaan-kecederaan di lengannya disebabkan oleh OKT dengan menggunakan air panas. Maka, pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen (iv) bagi pertuduhan kedua. Oleh itu, pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* bagi pertuduhan kedua, terhadap OKT. (perenggan 121 & 146)

(7) Masalah tidak dapat tidur malam, termasuk simptom yang dialami Bella seperti mengigau dan menjerit semasa waktu tidur, walaupun bukan PTSD, tetapi boleh dikategorikan sebagai kecederaan emosi. Ini kerana PTSD adalah kemuncak kecederaan emosi. Selamat dan tepat untuk memutuskan bahawa Bella juga telah mengalami kecederaan emosi akibat apa yang berlaku semasa dipelihara oleh OKT. Mahkamah juga telah memutuskan bahawa kecederaan emosi tersebut, sebagaimana yang diterangkan oleh saksi-saksi pakar pendakwaan, menepati tafsiran kecederaan emosi bawah s. 17(2)(b) Akta. Oleh itu, keterangan pihak pendakwaan yang menunjukkan Bella mengalami kecederaan emosi masih kekal utuh dan tidak tergugat oleh keterangan pihak pembelaan. (perenggan 179)

(8) Dakwaan OKT bahawa SP5 yang wajar dipertanggungjawabkan atas apa yang berlaku terhadap Bella adalah dakwaan yang sangat lemah, tidak munasabah dan wajar ditolak. Tindakan OKT memindahkan tanggungjawab menjaga Bella pada SP5 dalam tempoh masa seperti yang didakwa (sekiranya benar berlaku) tidak sah, tidak wajar dan melanggar perintah mahkamah, berdasarkan alasan-alasan berikut: (i) tindakan itu jelas bertentangan dengan perintah mahkamah bertarikh 24 September 2020 yang mensyaratkan bahawa Bella tidak boleh dipindah hak penjagaannya kepada orang lain tanpa proses yang sah di sisi undang-undang. Perintah yang sama juga meletakkan syarat agar Bella perlu diberi pendidikan dan kasih sayang tanpa diskriminasi dengan kanak-kanak lain, tiada pengabaian dan penganiayaan; (ii) tindakan OKT memberikan tanggungjawab kepada SP5 yang masih muda (berumur 18 tahun) untuk menjaga empat orang kanak-kanak (termasuk Bella) adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima, tidak munasabah serta tidak bertanggungjawab. Tidak wajar untuk meminta remaja berusia 18 tahun mengawasi dan menjaga empat orang kanak-kanak (dua daripadanya sindrom down). Tindakan OKT yang meninggalkan empat kanak-kanak tersebut tanpa mengadakan persediaan sewajarnya bagi pengawasan yang berpatutan adalah bertentangan dengan s. 33 Akta; dan (iii) SP5 adalah salah seorang penghuni kondominium tersebut. Dia bukan seorang amah atau pengasuh yang dibayar gaji untuk menjaga dan memelihara keempat-empat kanak-kanak tersebut ketika OKT keluar bekerja. (perenggan 181)

(9) OKT menerangkan bahawa ketika sedang bekerja, dia telah menerima panggilan telefon daripada SP5 yang menceritakan kejadian pergaduhan antara Bella dan seorang lagi penghuni di kondominium tersebut yang menyebabkan tumpahan air dari termos atas Bella. Keterangan OKT berkaitan insiden kemalangan Bella terkena air panas adalah keterangan dengar cakap atau 'hearsay evidence'. OKT tidak berada di tempat kejadian dan tidak menyaksikan kejadian yang

A didakwa berlaku. Seterusnya, kegagalan OKT memaklumkan kejadian ini pada pegawai pelindung dalam tempoh yang munasabah selepas kejadian berlaku dan kemudian menghantar mesej yang bercanggah dengan kejadian yang dikatakan berlaku, menunjukkan OKT mereka-reka cerita berkenaan kejadian air panas tumpah di bilik dobi. B Tindakan OKT membawa Bella atau merujuk kecederaan Bella pada doktor selepas hampir sebulan kejadian yang menyebabkan kecederaan serius pada Bella adalah tidak munasabah. Kedua-dua keterangan ini bercanggah antara satu sama lain. Ini menunjukkan insiden kemalangan air panas tersebut sebenarnya tidak pernah berlaku. Tambahan pula, C sekiranya termos terjatuh atas badan Bella dan menyebabkan penutupnya terbuka lalu air panas tertumpah dan terkena pada badan Bella, secara logiknya ini akan menyebabkan luka lecur pada bahagian tertentu sahaja dan bukan kecederaan yang mencakupi hampir keseluruhan badan sebagaimana yang dialami oleh Bella. Oleh itu, D dakwaan luka-luka yang dialami oleh Bella diakibatkan oleh satu insiden kemalangan adalah tidak munasabah dan wajar ditolak. Para doktor yang menjadi saksi pendakwaan juga telah mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami Bella bukan terhasil daripada satu insiden sahaja. (perenggan 183, 186, 191, 192, 194 & 195)

E **(10)** Pihak pendakwaan berjaya membuktikan pertuduhan pertama dan kedua terhadap OKT melampaui keraguan munasabah dan dengan itu, OKT didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pertama dan kedua. OKT dijatuhkan hukuman pemenjaraan: (i) sepuluh tahun untuk pertuduhan pertama; dan (ii) 12 tahun untuk pertuduhan kedua. Hukuman pemenjaraan diperintahkan berjalan serentak. OKT juga F diperintahkan, (i) bawah s. 31(2)(a) Akta, agar menandatangani bon berkelakuan baik selama lima tahun dengan seorang penjamin warganegara Malaysia dengan cagaran sebanyak RM5,000; dan (ii) bawah s. 31(2)(b) Akta, agar melaksanakan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam agregat yang perlu disempurnakan dalam G tempoh enam bulan selepas tamat hukuman pemenjaraan. (perenggan 11, 222 & 227)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Azeez Abdul Rahim lwn. PP [2022] 1 LNS 1995 CA ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
H *Benjamin William Hawkes v. PP [2020] 8 CLJ 267 FC* ***(dirujuk)***
Chao Chong & Ors v. PP [1959] 1 LNS 11 HC ***(dirujuk)***
Chin Kek Shen v. PP [2013] 7 CLJ 435 CA ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP [2020] 7 CLJ 785 HC ***(dirujuk)***
I *Doe v. Roe (1809) 2 Camp 278* ***(dirujuk)***
Ghasem Hozouri Hassan v. PP [2018] 6 CLJ 133 FC ***(dirujuk)***
Hassan v. PP [1962] 1 LNS 52 HC ***(dirujuk)***

Hiew Min Yong v. PP [2000] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
Husdi v. PP [1979] 1 LNS 33 HC ***(dirujuk)***
Jimmy Standridge v. State Of Arkansas 2023 Ark App 141 ***(dirujuk)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***
Law Kiat Lang v. PP [1965] 1 LNS 81 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Martin Rhienus v. Sher Singh [1949] 1 LNS 49 HC ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Md Zainudin Raujan v. PP [2013] 4 CLJ 21 FC ***(dirujuk)***
Mohd Jalil Abdullah & Anor v. PP [1996] 1 LNS 592 HC ***(dirujuk)***
Mohd Rasul Mat Lasi v. PP [2021] 1 LNS 1737 HC ***(dirujuk)***
Muniandy & Ors v. PP [1966] 1 LNS 110 FC ***(dirujuk)***
Ng Hoi Cheu & Anor v. PP [1967] 1 LNS 113 HC ***(dirujuk)***
Noor Amie Abd Rahman lwn. PP [2020] 10 CLJ 686 HC ***(dirujuk)***
Ong Boon Siang & Ors v. Regina [1960] 1 LNS 81 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ahmad Zahid Hamidi [2022] 9 CLJ 713 HC ***(dirujuk)***
PP v. Asmarani Ghazali [2020] 2 CLJ 319 CA ***(dirujuk)***
PP v. Chang Wan Seng [1954] 1 LNS 64 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim & Another Appeal [2010] 4 CLJ 331 CA ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2) [1976] 1 LNS 184 ***(dirujuk)***
PP v. Jafa Daud [1981] 1 LNS 28 HC ***(dirujuk)***
PP v. Krishna Rao Gurumurthi & Ors [2000] 1 CLJ 446 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Azmin Ali [2000] 7 CLJ 628 HC ***(dirujuk)***
PP v. Norhayati Hashim & Anor [2020] 10 CLJ 246 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Noor Hesham Hamid [2022] 1 LNS 2107 HC ***(dirujuk)***
PP v. Oo Leng Swee & Ors [1981] 1 LNS 205 FC ***(dirujuk)***
PP lwn. Rudiana Razali [2019] 1 LNS 1198 HC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***
PP v. Sanassi [1970] 1 LNS 118 HC ***(dirujuk)***
R v. Baskerville [1916] 2 KB 658 ***(dirujuk)***
R v. Hartley [1972] 2 QB 1 ***(dirujuk)***
Siti Aisyah v. PP [2019] 7 CLJ 27 CA ***(dirujuk)***
Soo Hong & Leong Kew Moi & Ors v. United Malayan Banking Corp Bhd & Anor [1997] 2 CLJ 548 CA ***(dirujuk)***
Tan Lay Chen v. PP [2000] 4 CLJ 492 HC ***(dirujuk)***
Tee Hock Keong v. PP [2021] 1 LNS 497 CA ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Veerian T Latchmanen v. PP [2001] 7 CLJ 466 HC ***(dirujuk)***
Willie Sodoi v. PP [1994] 3 CLJ 515 HC ***(dirujuk)***
Yusmarin Samsudin v. PP [1999] 4 CLJ 391 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Child Act 2001, ss. 2(a), 17(2)(a), (b), 31(1)(a), (b), (2)(a), (b), 33
Criminal Procedure Code, ss. 51, 51A, 112, 113(2), (3), (4), (5), 138(4), 152, 153, 154(a), (e), 155, 158(2), 173(h)(iii), (j)(iii), 176(2)(r), 180(4), 182A, 255, 271, 402A, Chapter XX
Evidence Act 1950, ss. 45, 103, 114(g), 133A, 134, 148, 155
Evidence of Child Witness Act 2007, ss. 3(1)(b), 8, 9
Federal Constitution, arts. 5(3), 10
Penal Code, s. 317

A **Sumber-sumber yang dirujuk:**
Kecuaian Dan Pengabaian Kanak-kanak Oleh Ibu Bapa: Kedudukannya Di Bawah AKK 2001 Dan Prinsip Syariah, (2015) 19 JUUM 37-49
Sarkar on Evidence, edisi ke-14, 1993, ms 2021, 2030

Bagi pihak pendakwaan - Nor Azizah Mohamad, Zahida Zakaria, Zilfinaz Abbas, Fazeedah Faik & Noor Shakira Aliana Alias; TPR
B *Bagi pihak pembelaan - Mohammad Farhan Maaruf; T/n Farhan Maaruf & Co*

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

C **Izralizam Sanusi HS:**

Latar Belakang Kes

[1] Pada 20 Ogos 2021, Siti Bainun binti Ahd Razali, No. K/P: 921029-14-5382 ("OKT") telah dituduh mengabaikan kanak-kanak bernama Bella ("Bella") di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan pertuduhan seperti
D yang berikut:

> Bahawa kamu, di antara bulan Februari 2021 sehingga bulan Jun 2021, bertempat di rumah alamat No. Unit B-17-02, Irama Wangsa Condominium, Jalan 3/27E, Seksyen 10, di dalam Daerah Wangsa Maju, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai orang yang
E dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak perempuan yang bernama Bella, berusia 13 tahun telah mengabaikan iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah
F seksyen yang sama.

[2] Pada 25 November 2021, semasa sebutan kes dijalankan, pihak pendakwaan telah mengemukakan pertuduhan kedua terhadap OKT. Pertuduhan kedua adalah pertuduhan menganiaya Bella. Pertuduhan kedua adalah sepertimana yang berikut:

G

> Bahawa kamu, di antara bulan Februari 2021 sehingga bulan Jun 2021, bertempat di rumah alamat No. Unit B-17-02, Irama Wangsa Condominium, Jalan 3/27E, Seksyen 10, di dalam Daerah Wangsa Maju, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak perempuan yang
H bernama Bella, berusia 13 tahun didapati telah menganiaya iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen **31(1)** Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. (penekanan ditambah)

[3] Saya telah merujuk kepada pertuduhan kedua dan saya dapati
I pertuduhan kedua hanya menyatakan OKT didakwa melakukan kesalahan di bawah s. 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 ("AKK 2001"). Pihak pendakwaan tidak menyatakan sama ada OKT dituduh di bawah s. 31(1)(a) atau s. 31(1)(b)

AKK 2001. Pertuduhan kedua ini tidak pernah dipinda oleh pihak pendakwaan sehingga kes pendakwaan ditutup. Pihak pembelaan juga tidak pernah membangkitkan isu pertuduhan kedua ini sehingga keputusan di akhir kes pendakwaan disampaikan.

[4] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai dua puluh dua orang saksi pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap OKT. Saksi-saksi tersebut adalah seperti yang berikut:

Bil	Nama	Peranan	Aksi
1.	Zurianty binti Sudin	Pengadu	SP1
2.	Dr. Meenambigai a/p PK Sevarajah	Doktor Perubatan	SP2
3.	Dr. Nizam Malik bin Bali Mohamed	Doktor Pakar Pediatrik	SP3
4.	Dr. Sheshadri Sridar	Doktor Pembedahan	SP4
5.	Yasmin Nahar binti Mahmood	Saksi Mata	SP5
6.	ASP Nazatul Madiyah binti Manaf	Pegawai Tangkapan	SP6
7.	Kpl Sadzlyee	Jurufoto	SP7
8.	Suhana binti Zam	Saksi Mata	SP8
9.	L/Kpl Azrull	Jurufoto	SP9
10.	Insp Mior Samsul b Abd Rahman	Juru Analisa Forensik	SP10
11.	Insp Yip Chang Ching	Juru Analisa Forensik	SP11
12.	Mohamad Imran bin Mahamed Zanyuin	Pegawai Pelindung	SP12
13.	Dr. Anulaawathi a/p Balasena	Doktor Perubatan	SP13
14.	Wan Zuriena binti Wan Ismail	Jururawat	SP14
15.	Dr. Salmi binti Mohamed Sukur	Doktor Pakar Plastik	SP15
16.	Dr. Rashid Khan bin Khan Mohamad	Doktor Klinik Setapak	SP16
17.	Dr. Wan Asyikin binti Wan Azlan	Doktor Pakar Psikiatrik	SP17
18.	Bella	Mangsa Kanak-kanak	SP18
19.	Insp Suhaili binti Mahad	Pegawai Penyiasat Asal	SP19
20.	ASP Rohaini binti Baharom	Pegawai Penyiasat Ganti	SP20
21.	Azrin Aisyah binti Mohd Razi	Juruteknik Servis Cuckoo	SP21
22.	Muhammad Redzuan bin Satori	Juruteknik Cuckoo	SP22

[5] Pada 28 Oktober 2022, pihak pendakwaan telah menutup kesnya. Sebelum kes pendakwaan ditutup, pihak pendakwaan telah memaklumkan kepada mahkamah senarai saksi-saksi yang telah disediakan tetapi tidak dipanggil. Pihak pendakwaan kemudiannya telah menawarkan saksi-saksi yang berikut kepada pihak pembelaan: Syahirah bt Mohd Ikhsan ("Syahirah"), Hani Azura bt Zulkifli ("Hani Azura"), Nor Aida Shahira bt Zailiah, Nurul Balqies Qaisara bt Abdul Salam, Noor Marliana bt Ramlee, Noorhaiza Mariena bt Ramli ("Haiza"), Norizan bt Mohd Sidik, Nor Afiza bt Mohd Fuzi, Nur Fatin Syamimi bt Ruslan, Hafizul Naim bin Baniram, Dr Nur Liyana bt Khairuddin, Dr Christinna Vanathyar, SJN Siti Nur Balqes bt Abdul Rahim, SJN Nur Mastisha bt Maidinsha dan juga Wong Yet Wen @ Yvonne.

[6] Pada 24 November 2022, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi pertuduhan pertama di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001.

[7] Berkenaan dengan pertuduhan kedua, walaupun pihak pendakwaan dan pihak pembelaan tidak membangkitkan isu tentang peninggalan sub-s. (1)(a) atau (1)(b), pada 24 November 2022, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi pertuduhan kedua di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001.

[8] Saya telah memutuskan bahawa, meskipun pihak pendakwaan hanya menyatakan pertuduhan kedua tersebut di bawah s. 31(1) AKK 2001, tanpa menyatakan sama ada ia di bawah sub-s. (a) atau (b), mahkamah ini mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa pertuduhan kedua tersebut jatuh dalam sub-s. (a) berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang berkaitan s. 158 Kanun Tatacara Jenayah ("KTJ") memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengubah atau menambah kepada sebarang pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan di akhir kes pembelaan diumumkan.

[9] Pada 26 Januari 2023, sebelum kes pembelaan bermula, saya sekali lagi menjelaskan dan menerangkan kepada OKT bahawa pertuduhan kedua telah ditambahkan dengan sub-s. 1(a), menjadikan ia pertuduhan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001, berdasarkan kepada keputusan kes *prima facie* yang telah diputuskan pada 24 November 2022 dan selaras dengan s. 158 KTJ. Setelah saya menerangkan penambahan sub-s. (1)(a) AKK 2001 tersebut, selaras dengan s. 158(2), saya telah membacakan dan menerangkan kepada OKT pertuduhan kedua yang ditambah dengan sub-s. (1)(a) sepertimana yang berikut:

> Bahawa kamu, di antara bulan Februari 2021 sehingga bulan Jun 2021, bertempat di rumah alamat No. Unit B-17-02, Irama Wangsa Condominium, Jalan 3/27E, Seksyen 10, di dalam Daerah Wangsa Maju, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak perempuan yang bernama Bella, berusia 13 tahun didapati telah menganiaya iaitu dengan

menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen **31(1)(a)** AKK 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. (penekanan ditambah)

[10] Di peringkat kes pembelaan, OKT telah memilih untuk memberikan keterangan membela diri secara bersumpah dan telah memanggil tujuh orang saksi yang lain (termasuk dua orang saksi pendakwaan yang ditawarkan).

[11] Pada 3 Mei 2023, di akhir kes pembelaan, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap OKT melampaui keraguan yang munasabah. OKT didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua tersebut. OKT dijatuhkan hukuman seperti yang berikut:

(i) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(ii) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama tempoh 12 tahun dari tarikh sabitan.

(iii) hukuman pemenjaraan sepuluh tahun dan 12 tahun dari tarikh sabitan adalah diperintahkan untuk berjalan secara serentak.

(iv) selain daripada hukuman yang tersebut di atas, saya juga membuat perintah di bawah s. 31(2)(a) AKK 2001 supaya OKT menandatangani bon berkelakuan baik selama lima tahun dengan seorang penjamin warganegara Malaysia dengan cagaran sebanyak RM5,000 sebagai tambahan kepada hukuman yang telah dijatuhkan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 tersebut. Seterusnya, dengan menggunapakai s. 31(2)(b) AKK 2001, saya juga memerintahkan OKT melaksanakan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam agregat yang perlu disempurnakan dalam tempoh enam bulan selepas tamat hukuman pemenjaraan.

Fakta Kes Pihak Pendakwaan

[12] Bella adalah seorang kanak-kanak perempuan dan merupakan orang kurang upaya (OKU) sindrom down. Semenjak tahun 2011, Bella telah diletakkan di bawah jagaan Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan.

[13] Bella merupakan mangsa dalam kes ini. Bella telah dipanggil sebagai saksi yang dirujuk sebagai 'SP18' dan keterangan beliau telah diambil tanpa mengangkat sumpah. Secara ringkasnya, Bella menerangkan kepada mahkamah bagaimana beliau mendapat kecederaan di kedua-dua belah tangannya dan juga kecederaan di bahagian badan yang lain. Bella menyatakan bahawa Cik Benon/Cik Minun (panggilan yang merujuk kepada OKT) yang telah menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut.

[14] OKT merupakan pengasas Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Rumah Bonda. Antara fungsi Rumah Bonda adalah memberikan tempat perlindungan kepada remaja dan wanita yang hamil luar nikah, perlindungan sementara kepada bayi yang dilahirkan luar nikah dan juga kanak-kanak yang tidak bernasib baik.

[15] Pada 14 Julai 2020, OKT telah mendapat perintah jagaan sementara ke atas Bella hingga 24 September 2020. Perintah tersebut telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur. Berdasarkan perintah tersebut, umur Bella ketika itu adalah 12 tahun ("eksh. P42"). Mahkamah Majistret Kuala Lumpur kemudiannya telah mengeluarkan perintah supaya Bella diletakkan dalam jagaan OKT yang bermula dari 24 September 2020 sehingga Bella mencapai umur 18 tahun (eksh. P43).

[16] Mohamad Imran bin Mahamed Zanyuin ("SP12") adalah Pegawai Pelindung di Unit Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). SP12 merupakan pegawai pelindung yang mengendalikan kes Bella. SP12 mengesahkan bahawa beliau yang telah membuat permohonan di mahkamah bagi mendapatkan perintah jagaan sementara (eksh. P42) dan juga perintah jagaan tetap (eksh. P43). Beliau mengesahkan bahawa OKT adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara Bella.

[17] Setelah Bella diletakkan dalam pemeliharaan OKT, Bella telah ditempatkan di Rumah Bonda yang terletak di Setapak, Kuala Lumpur. Bermula pada bulan Oktober 2020, OKT telah menyewa di unit B-17-02, Irama Wangsa Condominium, Jalan 3/27E, Seksyen 10, Kuala Lumpur ("Kondominium Irama Wangsa") dan membawa Bella tinggal bersama di unit tersebut. Selain Bella, OKT juga menjaga dan memelihara kanak-kanak yang lain di Kondominium Irama Wangsa tersebut. Kanak-kanak lain tersebut adalah Nor Aida Shahira binti Zailiah (Aida), Nurul Balqies Qaisara binti Abdul Salam (Balqies), Maryam, Tulus Bael dan Tulus Jiwa.

[18] Yasmin Nahar binti Mahmood ("SP5") merupakan salah seorang penghuni di Kondominium Irama Wangsa tersebut. SP5 mula menetap di Kondominium Irama Wangsa sekitar bulan Februari dan Mac 2021. Ketika itu, SP5 berumur 18 tahun. SP5 memberikan keterangan bahawa kecederaan yang berlaku pada Bella adalah disebabkan oleh perbuatan-perbuatan OKT terhadap Bella. SP5 menjelaskan bahawa luka-luka di badan Bella adalah disebabkan oleh air panas yang disimbah oleh OKT. Menurut SP5, OKT juga pernah meletakkan kuali yang panas di peha Bella hingga menyebabkan kecederaan. Selain itu, SP5 membuat pengakuan bahawa beliau dan Aida telah mengikat tangan dan kaki Bella setelah diarahkan oleh OKT untuk berbuat demikian. Selepas Bella diikat, OKT telah menyimbah air panas yang diambil dari mesin penapis air berjenama Cuckoo ke atas badan Bella, OKT berbuat demikian kerana marah terhadap Bella yang telah membuang air besar di bilik dobi. SP5 juga menceritakan bahawa Aida dan Balqies juga

pernah menyaksikan kejadian OKT menyimbah Bella dengan air panas. SP5 menyatakan insiden Bella diikat tangan dan kakinya berlaku lebih dari lima kali. SP5 dan Aida yang biasanya mengikat kaki dan tangan Bella supaya Bella tidak dapat bergerak. Tangan Bella pernah mengalami kecederaan dan bengkak akibat diikat.

[19] Dalam keterangannya, SP5 juga menyatakan bahawa kejadian OKT menyimbah air panas ke badan Bella telah berlaku berulang kali. Bukan sahaja Bella disimbah dengan air panas, malahan Bella juga dipukul, dipijak, dipaksa memakan cili, dipaksa makan najis dan didenda berdiri dalam tempoh masa yang lama. Menurut SP5, pada mulanya Bella mempunyai bilik tidur, namun, Bella kemudiannya ditempatkan di bilik dobi sekitar bulan April 2021. SP5 juga pernah meletakkan ubat pada luka-luka Bella bagi tujuan rawatan. SP5 selanjutnya menjelaskan bahawa Bella tidak pernah dibawa ke hospital atau klinik bagi mendapatkan rawatan daripada doktor sepanjang Bella mengalami kecederaan.

[20] Suhana binti Zam ("SP8") adalah rakan OKT. SP8 telah mengenali OKT sejak tahun 2010 ketika mereka bekerja di bangunan Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur. SP8 kerap berjumpa OKT dan menjadi kawan rapat. SP8 mula mengenali Bella sekitar Julai 2020. Pada mulanya, SP8 mengenali Bella sebagai seorang kanak-kanak yang mesra, sentiasa ceria, mempunyai badan yang sihat dan bertubuh montel. Selain Bella, SP8 juga mengenali penghuni lain Kondominium Irama Wangsa tersebut seperti Yasmin, Aida, Balqies, Aryan, Tulus Bael, Tulus Jiwa dan Maryam. Dalam keterangannya, SP8 menjelaskan bahawa, beliau pernah beberapa kali datang ke Kondominium Irama Wangsa tersebut dan ada kalanya bermalam di kondominium tersebut. SP8 menjelaskan bahawa beliau telah beberapa kali bermalam di Kondominium Irama Wangsa tersebut dan menyaksikan Bella berdiri di tepi dinding dalam tempoh masa yang lama. Semasa bermalam di Kondominium Irama Wangsa tersebut, SP8 juga melihat Bella tidur di bilik dobi.

[21] Pada sekitar bulan Mei 2021, SP8 menyaksikan OKT telah menyuap nasi goreng yang dipenuhi dengan cili potong ke mulut Bella dengan cara paksaan. Pada 21 Mei 2021, SP8 mendapati terdapat kecederaan melecur di leher Bella (eksh. P6[2]). SP8 dimaklumkan oleh OKT bahawa kecederaan melecur tersebut disebabkan oleh simbahan air panas yang berlaku semasa Bella bergaduh dengan penghuni yang lain. SP8 selanjutnya menyatakan bahawa semasa melihat Bella pada 21 Mei 2021, badan Bella kelihatan susut dan mukanya kelihatan agak gelap.

[22] Pada 13 Jun 2021, SP8 dan Haiza telah pergi ke Kondominium Irama Wangsa tersebut setelah menerima jemputan OKT untuk mengadakan jamuan "shell out". Setibanya di kondominium tersebut, SP8 melihat Bella sedang berdiri di tepi dinding. SP8 rasa terkejut kerana rambut Bella

A dipotong pendek dan hampir botak. SP8 mendapati terdapat kesan lebam sebesar tapak tangan di bahagian kanan muka Bella. Ketika itu, Bella memakai baju berlengan panjang. Muka Bella dalam ketakutan dan dalam keadaan yang paling teruk pernah dilihat oleh SP8. SP8 kemudiannya bertanya kepada OKT, kenapa Bella berada dalam keadaan teruk sedemikian
B rupa? Lalu OKT menjawab bahawa Bella bergaduh dengan penghuni yang lain. Selepas itu, Hani Azura dengan Syahirah juga tiba di Kondominium Irama Wangsa tersebut untuk menyertai jamuan tersebut. Jamuan "shell out" tersebut diadakan dari jam 8.30 malam sehingga lebih kurang jam 9.30 malam. Sepanjang jamuan tersebut berlangsung, Bella hanya berdiri di tepi
C dinding dan tidak menyertai jamuan tersebut.

[23] Pada 14 Jun 2021, jam lebih kurang 12 malam, SP8 melihat OKT membawa Bella ke bilik dobi. Selepas itu SP8 melihat OKT keluar seorang diri dan meninggalkan Bella dalam bilik dobi untuk tidur di bilik dobi tersebut. SP8 bersama Haiza, Hani Azura dan Syahirah bermalam di
D Kondominium Irama Wangsa hingga 15 Jun 2021. Selepas mereka pulang dari kondominium tersebut, pada 19 Jun 2021, Haiza disahkan telah dijangkiti Covid-19. Pada 21 Jun 2021, SP8 pula disahkan dijangkiti Covid-19. Pada 22 Jun 2021, OKT memaklumkan kepada SP8 bahawa OKT dan semua penghuni Kondominium Irama Wangsa tersebut, kecuali Tulus Bael,
E telah dijangkiti Covid-19.

[24] Pada 23 Jun 2021, OKT telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh bersama Marliana, Tulus Bael dan Aryan. SP8 dan Haiza menjalani kuarantin di rumahnya. Hani Azura pula menjalani kuarantin di MAEPS. Manakala Syahirah menjalani kuarantin di Rumah Bonda. SP8 menjelaskan
F mereka dijangkiti Covid-19 selepas mereka bermalam di Kondominium Irama Wangsa tersebut pada 13 Jun 2021 hingga 15 Jun 2021. Bimbang dengan keadaan Bella, SP8 telah berbincang dengan Haiza, Hani Azura dan Syahirah tentang bagaimana cara untuk membantu Bella dan penghuni Kondominium Irama Wangsa tersebut. Akhirnya mereka bersepakat untuk
G memberitahu Zurianty (SP1) agar dapat memeriksa keadaan Bella dan penghuni lain di Kondominium Irama Wangsa tersebut. Hasrat mereka telah disampaikan oleh Syahirah kepada SP1 pada 23 Jun 2021.

[25] Pada 24 Jun 2021, jam lebih kurang 2.41 petang, Zurianty binti Sudin ("SP1") telah pergi ke Kondominium Irama Wangsa tersebut dengan tujuan
H untuk memeriksa keadaan Bella dan penghuni lain kondominium tersebut. Selain itu, SP1 telah membawa makanan untuk diberikan kepada penghuni kondominium tersebut. Setibanya di Kondominium Irama Wangsa tersebut, SP1 hanya berdiri di hadapan pintu kerana penghuninya dikatakan positif Covid-19. SP1 kemudiannya telah merakam video keadaan penghuni rumah
I tersebut (eksh. P149 [A] & [B]) dengan menggunakan telefon bimbitnya. Sebaik sahaja pintu dibuka, kelihatan SP5, Aida, Balqies dan Maryam berada di dalam rumah tersebut.

[26] Memandangkan Bella tidak kelihatan, SP1 telah memanggil nama Bella. Bella kemudiannya muncul dan berdiri di hadapan pintu masuk Kondominium Irama Wangsa tersebut. Ketika itu, SP1 melihat Bella berkepala botak, berpakaian baju tidur berserta kardigan hitam dan memakai lampin pakai buang. Selepas itu, SP1 meminta Bella membuka kardigan tersebut. Bella perlahan-lahan membuka kardigan yang dipakainya dan kelihatan susah untuk membuka kardigan di bahagian lengan. Apabila kardigan tersebut dibuka, kelihatan luka yang teruk di kedua-dua belah tangan Bella.

[27] SP1 kemudiannya telah membuat panggilan ke Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") untuk medapatkan bantuan ambulans bagi membawa Bella ke hospital. Tidak lama selepas itu, ambulans telah datang dan membawa Bella ke Hospital Kuala Lumpur ("HKL"). Setibanya di HKL, Bella dibawa ke bahagian kecemasan untuk menjalani pemeriksaan. Sementara itu, SP1 telah membuat laporan polis ("eksh. P3") bagi melaporkan kejadian tersebut.

[28] Dr Meenambigai a/p PK Sevarajah ("SP2") adalah doktor perubatan yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap Bella. SP2 bertugas di Bahagian Kecemasan dan Trauma HKL. Dalam keterangannya, pada 24 Jun 2021, SP2 telah menerima seorang pesakit yang dikenali sebagai "unknown Bella". Hasil daripada pemeriksaan tersebut, SP2 telah menyediakan laporan perubatan awal yang dirujuk sebagai laporan pemeriksaan mangsa (eksh. P55 [A] dan P55 [B]). Hasil daripada pemeriksaan tersebut, SP12 mendapati Bella mengalami "infected burn wound over bilateral forearm", Bella juga didapati positif Covid-19, dan badan Bella terdapat "multiple old scars all over body". SP2 berpendapat usia luka "infected burn wound" di lengan bawah tangan kiri dan kanan tersebut dalam lingkungan lima ke tujuh hari. SP2 memberikan pendapat bahawa infected burn wound tersebut boleh dikategorikan sebagai "third degree burn wound" atau luka bakar tahap tiga.

[29] SP2 juga menjelaskan bahawa terdapat kesan-kesan kecederaan pada seluruh badan Bella. Terdapat juga parut-parut lama pada badan Bella. SP2 telah merekodkan secara terperinci kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella dan juga parut-parut yang terdapat di tubuh badan Bella setelah pemeriksaan fizikal dijalankan. Hasil pemeriksaan SP2 direkodkan dalam lampiran D, eksh. P55(B). SP2 juga memberikan pendapat pakarnya dengan mengatakan bahawa kecederaan-kecederaan dan parut-parut akibat daripada kecederaan yang terdapat pada tubuh Bella adalah "non-accidental injury". Memetik kata-kata SP2: "it's a physical abuse which is not self-inflicted".

[30] SP3 merupakan Doktor Pakar Pediatrik di Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur. SP3 juga merupakan ahli Pasukan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-Kanak atau dikenali sebagai Suspected Child Abuse and Neglect (SCAN). SP3 telah menyediakan laporan perubatan terhadap

Bella yang bertarikh 6 Oktober 2021 ("eksh. P65"). Berdasarkan eksh. P65, SP3 menyatakan bahawa terdapat banyak kesan luka lama pada muka, leher kiri, bahagian belakang, perut dan peha kanan Bella. Kesan luka terkini pada kedua-dua belah lengan Bella dibalut semasa pemeriksaan. SP3 juga menyatakan terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa Bella telah didera.

[31] SP4 bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif, HKL. Pada 24 Jun 2021, SP4 telah dirujuk dengan seorang pesakit bernama Bella. Berdasarkan laporan perubatan bertarikh 3 November 2021 ("eksh. P72"), SP4 mendapati terdapat luka yang terbuka di kedua-dua lengan bawah Bella. Hasil pemeriksaan SP4 juga menunjukkan terdapat kesan-kesan parut di muka, kepala, abdomen dan bahagian belakang badan Bella. SP4 menjelaskan bahawa kesan-kesan parut tersebut terjadi akibat daripada luka lecuran atau luka terbakar yang lama. SP4 telah merawat luka-luka tersebut dengan memberikan ubat berkaitan dan juga membuat dressing ke atas luka-luka tersebut.

[32] SP4 seterusnya telah menjelaskan anggaran usia bagi luka-luka yang terdapat di seluruh badan Bella. Dengan merujuk kepada P6(1), (4) dan (5), SP4 menjelaskan bahawa usia parut di bahagian kepala Bella adalah dalam lingkungan tiga, empat atau lima bulan. Bagi kesan luka di leher dan bahagian belakang badan Bella P6(2) dan (3), SP4 menjelaskan bahawa usianya dalam lingkungan dua minggu ke satu bulan. Merujuk kepada luka terbuka di lengan kanan Bella seperti di gambar P6(8), SP4 menyatakan bahawa ia berusia dalam lingkungan dua minggu ke satu bulan. SP4 selanjutnya menjelaskan bahawa jangka masa luka terbuka di lengan kiri Bella seperti di gambar P6(9) dan (10) adalah dalam lingkungan sepuluh hari ke satu bulan. SP4 selanjutnya menyatakan bahawa terdapat banyak luka dan kesan luka di badan Bella, oleh itu tidak mungkin ia disebabkan oleh satu punca atau satu kejadian sahaja.

[33] Dr Salmi binti Mohamed Sukur ("SP15") merupakan doktor pakar pembedah plastik yang bertugas di HKL. Pada 26 Jun 2021, SP15 telah membuat pemeriksaan perubatan ke atas Bella. SP15 telah merawat luka di kedua-dua belah tangan Bella. Beliau bertanggungjawab mencuci luka Bella dan membuat dressing luka Bella. Sepanjang SP15 merawat Bella, beliau dapati bahawa kecederaan yang dialami Bella adalah serius di mana luka-luka tersebut mengambil masa untuk sembuh. Daripada dapatan beliau, beliau mengatakan bahawa luka di kedua-dua belah tangan Bella adalah luka lecuran tahap "second degree burn" dan ia bukan disebabkan oleh kemalangan ("non-accidental injuries") atau kecederaan yang dibuat sendiri ("self-inflicted injuries").

[34] Dr Wan Asyikin binti Wan Azlan ("SP17"), seorang doktor pakar psikiatrik yang dirujuk untuk membuat pemeriksaan terhadap Bella. Hasil pemeriksaan, beliau menunjukkan bahawa Bella seorang kanak-kanak sindrom down yang boleh mengurus diri sendiri (eksh. P172). Bella menunjukkan "gesture" tangan dan sebut air panas semasa temu bual.

[35] Dr Anulaawathi a/p Balasena ("SP13") merupakan pegawai perubatan yang menjalankan pemeriksaan "bone age" terhadap Bella. SP13 telah membuat analisis terhadap tulang tangan Bella bagi mengenal pasti umurnya. Daripada analisis beliau, beliau dapati bahawa umur Bella adalah dalam anggaran 180 bulan (bersamaan 15 tahun) semasa pemeriksaan yang dilakukan pada 23 Julai 2020. Kemudiannya pada 3 Ogos 2020, beliau telah menyediakan laporan "bone age" (eksh. P62) untuk Bella.

[36] SP12 merupakan pegawai pelindung yang mengendalikan kes Bella. Beliau telah membuat permohonan di mahkamah bagi mendapatkan perintah jagaan sementara (P42) dan perintah jagaan tetap (P43). Beliau mengesahkan bahawa OKT adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara Bella.

[37] SP14 merupakan jururawat di Taman Sinar Harapan yang menjaga penghuni-penghuni di Taman Sinar Harapan. Beliau pernah merawat Bella semasa Bella berada di Taman Sinar Harapan sebelum dan selepas Bella diserahkan kepada OKT. Beliau telah memberi perbandingan sebelum dan selepas Bella diserahkan. Beliau juga dapati bahawa selepas Bella dihantar semula ke Taman Sinar Harapan, Bella takut dengan orang dan tidak sama seperti dahulu.

[38] SP16 adalah doktor yang bertugas di Klinik Setapak. Klinik Setapak ini merupakan klinik yang dikatakan OKT datang ke klinik tersebut bersama Bella, untuk mendapatkan ubat bagi merawat luka Bella. SP16 telah menyediakan surat (eksh. P169) yang menyatakan bahawa OKT tidak pernah membawa Bella ke klinik beliau untuk mendapatkan rawatan. OKT hanya memaklumkan kepada beliau bahawa salah seorang anaknya telah kena air panas dan meminta ubat bagi merawat kecederaan anaknya.

[39] Azrin Aisyah binti Mohd Razi ("SP21") merupakan juruteknik Cuckoo yang menjalankan servis mesin penapis air Cuckoo di Kondominium Irama Wangsa tersebut. Beliau mengesahkan bahawa berdasarkan servis yang dilakukannya, ia menunjukkan mesin penapis air Cuckoo tersebut dalam keadaan baik. SP21 selanjutnya mengesahkan bahawa mesin penapis air Cuckoo di rumah OKT tersebut masih boleh digunakan untuk air panas dan sejuk.

[40] Muhammad Redzuan bin Satori ("SP22") juga merupakan juruteknik Cuckoo yang membaiki "adapter" pada mesin penapis air Cuckoo di rumah OKT. Beliau memaklumkan bahawa masalah "adapter" tidak mengganggu fungsi mesin penapis air tersebut. Mesin penapis air tersebut tidak rosak dan masih boleh digunakan untuk air panas dan sejuk.

[41] SP19 adalah pegawai penyiasat asal yang menyiasat kes ini. Beliau telah menyiasat kes ini setakat pertuduhan pertama. Berdasarkan siasatannya, dalam tempoh Februari hingga Jun 2021, OKT adalah individu yang

A mempunyai pemeliharaan ke atas Bella. Dalam tempoh tersebut, SP19 merumuskan bahawa Bella telah mengalami kecederaan fizikal iaitu cedera di bahagian tangan sebelah kanan 0.5% "total body surface area" (TBSA) dan sebelah kiri 1% TBSA. Hasil siasatan SP19 menunjukkan terdapat parut-parut di seluruh badan Bella. Hasil siasatan SP19 juga menjurus kepada
B dapatan bahawa Bella telah mengalami kecederaan fizikal dan emosi dalam tempoh tersebut. Pada 20 Ogos 2021, OKT telah dituduh di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 kerana semasa dalam pemeliharaan OKT telah berlaku pengabaian kepada Bella sehingga berlakunya kecederaan fizikal dan emosi tersebut.

C **[42]** SP20 merupakan pegawai penyiasat yang mengambil alih kes ini setelah SP19 dipindahkan ke bahagian lain. SP20 mendapati bahawa terdapat keterangan yang menunjukkan berlaku penganiayaan oleh OKT terhadap Bella. Keterangan yang diambil dari penghuni-penghuni dan kenalan-kenalan rapat OKT juga telah menyatakan bahawa OKT telah menganiaya Bella,
D antara lainnya, dengan menyimbah air panas yang diambil daripada mesin Cuckoo, memberi Bella makan cili, mengurung Bella di bilik dobi dan memaksa Bella untuk makan najis. SP20 juga merujuk kepada keterangan doktor pakar yang telah menyatakan kecederaan Bella adalah bukan daripada kemalangan atau perbuatan sendiri dan ia berlaku dalam tempoh yang lama.
E Hasil siasatannya juga menyimpulkan bahawa adalah tidak berkemungkinan insiden yang mengakibatkan kecederaan-kecederaan Bella berlaku hanya sekali sahaja.

Kedudukan Undang-undang

F **[43]** Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa di akhir kes pendakwaan, saya hendaklah membuat penilaian yang menyeluruh ke atas kesemua keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes '*prima facie*' di atas pertuduhan yang telah dikenakan ke atas OKT sebelum OKT boleh dipanggil untuk membela diri.

G **[44]** Bahagian XX KTJ menjelaskan prosedur berkaitan perbicaraan dan juga menerangkan apakah maksud *prima facie.* Seksyen 180 KTJ menerangkan berkaitan beban pembuktian yang perlu dipenuhi oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan.

H **[45]** Penjelasan mengenai kes *prima facie* dinyatakan di bawah s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan: "suatu kes *prima facie* adalah dibuat terhadap OKT di mana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan yang jika tidak dijawab atau diterangkan akan mewajarkan satu sabitan".

I **[46]** Mahkamah Rayuan di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 telah menjelaskan mengenai maksud *prima facie* seperti yang berikut:

It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the CPC has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silence, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[47] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 menyatakan maksud *prima facie* adalah seperti yang berikut:

A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[48] Saya seterusnya merujuk kepada peruntukan di bawah s. 173(h)(iii) KTJ yang menyatakan seperti yang berikut:

(iii) For the purpose for subparagraphs (i) and (ii), a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction;

[49] Merujuk kes *Balachandran v. PP* (*supra*), Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa "In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established." Maka, untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT atau tidak, saya akan merujuk kepada elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[50] Seksyen 31(1)(a) AKK 2001 memperuntukkan seperti yang berikut:

Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak

31(1) Mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak:

(a) yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian; atau

(b) yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya

[51] Berdasarkan pertuduhan pertama di bawah s. 31(1)(a) Akta tersebut, elemen-elemen atau ingredients yang perlu dipenuhi untuk membuktikan pertuduhan di bawah seksyen tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) mangsa merupakan seorang kanak-kanak;

(ii) OKT mempunyai pemeliharaan terhadap mangsa dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan;

(iii) mangsa telah mengalami kecederaan fizikal dan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT;

(iv) OKT telah mengabaikan iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

[52] Berdasarkan pertuduhan kedua di bawah s. 31(1)(a) Akta tersebut, elemen-elemen atau ingredients yang perlu dipenuhi untuk membuktikan pertuduhan di bawah seksyen tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) mangsa merupakan seorang kanak-kanak;

(ii) OKT mempunyai pemeliharaan terhadap mangsa dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan;

(iii) mangsa telah mengalami kecederaan fizikal dan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT;

(iv) OKT telah menganiaya iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

[53] Maka, untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT atau tidak, saya akan merujuk kepada elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[54] Perlu ditekankan bahawa untuk membuktikan pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua, pihak pendakwaan perlu membuktikan dan memenuhi elemen-elemen pertuduhan selaras dengan s. 31(1)(a) Akta tersebut. Beza antara dua pertuduhan tersebut adalah merujuk kepada perkataan/perbuatan 'mengabaikan' dan perkataan/perbuatan 'menganiaya'. Kedua-dua pertuduhan tersebut masing-masingnya mempunyai empat elemen yang perlu dibuktikan atau dipenuhi. Walaupun terdapat perbezaan di antara kedua-dua pertuduhan tersebut, kedua-duanya mempunyai tiga elemen yang sama untuk dibuktikan, iaitu:

(i) mangsa merupakan seorang kanak-kanak;

(ii) OKT mempunyai pemeliharaan terhadap mangsa dalam tempoh dan jangka masa seperti dalam pertuduhan;

(iii) mangsa telah mengalami kecederaan fizikal dan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT.

[55] Memandangkan elemen pertama, kedua dan ketiga bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua adalah sama maka, saya akan menyatakan dapatan saya ke atas ketiga-tiga elemen tersebut serentak bagi pertuduhan pertama dan juga pertuduhan kedua. Dapatan saya adalah seperti yang berikut:

Elemen (i): Mangsa Merupakan Seorang Kanak-kanak

[56] Berdasarkan s. 2(a) AKK 2001, kanak-kanak adalah seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Selanjutnya, berdasarkan perintah mahkamah untuk meletakkan kanak-kanak Bella dalam jagaan OKT bertarikh 24 September 2020 (eksh. P43), umur Bella ketika itu dinyatakan sebagai 12 tahun.

[57] Saya juga merujuk kepada laporan bone age yang bertarikh 23 Julai 2020 (eksh. P62). Laporan tersebut menunjukkan Bella berumur dalam lingkungan 180 bulan. Berdasarkan pemeriksaan "bone age" dan mengikut penjelasan Dr Anulaawathi a/p Balasena (SP13), "chronological age" Bella adalah 12 tahun dan "estimated age" adalah dalam lingkungan 180 bulan (bersamaan 15 tahun). Daripada perbandingan x-ray pula menunjukkan umur Bella di antara 12 hingga 15 tahun.

[58] Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, jelas dibuktikan bahawa pada tempoh masa kejadian sepertimana dipertuduhkan, Bella berumur dalam lingkungan 13 tahun dan merupakan seorang kanak-kanak. Tambahan pula, tiada sebarang isu yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan berkaitan usia mangsa. Maka, elemen (i) ini bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua jelas dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen (ii): OKT Mempunyai Pemeliharaan Terhadap Mangsa Dalam Tempoh Dan Jangka Masa Seperti Dalam Pertuduhan

[59] Apakah yang dimaksudkan dengan pemeliharaan seorang kanak-kanak atau "having the care of a child" sebagaimana yang dinyatakan dalam s. 31(1) AKK 2001? Untuk menjawab persoalan tersebut, saya merujuk kepada kes *PP v. Norhayati Hashim & Anor* [2020] 10 CLJ 246. Dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi telah menerangkan bahawa care of child iaitu pemeliharaan seorang kanak-kanak bagi s. 317 Kanun Keseksaan dan s. 31(1) AKK 2001 adalah seperti berikut:

> Care of child is not defined under s. 317 of the Penal Code. However, guided by the provision of s. 31(1) of the Child Act 2001, it is the considered view of this court that care of a child under s. 317 of the Penal Code means to dutifully protect a child from any form of physical, mental and emotional injury and that duty to protect includes the duty to not expose or leave that child in any place with the intention of abandoning such child.

[60] Merujuk kepada pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang dipertuduhkan terhadap OKT, tempoh dan jangka masa pertuduhan adalah di antara bulan Februari 2021 hingga bulan Jun 2021. Maka, bagi memenuhi tuntutan elemen (ii) ini, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa OKT mempunyai pemeliharaan terhadap Bella dalam tempoh dan jangka masa di antara bulan Februari 2021 hingga bulan Jun 2021.

[61] Pada 14 Julai 2020, OKT telah mendapat perintah jagaan sementara ke atas Bella hingga 24 September 2020. Seterusnya, pada 24 September 2020, Mahkamah Majistret Kuala Lumpur telah mengeluarkan perintah supaya Bella diletakkan dalam jagaan OKT sehingga Bella mencapai umur 18 tahun ("eksh. P43"). Perintah P43 dengan jelas meletakkan syarat, antara lainnya, supaya Bella tidak boleh dipindah hak penjagaan dan pemeliharaannya kepada orang lain tanpa proses yang sah di sisi undang-undang. SP12 juga mengesahkan bahawa Bella telah diserahkan kepada OKT pada 24 September 2020 dan OKT telah dipertanggungjawabkan untuk pemeliharaan dan penjagaan Bella mulai 24 September 2020.

[62] Berdasarkan perintah yang dikemukakan sebagai eksh. P43, adalah jelas bahawa Bella berada dalam jagaan dan kawalan OKT bagi tempoh masa seperti dalam pertuduhan, iaitu di antara bulan Februari 2021 hingga Jun 2021. Hak pemeliharaan dan penjagaan Bella tidak pernah berpindah kepada orang lain dan kekal bersama OKT sepanjang tempoh tersebut. Oleh itu, saya mendapati elemen (ii) ini bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua juga telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen (iii): Mangsa Telah Mengalami Kecederaan Fizikal Dan Emosi Semasa Berada Dalam Pemeliharaan OKT

[63] Kedua-dua pertuduhan terhadap OKT melibatkan kecederaan fizikal dan emosi. Untuk membuktikan elemen (iii) ini, khususnya kecederaan fizikal, saksi-saksi yang terdiri daripada doktor-doktor perubatan telah dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk mengesahkan kecederaan fizikal yang dialami oleh Bella. Saksi-saksi daripada kalangan doktor perubatan adalah SP2, SP3, SP4 dan SP15.

Kecederaan Fizikal

[64] SP2 adalah doktor yang mula-mula merawat Bella ketika Bella dibawa ke HKL. SP2 telah menjalankan pemeriksaan ke atas Bella pada 24 Jun 2021. Setelah pemeriksaan dijalankan, SP2 mengesahkan bahawa terdapat "infected burn wound over bilateral forearm" (eksh. P6[8], [9] dan [10]). SP2 berpendapat bahawa luka di lengan bawah tersebut adalah "third degree burn wound". SP2 menjelaskan jangka masa luka tersebut berlaku berkemungkinan dalam lima hingga tujuh hari. SP2 juga menerangkan bahawa terdapat pelbagai parut lama pada seluruh badan Bella. SP2 berpandangan bahawa

kesan luka di peha Bella yang ditandakan sebagai "Y" dalam gambar P(11) adalah kerana ditekan dengan objek yang sangat panas (an extremely hot object would have been pressed on that particular place).

[65] Dengan merujuk kepada gambar pergelangan tangan dalam P6(7), SP2 menjelaskan bahawa kesan tanda bulatan di pergelangan tangan Bella adalah kesan luka akibat diikat dengan kuat. SP2 merujuk kepada gambar P6(6) yang menunjukkan kesan lingkaran berbentuk gelang di bahagian siku tangan kanan Bella. Beliau menerangkan bahawa kesan seperti lingkaran gelang tersebut adalah kesan kecederaan kerana diikat dengan ketat. SP2 juga merujuk kepada gambar P6(11) yang menunjukkan kesan lingkaran di kedua-dua pergelangan kaki Bella. SP2 selanjutnya menjelaskan bahawa kesan lingkaran di kedua-dua pergelangan kaki tersebut terhasil kerana ia telah diikat dengan kuat dan seterusnya menyebabkan kecederaan. Berikut adalah keterangan SP2 berkaitan kecederaan yang dialami Bella akibat pergelangan kaki dan tangannya diikat dengan kuat:

S: Circular old scar?

J: Ya it's a circular old scar. So if you see this particular scar, yang circular old scar, gambar rajah 6, you boleh lihat circular old scar gambar rajah 7 pun dekat dia punya wrist, pergelangan tangan.

Mah: Gambar 7 pergelangan tangan?

J: Pergelangan tangan dan juga gambar rajah 11. Kat kedua belah pergelangan kaki

S: So, jadi

J: So all these circular old scars it shows pernah di, how to say

Mah: Pernah?

J: It's like it's been tied before this. So actually a mark that is cause by tying. That's why it's circular. So it's a well demarcated, that means dia well defined lesion. Kita pakai perkatan lesion lah. In medical term is lesion. Luka, ya it's a well-defined lesion over the pergelangan, the pelipat tangan, pergelangan kaki dan pergelangan tangan. This is, so this is basically untuk gambar rajah 6

S: 6, 7 dan 11 ya doctor?

J: Ya

[66] Berdasarkan pemeriksaan tersebut, SP2 juga telah menyediakan laporan pemeriksaan mangsa yang ditandakan sebagai eksh. P55(A) dan P55(B). Hasil pemeriksaan SP2 direkodkan dalam lampiran D, eksh. P55(B), saya perincikan seperti yang berikut:

Bil.	Jenis kecederaan/Parut	Tempat cedera/Parut	Gambar Dalam Ekshibit P6
1.	Infected wound about 8cm x 4cm, with scab formation, granulation tissue, minimal bleeding seen.	Lengan bawah kanan	P6 (8)
2.	Infected wound with granulation tissue about 15cm x 4cm, no active bleeding, no pus discharge	Lengan bawah kiri	P6 (8),(9) & (10)
3.	Old scar, no bleeding	Pipi kiri dan leher kiri	P6 (1) & P(2)
4.	Old scar about 15cm x 8cm and not tender	Belakang badan	P6 (3)
5.	Minimal abrasion wound	Kepala, jam 9	P6 (4) & (5)
6.	Bald patch, sel rambut telah mati	Kepala, jam 6	P6 (4) & (5)
7.	Old Scar no deformity	Kepala, atas	P6 (5)
8.	Circular old scar over Fossa decubital, well-defined lesion	Siku tangan kanan	P6 (6)
9.	Old scar, well-defined lesion	Pergelangan tangan kanan	P6 (7)
10.	Old scar, well-defined lesion	Pergelangan kaki kiri dan kanan	P6 (11)
11.	Bite mark scar, non tender, ditandakan sebagai "X"	Perut	P6 (11)
12.	Old scar about 6cm x 6cm, ditandakan sebagai "Y"	Peha atas kanan	P6 (11)
13.	Old scar	Belakang badan bawah leher	P6 (4)
14.	Old scar	Belakang badan bawah leher	P6 (4)
15.	Old scar	Belakang badan bawah leher	P6 (4)

16.	Old scar, minimal scab	Atas payu dara kiri	P6 (1)
17.	Old scar	Lengan kiri atas	P6 (1)
18.	Old scar	Lengan kiri atas	P6 (1)

[67] SP2 juga menyatakan bahawa terdapat kesan luka berbentuk gigitan di bahagian perut Bella. SP2 menjelaskan bahawa kesan luka berbentuk gigitan tersebut terjadi kerana luka akibat digigit oleh seseorang. SP2 mencatatkan kecederaan tersebut di dalam eksh. P55(B) sebagai "bite mark scar, non tender". Dengan merujuk kepada gambar P6(11), SP2 telah memberikan keterangan seperti yang berikut:

S: Seterusnya gambar 11

J: In this, gambar rajah 11 kita boleh lihat kat atas perut dia, atas perut dia, ya, ada there's a bite mark. Bite mark scar which is not tender. So ini yang I cakap tadi yang if it's not tender ertinya dia sekarang dah tak rasa sakit. But we can see that it's like 11 to 12 o'clock from this particular photo. There's a bite mark over there.

S: Tadi doctor ada sebut pasal bite mark scar tu kan?

J: Ya betul

S: Apa sebenarnya kebarangkalian penyebab bite mark tu?

J: Penyebab? Digigit

S: Digigit?

J: Ya. Yang I cakap dia bite mark scar kerana boleh nampak, how you say, our teeth, our teeth punya well defined teeth punya demarcation kat atas sana

S: So maknanya gigi tu nampak?

J: Tak nampak gigi dia, nampak kesan kena gigit dengan gigi

[68] SP3 merupakan doktor pakar pediatrik yang menganggotai pasukan SCAN. SP3 telah menyediakan laporan perubatan terhadap Bella yang bertarikh 6 Oktober 2021 ("eksh. P65"). Berdasarkan eksh. P65, SP3 menerangkan bahawa terdapat banyak kesan luka lama pada muka, leher kiri, bahagian belakang, perut dan peha kanan Bella. Kesan luka yang terkini dan masih baru adalah luka yang terdapat pada kedua-dua belah lengan Bella. SP3 juga menyatakan terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa Bella telah didera.

[69] SP4 adalah seorang doktor yang bertugas di Bahagian Plastik Surgeri dan Rekonstruktif, HKL. SP4 telah membuat pemeriksaan ke atas Bella dan menyatakan bahawa terdapat kesan luka lecur pada kedua-dua bawah lengan Bella dan kesan-kesan parut di seluruh badan Bella. SP4 menjelaskan bahawa kesan-kesan parut tersebut terjadi akibat daripada luka lecuran atau luka

terbakar. SP4 seterusnya telah menjelaskan anggaran usia bagi luka-luka yang terdapat di seluruh badan Bella dengan merujuk kepada gambar-gambar dalam P6(1) hingga (11). SP4 menyatakan bahawa usia parut di bahagian kepala Bella adalah luka yang paling lama, iaitu dalam lingkungan tiga, empat atau lima bulan. Oleh itu, jelas bahawa jangka masa berlakunya kesemua kecederaan di tubuh Bella adalah sewaktu Bella berada dalam pemeliharaan dan penjagaan OKT. SP4 juga telah menyediakan laporan perubatan yang ditandakan sebagai eksh. P72.

[70] SP15 adalah doktor pakar pembedahan plastik yang bertugas di HKL. Pada 26 Jun 2021, jam lebih kurang 11 pagi, SP15 telah membuat pemeriksaan ke atas Bella. SP15 telah merawat luka di kedua-dua belah tangan Bella. SP15 juga telah mencuci luka Bella dan membuat dressing bagi luka-luka yang dialami oleh Bella. Sepanjang SP15 merawat Bella, beliau mendapati bahawa kecederaan yang dialami Bella adalah serius dan luka-luka tersebut mengambil masa untuk sembuh. SP15 selanjutnya menjelaskan bahawa luka di kedua-dua belah tangan Bella adalah luka lecuran tahap "second degree burn". SP15 juga bersetuju bahawa usia luka seperti dalam gambar P6(1), (4) dan (5) adalah dalam lingkungan tiga ke empat bulan. SP5 menerangkan bahawa usia luka lecur di kedua-dua lengan bawah tangan Bella adalah tiga minggu. SP15 mengesahkan bahawa luka-luka yang dialami Bella bukan disebabkan oleh kemalangan (non-accidental injuries) atau bukan kecederaan yang dibuat sendiri (self-inflicted injuries).

[71] Berdasarkan keterangan SP2, SP3, SP4 dan SP15, laporan pemeriksaan mangsa P55(A) dan (B), laporan perubatan P65 dan P72, gambar-gambar kecederaan Bella dalam eksh. P6(1) hingga (11) dan juga rakaman eksh. P149 (A) dan (B), adalah dibuktikan bahawa terdapat luka lecur pada kedua-dua bawah lengan Bella ketika Bella berada dalam jagaan OKT. Berdasarkan keterangan-keterangan dan juga ekshibit-ekshibit tersebut, terdapat kesan dan luka lama pada kepala, muka, leher kiri, bahagian belakang, perut dan peha kanan Bella yang terjadi akibat daripada luka lecuran atau luka terbakar. Lecuran atau luka terbakar yang mengakibatkan parut-parut tersebut juga dapat dibuktikan berlaku ketika Bella dalam jagaan OKT.

[72] Dapat juga dibuktikan bahawa kesan tanda bulatan seperti gelang di pergelangan tangan Bella adalah kesan luka akibat diikat dengan kuat (gambar P6[7]). Selain itu, kesan bulat berbentuk gelang di bahagian siku tangan kanan Bella gambar (P6[6]) adalah kesan kecederaan kerana diikat dengan ketat. Luka yang mengakibatkan kesan luka dipergelangan tangan dan bahagian siku Bella juga dibuktikan berlaku ketika Bella dalam jagaan OKT. Kecederaan melecur, kesan luka yang terjadi akibat daripada luka lecuran atau luka terbakar dan juga kesan luka akibat diikat adalah menepati tafsiran kecederaan fizikal yang diperuntukkan di bawah s. 17(2)(a) AKK 2001. Maka, pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa Bella telah mengalami kecederaan fizikal semasa berada dalam pemeliharaan OKT.

Kecederaan Emosi

[73] Bagi membuktikan Bella telah mengalami kecederaan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT, pihak pendakwaan telah memanggil Wan Zuriena binti Wan Ismail ("SP14"). SP14 merupakan jururawat di Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, Seremban. SP14 bertugas di Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah sejak 8 Mac 2006 sehingga kini. Bidang tugas SP14 adalah untuk menjaga hal-hal berkaitan kesihatan dan rawatan bagi penghuni di Taman Sinar Harapan. SP14 mula mengenali Bella sejak Bella mula-mula ditempatkan di Taman Sinar Harapan, pada tahun 2011 dan sehingga kini. SP14 menerangkan bahawa semasa Bella dalam pemerhatian dan jagaannya di Taman Sinar Harapan, Bella adalah seorang kanak-kanak yang ceria, manja dan mudah bergaul. Ketika Bella dihantar ke Taman Sinar Harapan, Seremban, umur Bella dalam lingkungan tiga tahun dan Bella amat manja dengan kakitangan Taman Sinar Harapan termasuklah SP14. SP14 melihat dengan dekat tumbesaran Bella dan menyifatkan Bella adalah kanak-kanak sindrom down yang cerdik dan pandai berdikari. Bella boleh mandi sendiri, memakai baju sendiri, boleh makan sendiri dan mendirikan solat.

[74] Kali terakhir SP14 melihat Bella sebelum diserahkan kepada OKT adalah pada Julai 2020. Pada 14 Julai 2020, Bella telah dibawa ke mahkamah Seremban untuk melanjutkan perintah pemeliharaan Bella. Namun, pada tarikh tersebut, perintah pemeliharaan ke atas Bella telah diberikan kepada OKT. SP14 melihat dan berjumpa Bella semula pada 4 Julai 2021. Pada tarikh tersebut, SP14 bertugas syif petang di Taman Sinar Harapan. Ketika berjumpa Bella, SP14 nampak rambut Bella dipotong pendek, muka berparut, ada kesan parut, dan kedua-dua belah tangan berbalut. SP14 menjelaskan bahawa selepas Bella tinggal semula di Taman Sinar Harapan, beliau ditugaskan untuk mencuci luka di tangan Bella, menyapu ubat dan seterusnya membalut luka-luka tersebut. SP14 juga menerangkan bahawa ketika beliau sedang membuat rondaan pada 4 Julai 2021, jam lebih kurang 9 malam, beliau terdengar seorang kanak-kanak menjerit dan beliau mendapati kanak-kanak yang menjerit tersebut adalah Bella dan kelihatan dalam trauma. SP14 juga mendapati bahawa Bella akan mengigau di waktu malam. Bella juga tidak mesra seperti sebelumnya dan sukar untuk rapat dengan orang lain kecuali dengan orang tertentu sahaja seperti SP14.

[75] Semasa SP1 datang ke Kondominium Irama Wangsa pada 24 Jun 2021, SP1 melihat sendiri kecederaan-kecederaan yang Bella alami. SP1 menerangkan bahawa Bella kelihatan sangat trauma dan beliau cuba menenangkan Bella dengan mengatakan akan membawa Bella berjumpa doktor. Berikut diturunkan keterangan SP1 berkenaan trauma yang Bella alami:

J: ... Saya bukan sukarelawan yang jumpa Bella sehari dua hari. Kemudian saya tanya Bella apa jadi kat Bella. Bella cakap kena cili, kena jirus air panas, kena ikat. Saya cakap siapa. Dia sebut Syomin, dia sebut Aida Balqies Benon. Saya tanya Ina mama ada buat tak? Dia macam confuse sikit. Benon buat apa? Dia macam confuse sikit so tak nak push. Lepas tu dia senyum dia kata sayang mummy. Saya cakap tak apa mummy ada kat sini, mummy ada dengan Bella. Sebab dia nampak sangat trauma kan budak sindrom down. Saya kata tak apa kita pergi hospital. Nanti doctor periksa Bella.

[76] SP5 menyatakan bahawa sejak mula mengenali Bella, beliau adalah seorang kanak-kanak yang pandai berdikari, pandai mengambil hati dan disukai ramai. Namun, selepas duduk dengan OKT, Bella mula berubah menjadi sedih dan kemurungan. SP5 menyatakan perubahan emosi Bella ini mula ketara dan disedarinya semenjak bulan April 2021. SP5 mengesahkan perubahan emosi Bella ini ketika diperiksa balas oleh peguam bela seperti yang berikut:

S: Dia tak buat perangai dan tak kacau orang

J: Setuju

S: Sangat, macam mana ayat dia? Ayat Mummy adalah, saya ulang ayat ni lah, ayat pendek kata Bella ni seorang yang sangat disukai ramai, setuju?

J: Setuju

S: Tapi tak lama lepas tu keterangan Yasmin, bila dah duduk dengan Bainun, Bella pun mula berubah. Sedih, kemurungan. Setuju?

J: Setuju

S: Kalau ikut keterangan dia, dia kata, ikut keterangan ni lah, Yasmin, Bella ni mula berubah bulan April. Betul?

J : Setuju

[77] SP8 pernah beberapa kali datang dan bermalam di Kondominium Irama Wangsa tersebut. SP8 mengenali perangai dan tingkah laku Bella sejak beliau datang ke kondominium tersebut pada bulan Disember 2020. Menurut SP8, Bella adalah seorang yang ceria dan sentiasa berkomunikasi apabila berjumpa dengannya. SP8 selanjutnya menjelaskan bahawa beliau dapat melihat perubahan tingkah laku dan emosi Bella. SP8 menjelaskan bahawa bermula bulan April 2021, Bella sudah tidak senyum langsung kepadanya, Bella juga sudah tidak berkomunikasi dengan SP8 dan tidak mempunyai hubungan mata (eye contact) dengannya. Berikut diturunkan keterangan SP8 yang menjelaskan tentang perubahan tingkah laku dan emosi Bella:

S: Sepanjang kamu kata kamu dah pergi banyak kali ke rumah tersebut, keadaan Bella maksudnya apa yang Bella pakai? A

J: Keadaan Bella ni dia sebab saya pergi daripada bulan 12 sampai lah last saya pergi bulan 6. So dia daripada seorang yang ceria well dress maknanya pakaian dia pun macam, dia selalunya kalau saya nampak dia, dia pakai pakaian rumah lah, maknanya t-shirt dengan seluar sama ada seluar pendek atau seluar panjang. Sebelum pertama kali yang saya nampak dia cedera bulan 5 tu dia ada juga pakai lengan pendek, baju t-shirt lengan pendek. Tapi lepas yang saya dah mula nampak dia cedera pada bulan 5 tu selalunya saya datang memang Bella akan pakai baju lengan panjang. Yang tu saya perasan lah. Lepas tu daripada seorang yang ceria saya nampak dan boleh berkomunikasi dengan saya ada eye contact, towards the end to dah start daripada bulan 4 tu memang dia dah tak ada senyum langsung, dah tak berkomunikasi langsung, dah tak ada eye contact langsung. Memang nampak dia ketakutan lah. Maknanya saya nampak perubahan dia daripada seorang yang ceria dan boleh berkomunikasi kepada seorang yang memang dah tak ada communication langsung dengan sesiapa dalam rumah tu. B C D

[78] SP3 adalah seorang pakar pediatrik, iaitu pakar kanak-kanak. SP3 telah menjalani latihan dalam bidang perubatan remaja. Antara tugas SP3 adalah memeriksa dan merawat pesakit kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan. Setelah menemu bual dan memeriksa keadaan Bella, SP3 menjelaskan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami Bella sememangnya memberi kesan psikologi kepada Bella. Kesan psikologi tersebut melibatkan kesan negatif kepada fungsi mental Bella. Tambahan pula, Bella merupakan kanak-kanak kurang upaya, sindrom down, yang tidak dapat memberikan maklum balas yang jelas. Seksyen 17(2)(b) AKK 2001 menerangkan bahawa seorang kanak-kanak boleh mengalami kecederaan emosi sekiranya terdapat gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental. Berikut adalah keterangan SP3 mengenai kesan psikologi kepada Bella: E F

S: Jadi ada apa-apa lagi yang doctor ingin katakan sebagai kesimpulan atas pemeriksaan terhadap Bella? G

J: Kesimpulan yang saya dapat berikan ialah terdapat kemungkinan bahawa kecederaan-kecederaan tersebut tidak nampak seperti kecederaan yang dilakukan sendiri atau dilakukan secara tidak sengaja. Dan kedua, bila dilihat pada kecederaan ini saya sangat bimbang dan risau kerana **kecederaan-kecederaan tersebut boleh memberi kesan dari segi psikologi kepada Bella.** Dan dia tidak dapat memberikan maklumat secara jelas. Jadi penempatan yang selamat adalah satu tindakan untuk memastikan keselamatan Bella pada masa hadapan. (penekanan ditambah) H

[79] Saksi pakar SP4 telah menjelaskan kesan-kesan parut pada tubuh Bella. Dengan merujuk kepada kecederaan serius di kedua-dua tangan Bella (P6[8], [9], dan [10]), SP4 menjelaskan bahawa parut daripada kecederaan tersebut bukan hanya setakat luka yang telah tertutup, bahkan Bella akan ada I

morbidity (unhealthy mental state or attitude), rasa sakit, rasa gatal. Walaupun luka akan kering, ia cenderung untuk luka semula dan menjadi ulser, menyebabkan Bella akan rasa tegang. Kesemua perkara ini akan memberi kesan kepada Bella, termasuk psychological effect. SP4 seterusnya menjelaskan bahawa parut-parut tersebut menyebabkan Bella mengalami 'recollection of the trauma', yang bermaksud ingatan trauma. Definisi trauma dalam "Kamus Dewan Edisi Keempat" adalah: Rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan. Maka adalah jelas bahawa Bella mengalami trauma yang mengganggu fungsi mental dan emosinya. SP4 menerangkan kesan psikologi terhadap Bella seperti yang berikut:

> S: Kita dah habis luka. Luka for me is injury. Tetapi doktor juga sebutkan scar iaitu parut. Boleh doktor ceritakan ataupun jelaskan kesan parut pula pada Bella?
>
> J: Kesan parut kalau luka kebakaran itu adalah superficial ... Tapi memang ada kesan yang luka itu sudah sembuh. Cuma dia punya kesan adalah dia akan nampak hypopigmented dengan pigmentation spot ... Kalau katakan ada parut yang dibuat daripada luka yang lebih dalam like dalam keadaan Bella ini, tengok luka yang di tangan yang ada eschar ataupun keruping tu yang dalam gambar 9, 10 and 8, so bila dia sembuh dia akan sembuh dengan parut. So parut yang scar ini dia bukan hanya setakat luka itu tertutup. Dia akan ada morbidity. Dia akan ada sakit , dia akan rasa gatal, dia akan kering, dia cenderung untuk pecah dan jadi luka lagi, jadi ulcer lagi and dia akan rasa tegang. Kesemua ini akan beri kesan kepada pesakit. And then of course ada psychological effects juga daripada appearance. Ada parut-parut semua ini, ada gangguan sebab tengok parut ini, **recollection of the trauma.** (penekanan ditambah)

[80] Mengenai pembuktian kecederaan emosi, saya merujuk kepada keterangan SP14, SP1, SP5, dan SP8. Keterangan saksi-saksi tersebut menunjukkan bahawa Bella adalah seorang kanak-kanak yang ceria, berdikari dan mudah mesra dan mudah bergaul dengan orang lain. Namun, semasa dalam jagaan OKT, dan selepas berlaku beberapa insiden seperti yang dijelaskan oleh saksi-saksi tersebut, Bella kemudiannya bertukar menjadi seorang kanak-kanak yang berada dalam keadaan trauma, selalu mengigau di waktu malam, sukar bergaul dengan orang lain, sentiasa sedih, kemurungan, tidak mahu berkomunikasi dengan orang lain dan sentiasa dalam ketakutan. Perubahan tingkah laku tersebut dan gangguan emosi yang dihadapi oleh Bella adalah menepati tafsiran kecederaan emosi yang diperuntukkan di bawah s. 17(2)(b) AKK 2001.

[81] Saksi-saksi pakar yang terdiri daripada SP3 dan SP4 pula menerangkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami Bella memberi kesan psikologi kepada Bella. Kesan psikologi tersebut melibatkan kesan negatif kepada fungsi mental Bella. Saksi-saksi pakar tersebut juga menjelaskan bahawa Bella mengalami trauma yang mengganggu fungsi mental dan emosinya. Kesan

psikologi yang mengganggu fungsi mental dan emosi Bella juga menepati tafsiran kecederaan emosi yang diperuntukkan di bawah s. 17(2)(b) AKK 2001. Oleh itu, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa Bella telah mengalami kecederaan emosi semasa berada dalam pemeliharaan OKT. Maka, adalah menjadi dapatan saya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen (iii) ini bagi kedua-dua pertuduhan.

[82] Saya telah menjelaskan dapatan-dapatan saya berkaitan elemen (i), (ii) dan (iii) bagi kedua-dua pertuduhan. Dapatan seterusnya pula adalah berkaitan dengan elemen (iv) bagi pertuduhan pertama dan juga pertuduhan kedua. Dalam pertuduhan pertama, OKT dituduh mengabaikan mangsa sehingga menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Oleh itu elemen (iv) yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan adalah:

Elemen (iv) (Bagi Pertuduhan Pertama): OKT Telah Mengabaikan Bella Iaitu Dengan Menyebabkan Kanak-kanak Itu Mengalami Kecederaan Fizikal Dan Emosi

[83] Dalam kes *PP lwn. Rudiana Razali* [2019] 1 LNS 1198, Mahkamah Tinggi telah menjelaskan bahawa mengabaikan bermaksud: "neglect, pay insufficient or no attention to or fail to take proper care" iaitu cuai/lalai atau kurang memberikan perhatian atau tiada perhatian atau gagal menjaga dengan baik. Saya juga merujuk kepada artikel yang bertajuk: "Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di Bawah AKK 2001 dan Prinsip Syariah (2015) 19 JUUM 37-49". Dalam artikel tersebut, penulis menjelaskan maksud menganiayai dan mengabaikan dalam s. 31(1)(a) AKK 2001 adalah seperti yang berikut:

> Merujuk peruntukan ini, menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan merupakan jenis-jenis perbuatan berbeza. Walau bagaimanapun, keempat-empat jenis perbuatan ini dapat dijelaskan seperti berikut, menganiayai merupakan satu perbuatan yang dilakukan dengan cara menindas, menyeksa atau menyakiti seseorang dengan cara yang zalim. **Manakala mengabaikan dapat dijelaskan sebagai satu perbuatan seseorang yang tidak memberikan perhatian tanpa mengendahkan tanggungjawab ke atasnya.** (penekanan ditambah)

[84] Pertuduhan pertama menyatakan OKT telah mengabaikan Bella iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Pengabaian dalam konteks pertuduhan pertama ini merujuk kepada tindakan OKT yang lalai, membiarkan, tidak mengendahkan dan tidak memberikan perhatian kepada keadaan Bella sehingga Bella mengalami kecederaan fizikal dan seterusnya kecederaan emosi. Dalam membuktikan pertuduhan pengabaian terhadap OKT ini, saya berpendapat niat OKT untuk menyebabkan kecederaan kepada Bella bukanlah menjadi inti pati kesalahan yang perlu dibuktikan. Ini bermakna, jika OKT tidak berniat untuk mendatangkan kecederaan kepada Bella sekalipun, namun, jika tindakan

pengabaian OKT itu telah menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal dan mental, maka OKT telah melakukan kesalahan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 tersebut.

[85] Untuk mensabitkan OKT dengan pertuduhan pertama ini, tiada keperluan untuk saya memutuskan bahawa OKT yang telah mencederakan Bella. Adalah memadai untuk saya dapati bahawa Bella telah mengalami kecederaan-kecederaan tersebut ketika Bella dalam pemeliharaan OKT, dan kecederaan tersebut berlaku akibat daripada pengabaian OKT. Namun, dalam kes ini, saya berpendapat adalah perlu untuk saya kenal pasti apakah kecederaan yang dilakukan oleh OKT dan apakah kecederaan yang dilakukan oleh orang lain (atau kecederaan yang diakibatkan oleh perkara lain). Ini adalah kerana OKT dituduh dengan dua pertuduhan. Pertuduhan kedua yang melibatkan penganiayaan memerlukan saya untuk membuat dapatan positif kecederaan manakah yang telah dilakukan oleh OKT. Sekiranya kecederaan tersebut dilakukan oleh OKT, sewajarnya OKT dituduh dengan penganiayaan dan bukannya pengabaian. Adalah tidak wajar untuk OKT dituduh mengabaikan dan dalam masa yang sama OKT juga dituduh dengan pertuduhan menganiayai bagi kecederaan yang sama. Maka, bagi pertuduhan pertama yang melibatkan elemen pengabaian, saya terlebih dahulu akan menentukan kecederaan manakah yang dilakukan oleh orang lain (atau kecederaan yang diakibatkan oleh perkara lain).

[86] Bagi kecederaan yang berkaitan dengan pertuduhan mengabaikan, saya dapati terdapat kecederaan Bella yang tidak dilakukan oleh OKT. Kecederaan tersebut adalah kecederaan di pergelangan tangan Bella, kedua-dua pergelangan kaki Bella dan juga kecederaan di bahagian siku Bella. Kecederaan-kecederaan tersebut berlaku akibat diikat dengan kuat. SP5 telah mengakui bahawa beliau dan Aida yang telah mengikat Bella sehingga tangan Bella menjadi bengkak dan cedera. SP5 mengakui beliau pernah mengikat Bella lebih daripada lima kali. Kecederaan Bella akibat diikat oleh SP5 dan Aida telah disahkan dan diterangkan oleh SP2 dengan merujuk kepada gambar-gambar kecederaan akibat ikatan dalam eksh. P6(6) dan P6(7) dan P6(11). Kecederaan-kecederaan akibat diikat dengan kuat tersebut berlaku semasa Bella dalam jagaan OKT.

[87] Selain daripada kecederaan akibat diikat tersebut, terdapat satu lagi kecederaan yang tidak dilakukan oleh OKT, iaitu kecederaan akibat gigitan di perut Bella. Saya dapati, kecederaan ini terjadi kerana bahagian perut Bella telah digigit oleh SP5. Dapatan saya ini adalah berdasarkan kepada pengakuan SP5 sendiri yang mengatakan bahawa beliau yang telah mengigit Bella. Kecederaan Bella akibat digigit oleh SP5 telah disahkan oleh pendapat pakar iaitu, SP2. Dengan merujuk kepada gambar-gambar kecederaan Bella, P6(11), SP2 menjelaskan bahawa kesan gigitan di perut Bella adalah kecederaan akibat gigitan seseorang. Pengakuan SP5 melalui keterangannya telah direkodkan seperti yang berikut:

S: Semalam Yasmin dah cerita apa kejadian berlaku pada Bella. Jadi hari ini kita teruskan. Semalam ada satu gambar, ada gambar kecederaan yang kita tunjuk pada Yasmin, Yasmin ada cerita dekat gambar no 11 ada kesan Yasmin kata kena gigit dekat perut

J: Ya betul

S: Boleh tak kita nak minta Yasmin cuba cerita tentang kejadian kena gigit ni?

J: Gambar no 11 yang kesan gigit di perut Bella, saya gigit atas arahan Siti Bainun kerana Bella tak dengar cakap Siti Bainun sebab Bella diarahkan berdiri tapi Bella nak duduk. So Siti Bainun geram Siti Bainun arahkan saya supaya saya buat apa yang boleh buat. Seperti biasa Siti Bainun arahkan ambil syringe, ambil air panas bagi dekat badan Bella. Tapi Bella menggelupur tapi ketika itu Bella tak rasa sakit. Siti Bainun jadi marah jadi Siti Bainun suruh arahkan saya untuk gigit perut Bella.

[88] Kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella akibat diikat oleh SP5 dan Aida, dan juga kecederaan akibat digigit oleh SP5 telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan sebagaimana diterangkan dalam isu mengenai pembuktian elemen (iii) di atas. Seterusnya, adalah tidak dapat disangkal bahawa lanjutan daripada kecederaan-kecederaan yang terjadi akibat daripada pengabaian OKT, Bella juga telah mengalami kecederaan emosi.

[89] Berdasarkan keterangan SP2 dan SP5, dapat dibuktikan bahawa kecederaan akibat diikat oleh SP5 bersama Aida, dan kecederaan akibat digigit oleh SP5 tersebut terjadi semasa Bella di bawah pemeliharaan dan penjagaan OKT. OKT jelas lalai, membiarkan, tidak mengendahkan dan tidak memberikan perhatian kepada keadaan Bella, malahan merelakan dan menggalakkan Bella dicederakan oleh SP5, sehingga menyebabkan Bella mengalami kecederaan-kecederaan tersebut dan seterusnya mengalami kecederaan emosi. Justeru, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen (iv) bagi pertuduhan pertama, bahawa OKT telah mengabaikan Bella iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

[90] Memandangkan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dan memenuhi elemen-elemen pertuduhan pertama, iaitu pertuduhan mengabaikan, saya dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu *prima facie* kes bagi pertuduhan pertama terhadap OKT.

[91] Kembali kepada pertuduhan kedua, persoalan terakhir yang perlu saya putuskan adalah, sama ada elemen (iv) bagi pertuduhan kedua dapat dipenuhi oleh pihak pendakwaan? Elemen ke (iv) di bawah pertuduhan kedua adalah seperti yang berikut:

Elemen (iv) (Pertuduhan kedua): OKT Telah Menganiaya Mangsa Dengan Menyebabkan Kecederaan Fizikal Dan Emosi Tersebut

[92] Dalam kes *PP v. Rudiana Razali* (*supra*), Mahkamah Tinggi telah menjelaskan bahawa menganiaya bermaksud: "maltreatment (penganiayaan), abuse (dera) atau torture (seksa). Untuk elemen ini dipenuhi, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa OKT yang telah mendera atau menyeksa mangsa Bella hingga menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut.

[93] Merujuk kepada elemen (iii), kecederaan-kecederaan pada tubuh Bella yang telah dibuktikan adalah luka lecur pada kedua-dua bawah lengan Bella dan juga parut-parut lama akibat kecederaan. Adalah dibuktikan juga bahawa luka lecur pada kedua-dua bawah lengan Bella dan kecederaan yang mengakibatkan parut-parut di tubuh Bella telah berlaku semasa Bella berada di bawah pemeliharaan OKT. Kecederaan-kecederaan tersebut telah diterangkan dan disahkan oleh saksi-saksi pakar SP2, SP3, SP4 dan SP15. Berdasarkan catatan SP2 di lampiran D, eksh. P55(B), terdapat lebih kurang 18 kecederaan dan parut akibat kecederaan yang terdapat di tubuh Bella. Selaras dengan kecederaan fizikal dan emosi yang telah dibuktikan (dalam elemen (iii)), maka dalam memutuskan sama ada elemen (iv) bagi pertuduhan kedua ini dapat dibuktikan atau sebaliknya, saya akan meneliti dan seterusnya membuat dapatan berdasarkan ruang lingkup keterangan yang relevan dengan kecederaan-kecederaan fizikal yang telah dibuktikan.

[94] Untuk membuktikan bahawa OKT telah menganiayai dan mendera Bella hingga menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut, pihak pendakwaan telah memanggil SP5 untuk memberikan keterangan. SP5 adalah saksi mata yang mendakwa telah melihat kejadian penganiayaan terhadap Bella. SP5 merupakan salah seorang penghuni di Kondominium Irama Wangsa tersebut semenjak sekitar bulan Februari dan Mac 2021. SP5 berumur 18 tahun semasa tinggal di Kondominium Irama Wangsa tersebut.

[95] SP5 menjelaskan bahawa luka-luka di badan Bella adalah disebabkan oleh air panas yang disimbah oleh OKT. SP5 menerangkan bahawa kejadian pertama OKT menyimbah air panas ke badan Bella adalah disebabkan Bella tidak mahu makan. Pada waktu itu, SP5 telah memegang badan Bella, OKT telah mengambil air panas dari mesin penapis air Cuckoo dan kemudian menyimbah air panas tersebut ke badan Bella menggunakan cawan. Berikut diturunkan keterangan SP5 yang berkaitan:

S: Lepas tu bila Cik masukkan air panas dalam cawan IKEA lepas dia buat macam mana?

J: Cik arahkan saya untuk pegang Bella untuk bagi air panas tu dekat badan Bella. Di badan Bella bahagian mana yang dia sempat

S: Maksud Yasmin bahagian mana dia sempat tu, cuba Yasmin?

J: Maksud saya, saya pegang Bella ikut arahan Cik. Saya pegang, kalau Bella mengelakkan diri dia Cik terus bagi air panas tu dekat badan Bella. Kalau kena tangan kena tangan, kalau kena belakang kena belakang.

S: Tadi Yasmin sebut bahagian tangan. Boleh Yasmin cerita macam mana dia bagi air panas tu?

J: Cik ambil cawan IKEA, Cik ambil dekat Cuckoo, Cik ambil air panas, dia terus bagi dekat Bella.

S: Terus bagi tu macam mana?

J: Simbah dekat badan Bella terus

[96] SP5 menerangkan bahawa insiden OKT menyimbah air panas ke badan Bella berlaku beberapa kali, bukan sahaja menggunakan cawan, malahan OKT juga menggunakan picagari untuk pancutkan air panas ke badan Bella. Kejadian kedua yang menyebabkan Bella dipancut dengan air panas adalah kerana Bella telah membuang air besar di bilik dobi. Berikut adalah keterangan SP5 berkaitan penganiayaan tersebut:

S: Boleh Yasmin cerita kejadian ke-2 pula? Ataupun kejadian lain yang Yasmin ingat?

J: Kejadian yang lain saya ingat

S: Tentang air panas ya?

J: Ya

S: Okay cuba Yasmin cerita?

J: Di ruang tamu Bella kena ikat kaki dengan tangan sebab Bella berak dekat laundry. Cik suruh saya, Cik arahkan saya, Aida ikat kaki dengan dengan tangan dia dan ambil air panas menggunakan

S: Sekejap Yasmin. Tadi Cik suruh siapa?

J: Saya, Aida dan Balqies ambilkan cawan IKEA. Lepas tu ambil isi air panas. Dan masa yang sama isi air panas dalam syringe juga dan beri kepada Bella tanpa henti

S: Beri tu apa maksudnya?

J: Simbah dekat badan Bella. Tak kisah di bahagian mana sekalipun. Ketika itu Bella dibogelkan

S: Bahagian badan yang mana?

J: Depan belakang, kira seluruh badan Bella

S: Seluruh badan ya?

J: Ya

S: Siapa yang simbah tadi ni?

J: Cik

S: Cik ni siapa?

J: Siti Bainun

[97] SP5 selanjutnya menerangkan bahawa selain disimbah dengan air panas, Bella juga pernah ditekap dengan kuali panas di pehanya. Kejadian ini berlaku apabila OKT marah atas perbuatan Bella yang telah minum air vitagen kepunyaan Noor Marliana binti Ramlee tanpa kebenaran. SP5 telah menjelaskan bahawa kesan kecederaan akibat ditekap dengan kuali panas adalah seperti dalam gambar eksh. P6(11). SP5 telah menandakan tempat kecederaan akibat ditekap kuali panas tersebut dengan tandaan "Y". Keterangan SP5 berkenaan Bella ditekap dengan kuali panas secara *verbatim* adalah seperti yang berikut:

S: Cuba Yasmin cerita

J: Bella minum air Vitagen Kak Ina. Selepas tu Cik dapat tahu Cik ambil air panas, Cik arahkan saya sendiri ambil air panas dekat Cuckoo dan saya bagi air panas tu dekat Cik, Cik bagi dekat Bella. Dan terus Cik ambil kuali panas yang kecil baru lepas goreng telur dadar letak dekat peha Bella

[98] SP2 menjelaskan bahawa semasa kali pertama berjumpa Bella, terdapat banyak luka-luka di badan mangsa serta "burn wounds" dan "multiple scar" serta "patches here and there". Memandangkan tiada rawatan atau lambat dalam mendapatkan rawatan bagi kecederaan-kecederaan Bella, maka SP2 menjelaskan bahawa kecederaan-kecederaan tersebut adalah "suspected non-accidental injury" (NAI). SP2 menerangkan bahawa kesan luka di peha Bella yang ditandakan sebagai "Y" dalam gambar P6(11) adalah kerana ditekan dengan objek yang sangat panas. Saya memetik kata-kata SP2: "An extremely hot object would have been pressed on that particular place". Maka, keterangan SP2 adalah selaras dan bertepatan dengan keterangan SP5 bahawa kecederaan di peha Bella tersebut akibat ditekap dengan objek (kuali) yang sangat panas. SP2 menyimpulkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella adalah akibat penderaan secara fizikal dan juga bukannya kecederaan yang dilakukan sendiri. Maka dapatan SP2 jelas menyokong keterangan SP5 berkaitan penderaan yang dilakukan oleh OKT terhadap Bella. Keterangan SP2 berkaitan kecederaan akibat penderaan adalah seperti yang berikut:

S: Baik, berdasarkan kecederaan-kecederaan yang doktor dah sebutkan tadi, apa yang boleh doktor simpulkan?

J: So base on my experience working in emergency department and I, base on the courses I went for, base on what I've thought and what I've discussed with my specialist, I could say that this is a non accidental injury

S: Can you explain further?

J: Which means it's a physical abuse which is not self-inflicted

[99] SP3 adalah seorang pakar pediatrik atau pakar kanak-kanak yang telah berkhidmat lebih 20 tahun dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Setelah membuat pemeriksaan terhadap Bella, beliau mendapati luka-luka pada badan Bella terjadi dalam pelbagai peringkat dan berlaku dalam jangka masa yang berbeza (different stages of wound). SP3 seterusnya menerangkan bahawa kecederaan itu berlaku beberapa kali dan dalam peringkat-peringkat masa yang berbeza. Penjelasan SP3 berkaitan kecederaan Bella terjadi dalam jangka masa berbeza mengesahkan keterangan SP5 bahawa insiden OKT menyimbah air panas ke badan Bella berlaku beberapa kali, dan dalam jangka masa berbeza.

[100] Selepas memeriksa Bella, SP3 mengesyaki terdapat unsur penderaan yang kuat apabila melihat keadaan tubuh badan Bella. Dapatan SP3 bahawa kecederaan Bella adalah akibat penderaan jelas menyokong keterangan SP5 bahawa Bella telah didera oleh OKT. Keterangan SP3 yang relevan adalah seperti berikut:

S: Tadi doktor ada katakan yang doktor merasakan terdapat unsur-unsur penderaan. Boleh jelaskan?

J: Ada beberapa ciri-ciri yang terdapat dalam hasil pemeriksaan yang memberikan saya mengesyaki bahawa terdapat unsur-unsur penderaan. Yang pertamanya terdapat kesan-kesan luka dan kecederaan yang sangat ketara tapi pesakit hadir ke hospital atas tujuan covid-19. Sekiranya covid-19 tidak menjadi isunya, maka pesakit tidak dapat hadir untuk mendapatkan rawatan untuk kecederaan yang sangat teruk. Itu satu. Kedua, kecederaan-kecederaan tersebut tidak dapat dilakukan oleh pesakit sendiri kerana ini boleh menyebabkan kesakitan yang sangat teruk untuk dihadapi oleh pesakit. Kerana kecederaan dalam bahagian kulit atau bahagian badan disebabkan kita manusia yang ada sakit, secara semulajadi secara refleksnya apabila terkena benda panas atau cecair atau benda yang kita tak selesa dan menyebabkan kesakitan, kita akan menjauhkan diri kita daripada kesakitan atau punca yang menyebabkan kecederaan. Bagi kes Bella terdapat kecederaan luka yang mustahil bagi Bella untuk meneruskan atau nak menyerahkan dirinya untuk dicederakan sebegitu sekali atas sebabkan diri sendiri. So besar kemungkinan ini adalah kecederaan-kecederaan yang dilakukan dengan sengaja dan bukan satu, besar kemungkinan kecederaan tersebut tidak konsisten dengan kemalangan atau tidak disengajakan. Satu lagi perkara yang dilihat adalah kecederaan berlaku di kedua-dua belah tangan. Sekiranya itu adalah satu kemalangan maka dia mungkin berlaku sebahagian daripada tangan dan tidak berlaku di kedua-dua belah tangan. Sebelah tangan tidak akan mencederakan tangan yang satu lagi. Kalau kita fikir dari segi mekanisma-mekanisma, kemungkinan-kemungkinan berlakunya kecederaan. Dan satu lagi yang dilihat ialah terdapat pelbagai peringkat kecederaan dalam usia yang berbeza yang memberi

maklumat bahawa terdapat kecederaan yang berlaku berulang kali. Sekiranya kecederaan tersebut adalah disebabkan kemalangan maka kemalangan tersebut berlaku sekali dan tidak berlaku berulang-ulang kali. Jadi disebabkan pelbagai usia kecederaan maka kecederaan yang berulang kali besar kemungkinan tidak disebabkan oleh unsur-unsur kemalangan. Menyedari semua hakikat ini dan faktor-faktor yang saya sebut sebentar tadi, saya sangat mengesyaki terdapat unsur penderaan yang sangat kuat. Dan saya sebagai pakar kanak-kanak saya ingin memastikan keselamatan serta kesihatan pesakit Bella terjamin. Tindakan saya ialah saya telah menghubungi pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat siasatan dan penyeliaan untuk penempatan Bella

[101] SP4 juga menerangkan bahawa kecederaan-kecederaan Bella tidak mungkin disebabkan oleh satu insiden atau satu penyebab (one possible cause) kerana terdapat pelbagai kecederaan dan parut yang pelbagai jenis dan ia tidak konsisten dengan satu punca atau penyebab. SP4 juga menegaskan bahawa corak kecederaan Bella tidak menunjukkan seperti terkena air panas yang meleleh atau mengalir ke bawah. Selain itu, kecederaan-kecederaan tersebut berlaku pada masa berlainan. Penjelasan SP4 ini jelas menyokong keterangan SP5 bahawa Bella telah beberapa kali disimbah air panas dengan menggunakan cawan oleh OKT, Bella telah beberapa kali dipancut dengan air panas menggunakan picagari oleh OKT dan peha Bella telah ditekap dengan kuali panas oleh OKT. Keterangan SP4 mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

S: Nanti kita akan ke sana. Sekarang kita masih lagi pada hari kejadian dan doktor menghabiskan masa 2-3 jam buat pemeriksaan dan memberi rawatan kepada Bella. Apakah luka jenis ataupun luka parut dan scar yang doctor nampak pada masa itu?

J: Bella punya luka itu from apa yang saya nampak adalah yang usually bila kami bagi diagnosis pada masa itu kami akan tulis diagnosis untuk open wound. So Bella punya luka masa itu adalah 1.5%. Tapi itu adalah open wound. Tapi luka-luka kelecuran ataupun bakar yang lain tu adalah lagi besar daripada 1.5%. Yang berada di badan dengan lengan and also dekat muka and leher. Memang ada banyak luka and dia tidak konsisten dengan one possible cause. ... Because dalam keadaan dia, dia punya pattern luka itu adalah bukan macam nampak macam air panas yang meleleh ke bawah. And then dia bukan hanya melibatkan satu lengan, dia melibatkan dua lengan. And then dia juga melibatkan dia punya belakang. Dia punya luka yang sudah sembuh itu adalah di belakang. And also menunjukkan yang dia adalah berlaku pada mungkin masa yang berlainan. Because dia punya some of tempat yang dah sembuh itu dia nampak macam sudah matang, some parts nampak macam masih merah, not matang. Which means more recent baru dia sembuh.

[102] SP15 telah berkhidmat sebagai doktor pakar bedah plastik lebih 23 tahun. Berdasarkan kepakarannya, SP15 menjelaskan bahawa kecederaan di kedua-dua lengan bawah Bella adalah "second degree burn" atau "partial thickness burn". SP15 menjelaskan bahawa tahap kelecuran adalah bergantung kepada suhu dan tempoh masa luka tersebut terdedah kepada suhu tersebut ("severity of the burn depends on the temperature and time of exposure"). SP15 menerangkan bahawa luka lecuran boleh disebabkan oleh air panas yang dikeluarkan daripada penapis air seperti jenama Coway dan Cuckoo. Maka, penjelasan SP15 ini menyokong keterangan SP5 yang mengatakan, antara lainnya, luka-luka lecur di badan Bella adalah akibat disimbah dengan air panas yang diambil dari penapis air jenama Cuckoo. Berikut adalah keterangan SP15 yang berkaitan:

S: Jadi Dr menyebut tadi 45 degree of celcius. Jadi maksud Dr 45 degree celcius ini adalah tahap yang tinggi atau macam mana?

J: Kalau dia dibiarkan lama, kalau patient tu pengsan kena sawan ke lepastu air meleleh lama, 45 tu panas akan dapat burn jugak lah. Tapi kalau kata acutely macam splash ke tertumpah ke, mesti lagi boiling water lebih daripada 60.

S: Tahap kepanasan yang macam mana ni Dr maksudkan?

J: Lebih 60.

S: Tahap kepanasan yang boleh menyebabkan kelecuran ni?

J: Air yang daripada cerek baru masak do, gas stove tu panas, air yang simpan dekat dalam flask pun panas. Lepas tu air yang dekat Coway tu pun Cuckoo tu pun, tak patut bagi jenama lah tapi air yang dari mesin tu pun panas.

S: Water dispenser maksud Dr?

J: Ya water dispenser. Tapi saya tak tahu nak kata temperature dia berapa dari sana. Saya pun takde benda tu.

S: Baik Dr, tahap minimum untuk dapat melecur ni. Tahap yang minimum, berapa degree Dr? Yang boleh dapat kelecuran ini.

J: Itu yang saya cakap tu. Kita tak boleh kata tepat even kalau ada paper kita baca ada study pun, its always ada time versus apa temperature. Takde kata one thing, oh that temperature that time, mesti burn. Tak. Temperature lain tapi time lain pun burn juga.

Kredibiliti SP5 (Yasmin Nahar Binti Mahmood)

[103] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa keseluruhan kes terhadap OKT di bawah pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua hanya bergantung sepenuhnya kepada circumstantial evidence. Kecuali keterangan daripada SP5 yang merupakan seorang interested witness dan tidak boleh dipercayai, tiada mana-mana saksi pernah melihat kejadian SP18 disimbah air panas oleh OKT.

[104] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa kredibiliti SP5 sebagai seorang saksi boleh dipertikai disebabkan keterangan yang tidak konsisten ketika pemeriksaan dijalankan. SP5 juga sering memasukkan watak dan fakta yang baru. Sebagai satu-satunya saksi mata yang berada di tempat kejadian pada setiap masa dan menyaksikan kesemua kejadian penganiayaan yang dilakukan oleh OKT maka pihak pembelaan memohon, seperti mana di dalam kes *PP lwn. Noor Hesham Hamid* [2022] 1 LNS 2107, agar mahkamah meneliti dengan cermat keterangan SP5.

[105] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa SP5 merupakan saksi yang kredibel. Dengan merujuk kepada kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457, pihak pendakwaan menghujahkan, dalam menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan, mahkamah hendaklah melihat perkara yang tidak konsisten tersebut dan menentukan sama ada ia "contradiction" atau pun hanya "discrepancies".

[106] Pihak pendakwaan juga menghujahkan bahawa keterangan saksi pendakwaan, SP5, yang tidak konsisten hanyalah berkaitan perkara-perkara yang "minor" dan tidak "material" untuk membuktikan elemen pertuduhan. Berdasarkan kes *Muniandy & Ors v. PP* [1966] 1 LNS 110; [1966] 1 MLJ 257, mahkamah perlu memberikan pertimbangan utama terhadap "the inherent probability of a fact in issue". Bagi kes ini, s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, "fact in issue" adalah sama ada OKT melakukan pengabaian dan penganiayaan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi kepada Bella.

[107] Adalah menjadi tugas saya untuk membuat penilaian maksimum (maximum or positive evaluation) terhadap semua keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan di mahkamah termasuk berkaitan dengan kebolehpercayaan (credibility) saksi-saksi. Pertamanya, saya bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa, sekiranya saya mendapati terdapat keterangan yang tidak konsisten dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan, saya hendaklah meneliti perkara yang tidak konsisten tersebut dan seterusnya menentukan sama ada ia "contradiction" atau pun hanya "discrepancies" (rujuk kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* (*supra*)).

[108] Dengan hormat, saya tidak bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan yang mengatakan bahawa keseluruhan kes terhadap OKT di bawah pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua hanya bergantung sepenuhnya kepada circumstantial evidence. Ini kerana terdapat direct evidence yang dikemukakan oleh SP5 sebagai saksi mata dalam kes ini.

[109] Keterangan SP5 adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan fakta yang disaksikan sendiri oleh beliau. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat keterangan yang tidak konsisten dalam keterangan SP5. Namun, selaras dengan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* (*supra*), saya perlu menentukan sama ada perkara yang tidak konsisten itu dianggap sebagai "contradiction" atau pun hanya "discrepancies".

[110] Ketika SP5 diperiksa balas, peguam bela OKT telah mencadangkan kononnya terdapat 30 penipuan oleh SP5. Namun begitu, SP5 menafikan cadangan tersebut. Semasa diperiksa semula oleh pihak pendakwaan, SP5 juga telah menjelaskan dan menafikan dakwaan penipuan tersebut. Saya telah meneliti dakwaan penipuan-penipuan tersebut dan mendapati penipuan-penipuan yang dicadangkan adalah perkara-perkara yang "minor" dan tidak "material" untuk membuktikan elemen pertuduhan. Tambahan pula, dokumen-dokumen yang dirujuk oleh peguam bela untuk membuktikan kononnya SP5 tidak bercakap benar juga masih kekal sebagai ID dan tidak pernah ditukarkan menjadi ekshibit D. Dokumen-dokumen tersebut adalah: IDD103, IDD99(I) dan (J), IDD108(A), IDD99(K), IDD109, IDD110, dan IDD24(B). Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai "identity document" (ID) tidak boleh dijadikan sebagai bukti. Maka, cadangan pihak pembelaan bahawa kononnya SP5 tidak bercakap benar adalah lemah dan wajar ditolak. Saya merujuk kepada kes *Soo Hong & Leong Kew Moi & Ors v. United Malayan Banking Corp Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ 548; [1997] 1 MLJ 690, Mahkamah Rayuan memutuskan (di ms. 554 (CLJ); ms. 695 (MLJ)):

> During the course of the trial, various documentary exhibits were referred to by both sides and marked as exhibits to be identified (ID) since the admissibility of such documents were objected to by either side on the ground that the makers were not called. I rule that since these documents were not strictly proved as required by s. 73(a) of the Evidence Act 1950 thereby deprives the opportunity to test the authenticity of their contents, such exhibits remain inadmissible.

[111] Saya juga mendapati, walaupun terdapat "inconsistency" dalam keterangan SP5, keterangan-keterangan yang tidak konsisten tersebut hanyalah satu "discrepancies" yang tidak sama sekali menjejaskan kredibiliti SP5. SP5 sudah semestinya tidak dapat mengingat setiap butiran dan berkemungkinan bercampur aduk dengan perkara-perkara yang hampir sama. Isu utama yang perlu dipertimbangkan ialah, sama ada kewujudan "discrepancies" cukup untuk memusnahkan kredibiliti saksi. Tiada rule of law yang menghendaki keterangan seorang saksi hendaklah sama ada diterima secara keseluruhannya atau ditolak secara total. Mahkamah adalah kompeten untuk menerima sebahagian testimoni saksi dan menolak sebahagian yang lain. Pendekatan saya ini adalah selaras dengan panduan yang diberikan dalam kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15, yang memutuskan:

> In my opinion, discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a note-book and wrote down every single thing

A that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their
B credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.
C

[112] Saya selanjutnya mendapati bahawa keterangan saksi SP5 yang tidak konsisten hanyalah berkaitan perkara-perkara yang tidak "material" untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan. Berdasarkan panduan daripada kes *Muniandy & Ors v. PP* (*supra*), saya perlu memberikan pertimbangan utama
D terhadap "the inherent probability of a fact in issue". Bagi kes ini, saya berpendapat, "fact in issue" adalah elemen-elemen yang perlu dibuktikan bagi kedua-dua pertuduhan terhadap OKT. Justeru, tumpuan saya hanya kepada keterangan yang utama dan relevan bagi menentukan sama ada "fact in issue" yang berkaitan dapat memenuhi kehendak elemen-elemen pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Maka, saya mendapati SP5
E adalah saksi yang berwibawa dan kredibel dan keterangan beliau adalah utuh walaupun setelah disoal balas. Saya juga mendapati tindak tanduk dan demeanour SP5 jelas menunjukkan beliau adalah saksi yang bercakap benar dan keterangannya wajar diterima.

F **Keterangan Oleh Mangsa/Bella**

[113] Saya merujuk kepada keterangan oleh Bella, mangsa dalam kes ini. Dr Wan Asyikin binti Wan Azlan ("SP17") menjelaskan bahawa Bella adalah seorang kanak-kanak istimewa sindrom down yang mempunyai intellectual disability moderate. Penilaian klinikal yang dibuat oleh SP17
G mencadangkan Bella mempunyai pemikiran seorang kanak-kanak berumur tujuh tahun. Pihak pendakwaan telah memanggil Bella sebagai saksi pendakwaan ke-18 (SP18).

[114] Perbicaraan yang melibatkan Bella sebagai saksi telah dijalankan melalui rangkaian secara langsung selaras dengan s. 3(1)(b) Akta Keterangan
H Saksi Kanak-Kanak 2007 ("AKSKK 2007"). Sepanjang perbicaraan saksi Bella, Dr Norjumawatun binti Shahruddin berada bersama saksi Bella sebagai perantara selaras dengan s. 8 AKSKK 2007. Selain itu, Puan Nurul Fahidah binti Azmi juga bersama Bella sepanjang perbicaraan saksi Bella berlangsung. Peranan Puan Nurul Fahidah adalah sebagai orang dewasa yang
I menemani saksi Bella selaras dengan s. 9 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

[115] Selaras dengan s. 133A Akta Keterangan 1950, preliminary enquiry telah dijalankan sebelum Bella memberikan keterangan. Inkuiri tersebut dijalankan untuk menentukan sama ada Bella memahami kewajipan bercakap benar di mahkamah, kesan dan akibat tidak bercakap benar. Saya mendapati bahawa Bella memahami kewajipan bercakap benar namun Bella kurang memahami kesan memberi keterangan dengan bersumpah. Setelah selesai membuat inkuiri, saya telah membuat keputusan untuk Bella memberikan keterangan tanpa sumpah. Berikut adalah sebahagian preliminary enquiry tersebut:

S: Tak apa, Bella? Apa yang tak? Kalau cakap tipu berdosa tak?

J: Dosa

S: Kalau berdosa, Bella kena cakap betul ke cakap tipu?

J: Ha?

S: Okay takpe takpe. Hari ni cuba Bella teka Kak Kira nak Bella cakap betul ke tipu?

J: Ahh.

S: Dengan izin Tuan, pihak pendakwaan telah selesai dengan preliminary question. Kami mohon dapatan Mahkamah samada kanak-kanak boleh mengangkat sumpah atau tidak, Tuan?

Mah: Kita merujuk kepada Sekyen 133A

S: 133A Tuan

Mah: Mahkamah ambil kira Bella memahami keperluan bercakap benar berbanding tipu tadi berdasarkan kepada ujian dijalankan. Walaupun tidak memahami kesan sumpah, kita boleh teruskan. Saya rasa kita boleh teruskan tanpa angkat sumpah

[116] Semasa pemeriksaan utama dijalankan oleh pihak pendakwaan, terdapat beberapa soalan memimpin atau leading question yang ditanyakan kepada Bella. Perkara ini telah dibantah oleh pihak pembelaan. Namun saya membenarkan untuk pihak pendakwaan meneruskan soalan memimpin yang berkaitan. Dalam hujahan di akhir kes pendakwaan, pihak pembelaan menghujahkan bahawa walaupun bantahan telah dibuat, mahkamah tetap membenarkan pihak pendakwaan meneruskan soalan sekaligus telah bertindak bertentangan dengan Akta Keterangan 1950 dan seterusnya memprejudiskan OKT. Pihak pembelaan mendakwa bahawa keprihatinan mahkamah kepada keadaan Bella amat mulia, namun keprihatinan tersebut sama sekali tidak boleh mengatasi undang-undang di bawah Akta Keterangan 1950.

[117] Saya perlu tegaskan di sini bahawa pihak pembelaan perlu akur bahawa mahkamah ini mempunyai budi bicara yang luas dalam membenarkan soalan berbentuk memimpin dalam pemeriksaan utama.

Leading question akan dibenarkan sekiranya mahkamah berpendapat ia penting untuk ditanya demi kepentingan keadilan. Sewajarnya demi kepentingan keadilan, saya harus membenarkan beberapa soalan memimpin yang relevan bagi membolehkan Bella memahami soalan dengan baik dan dapat memberikan jawapan yang benar berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya. Bella bukan sahaja seorang kanak-kanak yang berumur 13 tahun, bahkan beliau adalah kanak-kanak istimewa sindrom down yang mempunyai pemikiran kanak-kanak berumur tujuh tahun. Pihak pembelaan perlu faham bahawa mahkamah ini bukan sahaja perlu prihatin, malahan wajib bertindak sewajarnya demi kepentingan keadilan. Pendekatan saya ini adalah wajar dan saya seterusnya merujuk kepada buku teks; "*Sarkar on Evidence*, 14th Edition 1993". Di ms. 2030, pengarang buku tersebut menyatakan:

> The above six exceptions must not be taken as exhaustive. The Court has always a wide discretion in the matter, and it will allow leading questions to put whenever it considers necessary in the interest of justice. Indeed the judge has, says Taylor, a discretionary power – Not controllable by the court of appeal see (*Lawdon v. L*, 5 Ir CLR 27) – of relaxing the general rule, whenever, and under whatever circumstances and to whatever extent, he may think fit, though the power should only be exercised so far as the purposes of justice plainly require (Tay s. 1405).

[118] Mengenai isu soalan memimpin ini, saya mendapati tiada kes tempatan terkini yang membincangkan tentang budi bicara mahkamah dalam membenarkan soalan memimpin kepada saksi kanak-kanak dalam pemeriksaan utama. Dalam isu ini, saya berpendapat adalah bermanfaat untuk saya merujuk kepada kes terkini di mahkamah Amerika Syarikat yang telah memutuskan isu ini secara khusus. Saya merujuk kepada kes *Jimmy Standridge v. State of Arkansas*, 2023 (Ark. App. 141). Dalam kes ini, Jimmy Standridge (tertuduh) telah dituduh dengan pelbagai kesalahan seksual terhadap anaknya, MC. MC berumur lapan tahun ketika kesalahan dilakukan dan berumur 15 tahun ketika perbicaraan dijalankan. Selepas tertuduh disabitkan dengan pertuduhan tersebut, tertuduh merayu atas alasan hakim perbicaraan telah terkhilaf kerana menyalahgunakan budi bicaranya dengan membenarkan soalan memimpin ditanyakan kepada MC dalam pemeriksaan utama. Pada 8 Mac 2023, The Court of Appeals of Arkansas tidak bersetuju dengan alasan tersebut dan menolak rayuan tertuduh, selanjutnya memutuskan:

> Standridge next alleges the circuit court abused its discretion when it allowed the State to continue leading the witness over defense counsel objection. Several times during MC's testimony, she was difficult to hear or understand. The prosecutor would repeat what she said, then ask the next question. After doing this for a bit, defense objected. At the sidebar conference, the court acknowledged it was sensitive to the defense's position but ultimately decided to allow it to continue because MC was

occasionally difficult to hear, and the prosecutor was helping ensure the witness's testimony was understandable. The court did ask the witness to speak up.

[119] Justeru, adalah jelas bahawa saya menggunakan budi bicara saya dengan wajar dan seharusnya keterangan yang diberikan oleh Bella wajar dipertimbangkan sebaiknya. Dalam keterangannya, ketika dirujuk dengan gambar P6(8), Bella menyatakan gambar tersebut adalah gambarnya. Apabila ditanya kenapa dengan tangannya, Bella menjawab Cik Benon yang buat. Bella juga kerap menggunakan perkataan "air panas, cili makan, cili mata, tahi makan". Perkataan-perkataan tersebut kerap kali diulang oleh Bella. Bella juga telah mengecam OKT di dalam mahkamah semasa perbicaraan berlangsung. Berikut adalah keterangan Bella apabila ditanya tentang kecederaan ditangannya:

S: Bella. Mohon untuk dirujuk gambar 8 (P6), Tuan. M/s 4 Tuan, gambar 8. Bella, cuba Bella tengok itu gambar apa tu, Bella? Itu gambar apa?

J: Bella

S: Gambar Bella juga?

J: Ha

S: Kenapa dengan tangan Bella tu?

J: Cik Benon

S: Cik Benon buat apa?

J: Air manas

S: Air panas. Bella, Cik Benon buat air panas dekat mana?

J: Ni (tunjuk tangan kiri)

S: Okay

J: Ni (tunjuk tangan kanan)

S: Okay

J: Ni (tunjuk bawah bahu kiri)

S: Okay. Ada lagi?

J: Ni (tunjuk leher)

S: Okay. Bella, Bella kena air panas ni dekat rumah siapa?

J: Ya Shira?

S: Bella kena air panas dekat rumah siapa?

J: Cik Enon

[120] Keterangan tidak bersumpah oleh Bella adalah rendah nilai probatifnya. Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 menyatakan keterangan Bella memerlukan keterangan sokongan (corroboration) seperti laporan perubatan atau pakar, keterangan circumstantial ataupun keterangan daripada saksi yang lain. Saya perlu memastikan bahawa keterangan sokongan hendaklah dapat mengaitkan tertuduh seperti yang dinyatakan dalam kes *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658. Yang pastinya, OKT tidak boleh disabitkan hanya berdasarkan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak (Rujuk kes *Chao Chong & Ors v. PP* [1959] 1 LNS 11; [1960] MLJ 238). Dalam kes ini, saya mendapati keterangan Bella wajar diterima sebagai keterangan yang menyokong keterangan SP5. Keterangan Bella yang jelas dan dapat difahami adalah keterangannya mengenai kecederaan di kedua-dua tangannya. Sebagaimana nota prosiding yang diturunkan di atas, Bella telah menunjukkan kedua-dua tangannya yang cedera berdasarkan gambar dalam eksh. P6(8), dan seterusnya menjelaskan Cik Benon (OKT) buat tangan Bella dengan air panas di rumah OKT.

[121] Berdasarkan keterangan terus (direct evidence) oleh saksi mata SP5, yang telah disokong oleh keterangan saksi-saksi pakar, SP2, SP3, SP4 dan SP15, adalah menjadi dapatan saya bahawa OKT telah menganiaya mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut. Keterangan Bella juga menyokong keterangan SP5 terutamanya keterangan mengenai kecederaan lecur di kedua-dua lengan bawah Bella. Bella sendiri dengan jelas menyatakan bahawa kecederaan-kecederaan di lengannya adalah disebabkan oleh OKT dengan menggunakan air panas. Maka, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen (iv) bagi pertuduhan kedua ini.

Isu-isu Berbangkit Di Peringkat Kes Pendakwaan

Sama Ada Kedua-dua Pertuduhan Adalah Defektif Kerana Tiada Masa Dan Tarikh Serta Bagaimana Kesalahan Tersebut Dilakukan

[122] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan memberikan tarikh yang spesifik kepada kedua-dua pertuduhan telah menutup ruang kepada OKT untuk mengemukakan pembelaan dari segi masa dan tarikh kejadian, yang mana undang-undang berkaitan dengan s. 402A KTJ dibaca bersama dengan s. 103 Akta Keterangan 1950 ini adalah satu undang-undang mantap dan turut digariskan prinsipnya oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Tee Hock Keong v. PP* [2021] 1 LNS 497.

[123] Pihak pembelaan selanjutnya menghujahkan bahawa adalah selamat untuk mahkamah ini membuat satu dapatan undang-undang bahawa pihak pendakwaan telah gagal mematuhi keperluan di bawah s. 153 KTJ dan pihak pembelaan serta OKT telah diprejudiskan sekaligus memerlukan aplikasi s. 154 KTJ diteliti. Mahkamah Rayuan dalam kes *Abdul Azeez Abdul Rahim*

lwn. PP [2022] 1 LNS 1995 menyatakan bahawa butiran berkenaan kesalahan perlu dimasukkan apabila butiran yang di sebutkan dalam s. 152 KTJ dan s. 153 KTJ tidak mencukupi dan tidak memberi notis yang cukup tentang perkara yang beliau dipertuduhkan. Pihak pembelaan juga mengemukakan kes-kes berikut untuk menyokong hujahannya: *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737; dan *PP v. Ahmad Zahid Hamidi* [2022] 9 CLJ 713.

[124] Dengan merujuk kepada kes-kes: *Mohd Rasul Mat Lasi v. PP* [2021] 1 LNS 1737; *Willie Sodoi v. PP* [1994] 3 CLJ 515; *R v. Hartley* [1972] 2 QB 1, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa pertuduhan yang mengandungi anggaran masa kejadian adalah mencukupi bagi memberi notis kepada tertuduh.

[125] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa kejadian pengabaian dan penganiayaan terhadap Bella berlaku dalam tempoh dari bulan Februari hingga Jun 2021. Tiada keterangan saksi-saksi yang mengatakan bahawa terdapat kecederaan pada badan Bella sebelum dari bulan Februari 2021. SP1 telah menjelaskan kali terakhir berjumpa Bella adalah pada bulan Februari 2021 dan tidak menyatakan tentang apa-apa kecederaan dilihat pada badan Bella. SP5 telah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai kejadian di mana Bella telah diabai dan dianiaya oleh OKT dalam tempoh bermula Mac hingga Jun 2021. SP8 juga telah menjelaskan bahawa semasa ke rumah OKT pada bulan April, SP8 telah melihat kecederaan pada leher Bella. Oleh yang demikian, OKT telah mengabai dan menganiaya Bella dari bulan Februari 2021 hingga Jun 2021 sebagaimana di dalam kedua-dua pertuduhan terhadap OKT.

[126] Saya bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa pertuduhan yang mengandungi anggaran masa kejadian adalah mencukupi bagi memberi notis kepada tertuduh selaras dengan dapatan kes-kes *Mohd Rasul Mat Lasi v. PP* (*supra*); *Willie Sodoi v. PP* (*supra*); dan *R v. Hartley* (*supra*).

[127] Dakwaan peguam bela OKT bahawa kedua-dua pertuduhan adalah defektif sebenarnya telah ditimbulkan di peringkat hujahan akhir kes pendakwaan. Saya telah meneliti dan mempertimbangkan isu tersebut dan berpendapat bahawa kedua-dua pertuduhan tersebut tidak cacat atau defektif. Ini kerana tarikh dan masa yang spesifik bukanlah satu kemestian, terutamanya jika elemen pertuduhan tidak menghendaki tarikh dan masa dinyatakan secara khusus. Dalam kes ini, pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang melibatkan pengabaian dan penganiayaan, masing-masingnya dinyatakan tempoh masa kesalahan dilakukan, iaitu "di antara bulan Februari 2021 sehingga bulan Jun 2021". Tempoh masa yang dinyatakan dalam pertuduhan tersebut adalah memadai dan tidak menyalahi s. 153 KTJ. Justeru, saya mendapati kedua-dua pertuduhan tersebut tidak

mengelirukan dan tidak memprejudiskan OKT. Dapatan saya ini adalah berpandukan kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Law Kiat Lang v. PP* [1965] 1 LNS 81; [1966] 1 MLJ 215 yang memutuskan bahawa:

> With regard to the first of these charges, the dates are wrong and the charge was at no time amended. This in itself, however, is without importance. As was observed by Atkin J in the case of *Severo Dossi* (1918) 13 Cr App R 158 159:
>
> > From time immemorial a date specified in an indictment has never been a material matter unless it is actually an essential part of the alleged offence.

[128] Peguam bela OKT juga menghujahkan bahawa kedua-dua pertuduhan adalah defektif memandangkan tidak dinyatakan bagaimana kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan. Hujahan ini adalah tidak bermerit kerana ayat "telah mengabaikan iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi" dalam pertuduhan pertama, dan ayat "telah menganiaya iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi" dalam pertuduhan kedua jelas memberikan kefahaman kepada OKT bagaimana kedua-dua kesalahan tersebut dilakukan serta memberikan pernyataan yang mencukupi tentang perkara yang manakah OKT dituduh. Selain itu, perkataan "mengabaikan" dan perkataan "menganiayai" yang terdapat dalam kedua-dua pertuduhan tersebut dinyatakan dengan jelas dalam s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. Perkataan "mengabaikan" dan perkataan "menganiayai" juga merupakan perbuatan yang mudah difahami seperti perkataan "mencuri" dan perkataan "membunuh". Dalam misalan (a) yang merujuk kesalahan mencuri dan misalan (e) yang merujuk perkataan "membunuh" (illustrations) bagi s. 154 KTJ, jelas dinyatakan bahawa kesalahan mencuri dan kesalahan membunuh tidak perlu diterangkan cara dan bagaimana ia dilakukan. Justeru, saya berpendapat bahawa kedua-dua pertuduhan tersebut tidak mengelirukan dan tidak memprejudiskan OKT. Dapatan saya ini adalah selaras dengan dapatan Wilson J dalam kes *PP v. Chang Wan Seng* [1954] 1 LNS 64 yang memutuskan:

> In my opinion, a request for particulars of negligence was tantamount to a request for particulars of the evidence which the prosecution proposed to call, and I do not think that the accused was entitled to such particulars. In my opinion, the charge contained such particulars as are required by s. 153 of the Criminal Procedure Code and I do not think s. 154 of the Criminal Procedure Code has any application in this case. When a person is charged with murder it is not usual, and certainly not necessary, to specify in the charge the poison or weapon used. I cannot say that the accused was in any way prejudiced by a failure to supply him with the particulars of the evidence on which the prosecution relied

Sama Ada Pertuduhan Kedua Adalah Defektif Dan Bertentangan Dengan s. 152 KTJ Kerana Ia Tidak Menyatakan Sama Ada OKT Dipertuduhkan Bagi Kesalahan Di Bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 Atau s. 31(1)(b) AKK 2001

[129] Di akhir kes pembelaan, pihak pembelaan menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa kesemua elemen yang diperlukan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 dan bagi pertuduhan kedua, tiada peruntukan seksyen dinyatakan dalam pertuduhan dan tidak dipinda sehingga akhir kes pembelaan.

[130] Meskipun dalam hujahan bertulis di peringkat akhir kes pendakwaan, pihak pembelaan tidak mengemukakan bantahan terhadap peninggalan sub-s. (1)(a) atau (1)(b) dalam pertuduhan kedua tersebut, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi pertuduhan kedua di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

[131] Adalah menjadi dapatan saya bahawa, meskipun pihak pendakwaan hanya menyatakan pertuduhan kedua tersebut di bawah s. 31(1) AKK 2001, tanpa menyatakan sama ada ia di bawah sub-s. (a) atau (b), mahkamah ini mempunyai kuasa untuk membuat dapatan bahawa pertuduhan kedua tersebut jatuh dalam sub-s. (a) berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang relevan. Kuasa saya untuk mengubah atau menambah kepada sebarang pertuduhan pada bila-bila masa sebelum diumumkan keputusan di akhir kes pembelaan adalah jelas diperuntukkan dalam s. 158 KTJ.

[132] Pada 26 Januari 2023, sebelum kes pembelaan bermula, saya sekali lagi menjelaskan dan menerangkan kepada OKT bahawa pertuduhan kedua telah ditambahkan dengan sub-s. 1(a), menjadikan ia pertuduhan di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, berdasarkan kepada keputusan kes *prima facie* yang telah diputuskan pada 24 November 2022 dan selaras dengan s. 158 KTJ. Setelah saya menerangkan penambahan sub-s. (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 tersebut, selaras dengan s. 158(2), saya telah membacakan dan menerangkan kepada OKT pertuduhan kedua yang ditambah dengan sub-s. (1)(a).

Sama Ada Pihak Pendakwaan Gagal Memberikan Keseluruhan Ekstrak "Soft Copy" Daripada "Pen Drive" (P163)

[133] "Pen drive" atau pemacu pena (P163) mengandungi data peribadi pemilik telefon bimbit yang bernama Hani Azura binti Zulkifli (salah seorang daripada saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan). P163 telah menjalani proses analisis dan menyebabkan ia tidak boleh disalin ke "soft copy". Oleh kerana "soft copy" tersebut tidak dapat dibuat dan tidak dapat diserahkan kepada pihak pembelaan, maka satu perbincangan telah

dijalankan. Kedua-dua pihak, pendakwaan dan pembelaan bersetuju untuk melihat isi kandungan P163 di mahkamah. Kedua-dua pihak telah meneliti isi kandungan P163.

[134] Berdasarkan rekod mahkamah, tarikh-tarikh telah ditetapkan untuk kedua-dua pihak meneliti isi kandungan P163 yang mempunyai 15,045 muka surat. Tarikh-tarikh untuk kedua-dua pihak meneliti kandungan P163 di mahkamah telah ditetapkan pada 6 Julai 2022, 7 Julai 2022, 13 Julai 2022 dan 14 Julai 2022. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pihak pendakwaan telah sedaya upaya memberikan masa dan peluang untuk pihak pembelaan meneliti kandungan P163. Maka, ia tidak fatal kepada "chain of evidence" dan bukanlah satu kepincangan yang fatal kepada kes pendakwaan.

[135] Selain itu, saya mendapati bahawa ekstrak soft copy daripada pen drive P163 tersebut merupakan dokumen sokongan yang dikemukakan untuk membantu mahkamah memahami kronologi kes ini dan juga menguatkan kes pendakwaan. Saya juga telah memutuskan dan menentukan dokumen-dokumen yang relevan dan yang perlu ditandakan sebagai ekshibit. Tidak semua kandungan pemacu pena tersebut adalah relevan bagi pertuduhan-pertuduhan kes ini. Justeru, kegagalan pihak pendakwaan memberikan keseluruhan ekstrak soft copy daripada pemacu pena, jika ada, jelas tidak membolehkan pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

Sama Ada Pengemukaan P205 Di Peringkat Pemeriksaan Semula Oleh SP20 Adalah Satu "Afterthought" Dan Tidak Selari Dengan Peruntukan s. 51A KTJ

[136] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa P205, iaitu emel jawapan daripada syarikat Cuckoo, tidak wajar ditandakan sebagai ekshibit kerana hanya dikemukakan semasa pemeriksaan semula melalui SP20 dan ia tidak pernah diserahkan kepada pihak pembelaan di bawah s. 51A KTJ.

[137] Pihak pendakwaan telah mengemukakan emel daripada syarikat Cuckoo melalui SP20 ketika pemeriksaan semula dan saya telah membenarkan dokumen tersebut dikemukakan tertakluk kepada pemeriksaan balas pihak pembelaan. Pihak pendakwaan menjelaskan bahawa dokumen P205 hanya dikemukakan melalui SP20 semasa pemeriksaan semula kerana isu tersebut ditimbulkan oleh pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas. Pihak pendakwaan juga menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai niat jahat semasa mengemukakan dokumen tersebut.

[138] Saya memutuskan bahawa dokumen tersebut dijadikan eksh. P205 kerana tiada bukti pihak pendakwaan berniat jahat dan ia tidak menyalahi s. 51A KTJ. Setelah ia ditandakan sebagai ekshibit, mahkamah boleh menerimanya sebagai sebahagian daripada keterangan. Maka tidak timbul isu sama ada ia satu 'afterthought' atau fikiran terkemudian. Pendekatan saya ini adalah selaras dengan keputusan kes *Benjamin William Hawkes v. PP* [2020] 8 CLJ 267, di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa

ketidakpatuhan s. 51A KTJ tidak akan mencegah pihak pendakwaan dari segi undang-undang daripada mengemukakan dokumen-dokumen yang tidak diserahkan kepada tertuduh sebelum perbicaraan sebagai keterangan semasa perbicaraan. Oleh itu, ini hanya bersifat prosedur dan bukan keterangan. Adalah undang-undang matan bahawa dalam kes-kes di mana keterangan diperoleh secara tidak sah, kebolehterimaannya tidak terjejas kerana isu sebenarnya adalah kerelevanan.

Sama Ada Tindakan Hakim Yang Telah Mengarahkan Hanya Dua Peguam Bela Daripada Lima Peguam Bela Membuat Pemeriksaan Balas Terhadap Saksi Pendakwaan Adalah Pelanggaran s. 255 KTJ, per. 5(3) Dan per. 10 Perlembagaan Persekutuan

[139] Pihak pembelaan mendakwa bahawa tindakan saya yang telah mengarahkan hanya dua peguam bela daripada lima peguam bela membuat pemeriksaan balas terhadap saksi pendakwaan adalah bertentangan dengan s. 255 KTJ, per. 5(3) dan per. 10 Perlembagaan Persekutuan.

[140] Saya menegaskan bahawa dakwaan pihak pembelaan adalah tidak berasas dan mengelirukan mahkamah. Untuk menjawab dakwaan tersebut, saya akan merujuk kepada nota prosiding yang berkaitan dengan arahan tersebut. Pada 18 Oktober 2022, ketika peringkat kes pendakwaan, pihak pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah bahawa mereka telah bersedia untuk meneruskan perbicaraan untuk dua saksi terakhir iaitu pegawai penyiasat SP19 dan SP20. Sebelum perbicaraan dimulakan dengan saksi SP19, peguam bela OKT peguam A'minahtul Mardiah telah memohon kepada mahkamah untuk menangguhkan pemeriksaan balas yang akan dibuat oleh beliau, peguam Hafidzah dan peguam Asiah atas alasan giliran mereka untuk menjalankan pemeriksaan balas hanya akan bermula selepas giliran peguam Farhan. Pihak pembelaan ketika itu menunggu kehadiran peguam Farhan untuk tujuan tersebut. Lanjutan daripada permohonan tersebut, saya telah mengeluarkan arahan seperti yang berikut:

> Sebelum perbicaraan, memandangkan peguam membangkitkan isu berkenaan reserved cross dan sebagainya, kita perlu melihat kes ini sebagai kes kepentingan awam. Mahkamah hari ini dan esok menetapkan sambung bicara bagi baki dua saksi pendakwaan yang tinggal, iaitu, kedua-duanya adalah pegawai penyiasat. Saya perlu menekankan di sini bahawa saya sebagai Hakim yang mengendalikan perbicaraan ini mempunyai kuasa-kuasa tertentu dan budi bicara yang berkaitan dalam memastikan perjalanan kes berjalan lancar. Kuasa dan budi bicara saya termasuk dalam isu permohonan penangguhan dan juga bagaimana pihak-pihak menjalankan pemeriksaan ke atas saksi-saksi. Saya telah meneliti perjalanan kes ini, dan bagaimana pemeriksaan dilakukan. Untuk memastikan kelancaran kes ini, termasuk mengelakkan soalan-soalan yang excessive atau berlebihan, dan juga, antara lainnya untuk

memastikan soalan-soalan yang tidak "overlap", sebagaimana yang banyak kali saya tegur sebelum ini, maka saya meminta pihak TPR dan pihak peguam bela hanya seorang atau dua orang sahaja, untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan berkaitan. Walaupun saya tidak mempunyai masalah untuk OKT melantik 5 firma mewakilinya, tetapi tidak bermaksud kelima-lima mereka mempunyai kebebasan untuk mengemukakan pemeriksaan balas bagi setiap saksi. Oleh itu, bagi baki saksi-saksi hari ini dan esok, saya minta para peguam bela bergerak sebagai satu team pembelaan yang bergerak seiring dalam tugas sebagai peguam bela kepada OKT dengan memberikan tanggungjawab membuat pemeriksaan balas kepada satu atau dua peguam yang lebih berpengalaman, sebaik-baiknya.

[141] Merujuk kepada nota prosiding di atas, adalah jelas bahawa arahan saya hanya berkuatkuasa untuk baki dua saksi pendakwaan yang tinggal, iaitu SP19 dan SP20. Arahan saya menyatakan bahawa hanya dua peguam bela dan dua Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") yang dibenarkan membuat pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Arahan ini diberikan bertujuan untuk mengelakkan pertindihan soalan dan soalan-soalan berulang yang telah dilakukan oleh peguam bela-peguam bela OKT.

[142] OKT pada peringkat kes pendakwaan diwakili oleh lima orang peguam bela dari lima firma guaman yang berlainan. Semasa perbicaraan dijalankan bagi saksi-saksi pendakwaan pertama (SP1) hingga saksi ke-18 (SP18), saya telah beberapa kali membuat teguran kepada peguam bela supaya tidak bertanyakan soalan berulang-ulang kepada saksi yang sama dan tidak mengemukakan soalan yang bertindan. Semasa saksi-saksi SP1 hingga SP18 memberikan keterangan, pihak pembelaan menjalankan pemeriksaan balas dengan cara membahagikan soalan-soalan mengikut isu yang berkaitan kepada lima orang peguam bela tersebut. Cara tersebut bukan sahaja mengambil masa yang lama, malahan ia mengakibatkan pertindihan soalan dan pengulangan soalan. Oleh itu, bagi mengelakkan soalan-soalan yang excessive atau berlebihan, bertindan dan berulang-ulang, untuk dua baki saksi terakhir, saya telah mengeluarkan arahan tersebut. Berikut saya turunkan (antara lainnya) teguran-teguran saya kepada pihak pembelaan mengenai soalan yang berulang-ulang ditanyakan kepada saksi yang sama:

[Tarikh: 13.6.2022]

TPR: Soalan tu telah dijawab beberapa kali

Mah: Peguam, kalau kita asyik ulang balik soalan yang sama, dah ada dalam keterangan ini makan masa, peguam. You should straight to the point.

[Tarikh: 13.6.2022]

TPR: Soalan telah ditanya, Tuan Hakim dan juga telah dicadangkan kepada saksi ini

S: Minta maaf. Follow up question. Puan kenal tak dengan babysitter tersebut?

TPR: Dia juga telah menjawab dan tiada babysitter. Macam mana dia nak kenal babysitter

S: Sometimes we have, to ask question lah.

TPR: No

S: Puan kenal tak dengan babysitter ni?

J: Saya tak tahu

Mah: Saya rekodkan lagi tak tahu. Mana yang disoal dan telah dijawab dah direkodkan tak perlu ulang balik.

[Tarikh: 16.6.2022]

S: Jadi saya ingin rujuk Cik Suhana kepada laporan polis bertarikh, IDD 125 Tuan. Setuju dengan saya dalam laporan polis ini tak ada satu pun cerita tentang Bella tapi cerita tentang,

TPR: Soalan ini telah ditanya berkali-kali, Tuan Hakim dan kami bantah berkali-kali dengan isu yang sama

Mah: Bantahan diterima. Jangan ulang soalan yang telah ditanya.

[143] Tindakan saya tersebut adalah wajar dan selaras dengan panduan yang diberikan dalam kes *Doe v. Roe* (1809) 2 Camp. 278 yang memutuskan:

> Convenience certainly requires that the examination of a witness should be carried on entirely by the gentleman who begins it; and several counsel clearly cannot be permitted to put questions to the same witness, one after another, in the manner apprehended.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[144] Secara kesimpulannya, saya telah membuat penilaian maksimum ke atas keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan dengan merujuk kepada panduan yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, yang memutuskan:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question; If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepaid to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative, then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[145] Sebagai tambahan, saya sedar bahawa terdapat dakwaan-dakwaan oleh SP5 dan SP8 tentang cara penganiayaan lain, seperti antara lainnya, Bella dipaksa berdiri lama, dipaksa makan cili, dipukul dan dipaksa makan najis. Dakwaan-dakwaan tersebut telah saya teliti dan pertimbangkan. Tindakan-tindakan tersebut tidak saya ulas secara terperinci bukan kerana terdapat isu

kredibiliti terhadap saksi-saksi tersebut, namun saya perlu memfokuskan dapatan saya berdasarkan elemen-elemen bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua seperti yang saya huraikan di atas. Tugas saya adalah untuk meneliti dan menentukan sama ada pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT dapat dibuktikan atau tidak. Saya juga perlu meneliti keterangan-keterangan yang relevan dengan pertuduhan. Maka, adalah memadai untuk saya membuat dapatan berdasarkan elemen-elemen yang perlu dibuktikan dengan merujuk kepada setiap pertuduhan.

[146] Di akhir kes pendakwaan, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* bagi pertuduhan pertama terhadap OKT di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001. Saya juga mendapati, berdasarkan keterangan-keterangan saksi, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* bagi pertuduhan kedua, terhadap OKT di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001. Oleh yang demikian, OKT diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan-pertuduhan tersebut.

Permohonan-permohonan Yang Dibuat Oleh Pihak Pembelaan Selepas OKT Dipanggil Membela Diri

[147] Setelah OKT dipanggil membela diri, pihak pembelaan telah memfailkan dua permohonan yang penting untuk saya huraikan dalam alasan penghakiman ini. Dua permohonan tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) permohonan mendapatkan rakaman percakapan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah; dan

(ii) permohonan pemanggilan semula saksi di bawah s. 173 (j)(iii) Kanun Tatacara Jenayah

Permohonan Mendapatkan Rakaman Percakapan Di Bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah

[148] Pada 5 Disember 2022, pihak pembelaan telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan rakaman percakapan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesemua 15 saksi-saksi pendakwaan yang ditawarkan kepada pihak pembelaan. Pihak pendakwaan pula telah membantah permohonan untuk mendapatkan rakaman-rakaman percakapan tersebut.

[149] Pihak pembelaan berhujah bahawa permohonan ini adalah satu penzahiran dokumen di bawah s. 51 KTJ yang melibatkan kenyataan saksi-saksi yang ditawarkan kepada pihak pembelaan setelah berakhir kes pendakwaan dan OKT telah dipanggil membela diri. Pihak pembelaan juga berpendirian bahawa kenyataan saksi-saksi tersebut amat diperlukan dan penting untuk pihak pembelaan dalam menyediakan suatu pembelaan yang sempurna.

[150] Pihak pembelaan merujuk kepada kes *Siti Aisyah v. PP* [2019] 7 CLJ 27 di mana Mahkamah Rayuan telah membenarkan permohonan perayu yang dibuat di bawah s. 51 KTJ bagi pihak pendakwaan mengemukakan salinan kenyataan saksi-saksi yang direkodkan di bawah s. 112 KTJ berhubung saksi-saksi yang ditawarkan kepada pihak pembelaan. A

[151] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa rakaman percakapan yang direkodkan di bawah s. 112 KTJ adalah rakaman percakapan yang dibuat semasa siasatan oleh pihak polis. Oleh itu, rakaman percakapan tersebut adalah "privileged". Untuk menyokong hujahan tersebut, pihak pendakwaan telah merujuk kepada kes-kes: *Husdi v. PP* [1979] 1 LNS 33; [1979] 2 MLJ 304; *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim & Another Appeal* [2010] 4 CLJ 331; [2010] 2 MLJ 353; *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP* [2020] 7 CLJ 785; [2020] 11 MLJ 527 dan juga kes *Siti Aisyah v. PP* [2019] 7 CLJ 27. B C

[152] Setelah mempertimbangkan permohonan tersebut dan juga hujahan kedua-dua pihak, saya memutuskan bahawa pernyataan yang dibuat di bawah s. 112 KTJ adalah pernyataan yang dibuat ketika siasatan maka ia adalah terlindung atau "privilege". Selain itu, penyataan tersebut tidak boleh diterima dalam keterangan kecuali untuk tujuan mencabar kebolehpercayaan saksi di bawah s. 155 Akta Keterangan dan s. 113(2) KTJ dan beberapa pengecualian lain. D

[153] Saya merujuk kepada kes *Martin Rhienus v. Sher Singh* [1949] 1 LNS 49; [1949] 1 MLJ 201 yang memutuskan bahawa pernyataan yang dibuat kepada polis di bawah s. 112 KTJ dan begitu juga dalam masa penyiasatan adalah terlindung sepenuhnya. Saya juga perlu akur dengan keputusan kes yang dirujuk oleh kedua-dua pihak iaitu kes *Husdi v. PP* [1979] 1 LNS 33; [1979] 2 MLJ 304, yang telah memutuskan bahawa atas dasar polisi awam, pihak pendakwaan tidak perlu memberikan penyataan di bawah s. 112 KTJ kerana wujud bahaya atau risiko "tampering with the witnesses". E F

[154] Saya juga sedar mengenai kes yang dirujuk oleh pihak pembelaan iaitu kes *Siti Aisyah v. PP* [2019] 7 CLJ 27 yang telah membenarkan permohonan pihak pembelaan yang dibuat di bawah s. 51 KTJ bagi pihak pendakwaan mengemukakan salinan kenyataan saksi-saksi di bawah s. 112 KTJ. Namun, saya juga telah meneliti dan merujuk kepada kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP* [2020] 7 CLJ 785 di mana mahkamah dalam kes tersebut telah merujuk kepada kes *Husdi v. PP* (*supra*) dan telah memutuskan bahawa sebaik sahaja pernyataan di bawah s. 112 tersebut diputuskan sebagai "absolute privileged" untuk tujuan kehakiman, maka ia juga "privileged" bagi tujuan lain. Maka, tidak terdapat hak untuk memeriksa. G H

[155] Pihak pembelaan menyatakan bahawa penghakiman di dalam kes *Husdi v. PP* (*supra*) yang menyatakan pernyataan 112 suatu privileged document adalah tidak lagi relevan dan tidak terpakai, memandangkan ia I

tidak seiring dengan s. 113(2), (3), (4) dan (5) KTJ. Dengan hormat, saya tidak bersetuju dengan hujahan ini kerana seksyen tersebut hanya memperuntukkan pengecualian untuk tujuan mencabar kebolehpercayaan saksi dan juga dalam keadaan-keadaan atau tujuan tertentu seperti yang dinyatakan dalam s. 113 tersebut. Namun, adalah jelas ia tidak menegaskan bahawa penyataan 112 bukan lagi "privileged document".

[156] Selain itu, fakta dalam kes *Siti Aisyah v. PP* (*supra*) tersebut juga wajar dibezakan kerana dalam kes tersebut (dalam hal ini saya bersetuju dengan hujahan TPR) saksi-saksi yang ditawarkan ada yang telah meninggal dunia dan ada saksi yang tidak dapat dikesan. Ia berbeza dengan kes di hadapan saya ini, di mana semua saksi-saksi yang ditawarkan adalah "available" dan boleh ditemu bual oleh pihak pembelaan. Jadi tidak akan berlaku "miscarriage of justice". Maka, sewajarnya saya membuat keputusan ini dengan merujuk kepada prinsip yang diputuskan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP* [2020] 7 CLJ 785 yang merujuk kepada kes *Husdi v. PP* (*supra*). Atas huraian-huraian dan alasan-alasan tersebut, saya telah menolak permohonan pihak pembelaan untuk mendapatkan rakaman percakapan di bawah s. 112 KTJ bagi kesemua 15 saksi-saksi pendakwaan yang ditawarkan kepada pihak pembelaan.

Permohonan Pemanggilan Semula Saksi Di Bawah s. 173(j)(iii) Kanun Tatacara Jenayah

[157] Pada 7 Disember 2022, pihak pembelaan telah mengemukakan permohonan untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan di bawah s. 173(j)(iii) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Senarai saksi-saksi yang akan dipanggil semula oleh pihak pembelaan adalah seperti berikut: Yasmin Nahar binti Mahmood (SP5), ASP Rohaini binti Baharom (SP20) dan Doktor Salmi binti Mohamed Sukur (SP15). Pihak pendakwaan telah membantah permohonan tersebut dengan menghujahkan bahawa walaupun s. 173(j)(iii) KTJ membenarkan pemanggilan semula saksi, tetapi permohonan perlu dibuat secara berasas dan memerlukan penilaian oleh mahkamah dengan berhati-hati.

[158] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa pemanggilan semula saksi di bawah s. 173(j)(iii) KTJ merupakan hak tertuduh dalam mendapatkan satu perbicaraan yang adil. Pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa s. 173(j)(iii) KTJ ini perlu dibaca bersama dengan s. 138(4) KTJ di mana s. 138(4) ini tidak menggariskan apa-apa prasyarat yang perlu dipenuhi dalam pemanggilan semula saksi-saksi pendakwaan. Pihak pembelaan juga berhujah bahawa perkataan "shall" telah digunakan dalam s. 173(j)(iii) KTJ, oleh itu ia menunjukkan peruntukan tersebut bersifat mandatori ke atas mahkamah dalam membenarkan pemanggilan semula saksi-saksi. Untuk menyokong hujah-hujahnya, pihak pembelaan merujuk kepada kes-kes: *PP v. Mohamed Azmin Ali* [2000] 7 CLJ 628; [2000] 3 MLRH 72; *Mohd Jalil Abdullah & Anor v. PP* [1996] 1 LNS 592; [1996] 5 MLJ 564; dan *Chin Kek Shen v. PP* [2013] 7 CLJ 435.

[159] Saya berpendapat mahkamah ini mempunyai tanggungjawab, kuasa dan juga budi bicara untuk menentukan sama ada pemanggilan semula saksi yang dinamakan terjumlah kepada unsur "frivolous or vexatious" (remeh atau menyusahkan). Pendapat saya ini adalah berasaskan kepada kes *Hassan v. PP* [1962] 1 LNS 52; [1962] 1 MLJ 323, yang mengikut keputusan dalam kes *Ong Boon Siang & Ors v. Regina* [1960] 1 LNS 81; [1961] 1 MLJ 4, di mana telah diputuskan bahawa permohonan di bawah s. 173(j)(iii) Kanun Tatacara Jenayah untuk memanggil semula saksi kebiasaannya akan dibenarkan kecuali pemanggilan semula saksi berkaitan adalah "frivolous or vexatious". Dapatan saya juga berpandukan kepada kes *PP v. Mohamed Azmin Ali* [2000] 7 CLJ 628 yang menyatakan:

> The concern that the calling and recalling of witnesses should not be used as a device for vexation, delay or otherwise defeat the ends of justice is reflected in s. 173(l)(i) which provides for the calling of witnesses whether or not he has been previously examined:
>
> > (l)(i) If the accused applies to the Court to issue any process for compelling the attendance of any witness (whether he has or has not been previously examined in the case) for the purpose of examination or cross-examination or the production of any document or other thing, the Court shall issue such process unless it considers that such application should be refused on the ground that it is made for the purpose of vexation or delay or for defeating the ends of justice. Such ground shall be recorded by it in writing.
> >
> > (ii) The Court may, before summoning any witness on such application, require that his reasonable expenses incurred in attending for the purposes of the trial be deposited in Court.

[160] Untuk menentukan sama ada permohonan memanggil semula saksi pendakwaan tersebut bebas dari unsur "vexation or delay or for defeating the ends of justice", mahkamah ini perlu meneliti siapakah saksi-saksi yang akan dipanggil dan apakah tujuan atau alasan pemanggilannya. Maka, tindakan saya seterusnya adalah untuk meneliti alasan pemanggilan semula bagi setiap saksi yang disenaraikan oleh pihak pembelaan.

Yasmin Nahar Binti Mahmood (SP5)

[161] Pihak pembelaan menyatakan bahawa alasan untuk memanggil semula SP5 adalah untuk memastikan keterangan yang diberikan semasa peringkat kes pendakwaan dan kes pembelaan adalah konsisten, memandangkan SP5 merupakan saksi utama dan saksi mata dalam kes ini.

[162] Dalam mempertimbangkan alasan tersebut, pertamanya, saya menekankan bahawa mahkamah ini yang akan menentukan sama ada keterangan SP5 konsisten atau tidak berdasarkan kepada keterangannya diperingkat kes pendakwaan dan keterangan SP5 kemudiannya akan diteliti dan dinilai serta dibandingkan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan juga pembelaan. Alasan untuk memanggil SP5 semula semata-mata untuk menentukan consistency keterangannya adalah tidak kukuh.

[163] Dalam mempertimbangkan alasan tersebut, saya juga merujuk kepada perbicaraan ketika pemanggilan Yasmin sebagai saksi SP5 dan juga nota keterangan berkaitan. Saya mendapati SP5 hadir ke mahkamah menjalani pemeriksaan utama selama dua hari perbicaraan iaitu pada 7 dan 8 April 2022, dan beliau telah diperiksa balas oleh pihak pembelaan selama lima hari perbicaraan iaitu pada 13, 14, 15, 20 April 2022 dan 30 Mei 2022. Yasmin juga telah hadir pada 31 Mei 2022 untuk diperiksa semula. Secara keseluruhannya, SP5 telah berada di mahkamah memberikan keterangan selama lapan hari perbicaraan.

[164] Setelah merujuk kepada keterangan SP5, saya mendapati pemeriksaan ke atas SP5 "was sufficiently comprehensive and completely executed by both the prosecution and the defence." Pihak pembelaan juga telah mencadangkan bahawa SP5 telah membuat 30 penipuan dengan merujuk kepada keterangan-keterangan SP5 yang didakwa tidak konsisten dan bercanggah. Selain itu, pihak pembelaan telah memeriksa balas SP5 melalui lima orang peguam bela yang menyentuh pelbagai tajuk dan isu. Pihak pembelaan juga telah mengemukakan soalan balas berbentuk "suggesting" dan "putting" bagi mengemukakan kes pembelaan seawal mungkin dan secara tersiratnya menunjukkan "positive evidence will be called to prove the matters put". Oleh itu, pihak pembelaan telah diberikan tempoh masa yang secukupnya untuk memeriksa balas SP5 bagi membangkitkan isu berkaitan konsistensi dan juga isu kredibiliti.

[165] Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas dan keterangan yang diberikan oleh SP5, termasuklah pemeriksaan-pemeriksaan balas terhadap SP5 semasa kes pendakwaan, saya mendapati bahawa permohonan pihak pembelaan untuk memanggil semula SP5 adalah "vexatious" atau menyusahkan dan juga "delay" atau melengah-lengahkan prosiding mahkamah. Oleh itu, pemanggilan semula saksi SP5 wajar ditolak.

ASP Rohaini Binti Baharom (SP20)

[166] Pihak pembelaan menyatakan bahawa alasan untuk memanggil semula ASP Rohaini binti Baharom (SP20) adalah untuk memeriksa balas berkaitan keterangan yang diberikan oleh SP21 dan SP22. Saksi SP21 dan SP22 telah memberikan keterangan yang mengaitkan diri mereka dengan SP20. Namun perkara ini tidak dapat diperiksa balas dan ditanyakan kepada SP20 kerana beliau telah memberikan keterangan sebelum SP21 dan SP22 dipanggil untuk memberikan keterangan. Saya mendapati bahawa alasan yang diberikan untuk memanggil semula SP20 adalah kukuh dan wajar dibenarkan. Namun, soalan yang boleh ditanyakan oleh pihak pembelaan kepada SP20 nanti hanya soalan yang berkaitan dengan keterangan SP21 dan keterangan SP22 sahaja.

Doktor Salmi Binti Mohamed Sukur (SP15)

[167] Pihak pembelaan menyatakan bahawa alasan untuk memanggil semula Doktor Salmi binti Mohamed Sukur (SP15) adalah untuk mendapatkan pengesahan beliau memandangkan beliau satu-satunya doktor pakar kulit yang dipanggil oleh pendakwaan dan keterangan beliau sepatutnya mengakas pendapat doktor-doktor lain yang telah memberikan keterangan. Secara ringkasnya, dapat difahami bahawa, tujuan pihak pembelaan ingin memanggil semula SP15 adalah untuk mendapatkan pengesahan SP15 bahawa keterangan beliau sepatutnya mengakas pendapat doktor-doktor lain yang telah memberikan keterangan. Dalam isu ini, saya merujuk kepada keterangan SP15 ketika disoal balas oleh pihak pembelaan:

S: Okay, jika ada seorang Dr kata itu 3rd degree, Dr sendiri kata 2nd degree, pendapat Dr itu sebenarnya lebih betul sebab Dr seorang consultant hierarki teratas.

J: Sebagai pakar kelecuran, saya cakap 2nd degree.

S: Jadi Dr punya pendapat lebih betul ya? Paling betul, 2nd degree?

J: Saya tak nak bandingkan.

S: Saya just tanya maksudnya kalau dalam hierarki itu Dr betul bukan?

J: Tapi saya cakap saya punya diagnosis 2nd degree. Saya tak cakap dia salah saya betul, saya tak nak.

[168] Berdasarkan jawapan SP15 tersebut, SP15 telah menyatakan bahawa pendapat dan jawapan beliau adalah berasaskan kepakaran beliau sebagai seorang pakar kelecuran. SP15 juga menegaskan bahawa jawapan tersebut adalah berdasarkan diagnosis beliau sendiri. SP15 selanjutnya menegaskan bahawa beliau tidak mahu membandingkan atau mengesahkan bahawa pendapat beliau yang paling betul di antara doktor-doktor yang lain. Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, saya berpendapat, tiada keperluan untuk memanggil semula SP15 hanya untuk mendapatkan pengesahan bahawa keterangan beliau sepatutnya mengakas pendapat doktor-doktor lain. SP15 jelas telah menyatakan pendiriannya mengenai isu tersebut. Adalah jelas bahawa isu sama ada pendapat atau diagnosis SP15 sepatutnya mengakas pendapat doktor-doktor lain sewajarnya diputuskan oleh mahkamah ini berdasarkan keterangan sedia ada dan keterangan-keterangan berkaitan di peringkat pembelaan. Oleh itu, saya memutuskan bahawa pemanggilan semula saksi SP15 adalah ditolak.

Kes Pembelaan

[169] Setelah OKT diperintahkan untuk membela diri bagi kedua-dua pertuduhan tersebut, OKT diberikan tiga pilihan (lihat *PP v. Sanassi* [1970] 1 LNS 118; [1970] 2 MLJ 198; *Ng Hoi Cheu & Anor v. PP* [1967] 1 LNS 113; [1968] 1 MLJ 53; dan *PP v. Krishna Rao Gurumurthi & Ors* [2000] 1 CLJ 446),

OKT telah memilih untuk memberikan keterangan membela diri secara bersumpah dan telah memanggil tujuh orang saksi yang lain. Saksi-saksi pembelaan adalah:

Bil.	Nama	Peranan	Saksi
1.	Siti Bainun binti Ahd Razali	OKT	SD1
2.	Nor Hazirah binti Masling	Rakan OKT	SD2
3.	Noor Marliana binti Ramlee	Rakan Serumah OKT	SD3
4.	Nor Aidil Farhan Hanis bin Johaizad	Rakan OKT	SD4
5.	Chandhirarao a/l Nokiah	Jurubahasa	SD5
6.	Engku Farah Hanis binti Engku Abdul Jalil	Rakan OKT	SD6
7.	Sarjan Siti Nur Balqes binti Abdul Rahim	Polis	SD7
8.	Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai	Pakar Psikologi	SD8

Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan

[170] Di peringkat akhir kes pembelaan, saya perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap OKT melampaui keraguan yang munasabah atau sebaliknya. Namun, sebelum memutuskan sedemikian, saya mempunyai tugas untuk meneliti semula keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan sepanjang perbicaraan kes pendakwaan dan juga kes pembelaan. Tugas ini adalah selaras dengan s. 182A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang menyatakan:

> (1) At the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> (2) If the court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.
>
> (3) If the court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the court shall record an order of acquittal.

[171] Kes *Md Zainudin Raujan v. PP* [2013] 4 CLJ 21 menerangkan pemakaian s. 182A tersebut dengan menyatakan:

> At the conclusion of the trial, s. 182A of the Criminal Procedure Code imposes a duty on the trial court to consider all the evidence adduced before it and to decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The defence of the accused must be considered in the totality of the evidence adduced by the prosecution, as well as in the light of the well-established principles enunciated in *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263 with regard to the approach to be taken in evaluating the evidence of the defence.

[172] Pada peringkat kes pembelaan ini, persoalan utama yang perlu saya rungkaikan adalah, sama ada saya boleh menerima penjelasan saksi-saksi pembelaan. Sekiranya saya menerima penjelasan mereka, sudah pasti saya perlu melepaskan OKT. Langkah seterusnya, walaupun sekiranya saya tidak mempercayai penjelasan pihak pembelaan, tidak semestinya saya perlu mensabitkan OKT. Ini kerana, OKT masih berhak dilepaskan dan dibebaskan sekiranya pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Panduan undang-undang yang mantap ini telah digariskan di dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263 yang memutuskan seperti yang berikut:

> The position may be conveniently stated as follows:
>
> (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt ... Convict.
>
> (b) If you accept or believe the accused's explanation ... Acquit.
>
> (c) If you do not accept or believe the accused's explanation ... Do not convict but consider the next steps below.
>
> (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Convict.
>
> (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Acquit.

[173] Maka, di peringkat kes pembelaan ini, adalah memadai untuk pihak pembelaan menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan sebagaimana yang dijelaskan dalam kes *Hiew Min Yong v. PP* [2000] 1 LNS 102; [2001] 5 MLJ 1.

[174] Berkenaan dengan tahap keraguan munasabah yang diperlukan untuk menyangkal kes pendakwaan dalam satu perbicaraan jenayah, saya merujuk kepada panduan yang diberikan oleh kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16 yang memutuskan bahawa:

> A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[175] Dengan berpegang kepada autoriti-autoriti yang tersebut di atas, saya telah meneliti semula keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan sepanjang perbicaraan kes pendakwaan dan seterusnya meneliti keseluruhan keterangan OKT dan juga saksi-saksi pembelaan di peringkat kes pembelaan. Secara khususnya, saya juga telah membuat analisis terhadap pembelaan OKT bagi kedua-dua pertuduhan.

Penemuan Mahkamah Di Akhir Kes Pembelaan Bagi Pertuduhan Pertama Dan Pertuduhan Kedua

[176] Berdasarkan kepada pertuduhan pertama, OKT telah dituduh mengabaikan iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak Bella mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Bagi pertuduhan kedua pula, OKT telah dituduh menganiaya iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Pada peringkat kes pendakwaan sebelum ini, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen-elemen bagi pertuduhan pertama dan juga elemen-elemen bagi pertuduhan kedua, selaras dengan s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Keterangan Pembelaan OKT

[177] Saya telah meneliti keterangan pembelaan, secara ringkasnya, OKT menumpukan kepada tiga isu yang menjadi asas kepada pembelaannya. Tiga isu tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) OKT menafikan bahawa Bella mengalami kecederaan emosi memandangkan tiada bukti menunjukkan Bella mengalami PTSD atau gangguan stres pasca trauma;

(ii) OKT telah mengamanahkan jagaan Bella kepada SP5 yang berada di tempat kejadian semasa insiden Bella terkena air panas berlaku; dan

(iii) keterangan pembelaan utama yang menjadi sandaran OKT adalah dakwaan bahawa Bella telah cedera akibat daripada insiden kemalangan terkena air panas dari termos yang berlaku di bilik laundry, Kondominium Irama Wangsa tersebut.

[178] Pertama, saya akan merujuk kepada keterangan OKT yang menafikan bahawa Bella mengalami kecederaan emosi. Di akhir kes pendakwaan, saya telah memutuskan bahawa keterangan SP1, SP3, SP4, SP5, SP8 dan SP14 telah berjaya membuktikan Bella mengalami kecederaan emosi akibat daripada insiden-insiden yang berlaku semasa beliau dipelihara oleh OKT. Dalam peringkat kes pembelaan, pihak OKT telah memanggil Dr Abdul Rahman bin Ahmad Badayai (SD8) untuk menyangkal keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa Bella telah mengalami kecederaan emosi. Dengan merujuk kepada keterangan SP14, SD8 berpendapat bahawa dengan satu insiden Bella mengigau, Bella tidak boleh dikatakan telah menderita post-

traumatic stress disorder (PTSD) atau gangguan stres pasca trauma. Ini kerana simptom PTSD memerlukan tempoh pemerhatian minimum selama sebulan, sebelum seseorang boleh disahkan mendapat PTSD.

[179] Setelah meneliti keterangan SD8, saya mendapati masalah tidak dapat tidur malam, termasuk simptom yang dialami Bella seperti mengigau dan menjerit semasa waktu tidur, walaupun bukan PTSD, tetapi ia boleh dikategorikan sebagai kecederaan emosi. Ini kerana, menurut SD8, iaitu saksi pihak pembelaan sendiri, PTSD adalah kemuncak kecederaan emosi. Justeru, adalah selamat dan tepat untuk saya memutuskan bahawa Bella juga telah mengalami kecederaan emosi akibat daripada apa yang berlaku semasa beliau dipelihara oleh OKT. Saya juga telah memutuskan bahawa kecederaan emosi tersebut, sebagaimana yang telah diterangkan oleh SP1, SP3, SP4 SP5, SP8 dan SP14, adalah menepati tafsiran kecederaan emosi di bawah s. 17(2)(b) Akta Kanak-Kanak 2001. Oleh itu, keterangan pihak pendakwaan yang menunjukkan Bella mengalami kecederaan emosi masih kekal utuh ("intact") dan tidak tergugat dengan keterangan pihak pembelaan.

[180] Pembelaan kedua OKT merujuk kepada dakwaan bahawa OKT telah mengamanahkan jagaan Bella kepada SP5 yang berada di tempat kejadian, kononnya semasa insiden Bella terkena air panas berlaku. Ketika menghujahkan isu ini, OKT menyatakan bahawa Bella bukan berada di bawah pengawasan dan jagaannya kerana OKT berada di tempat kerja iaitu di Rumah Bonda. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa situasi tersebut adalah sama dengan mana-mana ibu bapa lain yang perlu bekerja dan meninggalkan anak dengan orang dewasa lain. Sekiranya kecederaan berlaku (merujuk kepada kes-kes yang dilaporkan) pengasuh, penjaga, atau orang dewasa yang menjaga kanak-kanak tersebut pada ketika itu yang akan didakwa di mahkamah.

[181] Saya mendapati dakwaan OKT bahawa SP5 yang wajar dipertanggungjawabkan atas apa yang berlaku terhadap Bella adalah dakwaan yang sangat lemah, tidak munasabah dan wajar ditolak. Saya memutuskan bahawa tindakan OKT memindahkan tanggungjawab menjaga Bella kepada Yasmin pada tempoh masa seperti yang didakwa (sekiranya benar berlaku) adalah tidak sah, tidak wajar dan melanggar perintah mahkamah P43, berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

(i) tindakan itu jelas bertentangan dengan perintah mahkamah bertarikh 24 September 2020 (eksh. P43) yang mensyaratkan bahawa Bella tidak boleh dipindah hak penjagaannya kepada orang lain tanpa proses yang sah di sisi undang-undang. P43 juga meletakkan syarat supaya Bella perlu diberi pendidikan dan kasih sayang tanpa diskriminasi dengan kanak-kanak lain, tiada pengabaian dan juga penganiayaan. Dalam isu ini juga, saya merujuk kepada sikap OKT yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati perintah mahkamah. Ketika diperiksa balas oleh

pihak pendakwaan sama ada OKT memahami syarat-syarat perintah P43, OKT menyatakan dia tidak tahu syarat-syarat perintah P43 tersebut. Jawapan OKT adalah mengelirukan dan saya juga ada mencatatkan demeanour OKT semasa memberi jawapan dalam nota prosiding menurut s. 271 KTJ. SP12 dengan jelas telah menerangkan bahawa syarat-syarat yang tertera dalam perintah tersebut telah diterangkan olehnya kepada OKT. Berikut adalah keterangan SP12 yang mengesahkan bahawa beliau telah menerangkan kepada OKT syarat-syarat P43 tersebut:

S: To rephrase that question, Tuan. Apa tindakan Encik Imran setelah perintah jagaan tetap tersebut dikeluarkan?

J: Selepas perintah jagaan tetap itu dikeluarkan oleh Mahkamah bagi Kanak-Kanak Kuala Lumpur pada 24/09/2020, saya telah terangkan dan jelaskan pada Siti Bainun berkenaan dengan perintah tersebut. Dan Siti Bainun juga telah saya serahkan satu perintah jagaan tetap yang dikeluarkan oleh Mahkamah bagi Kanak-Kanak Kuala Lumpur.

(ii) tindakan OKT memberikan tanggungjawab kepada SP5 yang masih muda (berumur 18 tahun) untuk menjaga empat orang kanak-kanak, Bella, Balqies, Aida dan Tulus Jiwa adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima, tidak munasabah serta tidak bertanggungjawab. Adalah tidak wajar untuk meminta remaja berusia 18 tahun mengawasi dan menjaga empat orang kanak-kanak, (dua daripadanya sindrom down). Saya berpendapat bahawa tindakan OKT yang meninggalkan empat kanak-kanak tanpa mengadakan persediaan sewajarnya bagi pengawasan yang berpatutan adalah bertentangan dengan s. 33 AKK 2001 yang memperuntukkan:

> 33. Mana-mana orang, yang merupakan ibu atau bapa atau penjaga atau orang yang pada masa itu mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang meninggalkan kanak-kanak itu:
>
> (a) tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan bagi kanak-kanak itu;
>
> (b) selama suatu tempoh yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan; atau
>
> (c) dalam keadaan yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan,
>
> melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan

(iii) SP5 adalah salah seorang penghuni Kondominium Irama Wangsa tersebut. Beliau bukanlah seorang amah atau pengasuh yang dibayar gaji untuk menjaga dan memelihara keempat-empat kanak-kanak tersebut ketika OKT keluar bekerja.

[182] Saya seterusnya merujuk kepada pembelaan utama OKT berkaitan dakwaan kemalangan yang melibatkan Bella di bilik dobi. OKT mengatakan satu-satunya kejadian yang menyebabkan kecederaan ke atas Bella adalah Bella terkena air panas dari termos di bilik dobi. OKT menerangkan bahawa pada tarikh antara 6 hingga 9 Mei 2021, OKT bersama Noor Marliana binti Ramlee ("SD3") telah keluar dari Kondominium Irama Wangsa untuk bekerja di Rumah Bonda. Pada hari tersebut, OKT telah meninggalkan Bella bersama-sama empat orang yang lain iaitu Yasmin ("SP5"), Balqies, Aida dan Tulus Jiwa di Kondominium Irama Wangsa tersebut.

[183] OKT menerangkan bahawa ketika sedang bekerja, dia telah menerima panggilan telefon dari Yasmin (SP5) yang menceritakan kejadian pergaduhan antara Bella dan Balqies yang menyebabkan tumpahan air dari termos ke atas Bella. Insiden kemalangan yang mencederakan Bella tersebut berlaku di bilik laundry.

[184] OKT menyatakan bahawa Bella ketika kemalangan itu berada dalam jagaan SP5 yang telah diamanahkan olehnya untuk menjaga semua kanak-kanak tersebut. Maka, OKT mendakwa bahawa kecederaan yang dialami Bella berlaku semasa Bella dalam jagaan SP5. Dakwaan OKT berkenaan insiden kemalangan tersebut disokong oleh keterangan saksi pembelaan SD3. Saksi pembelaan Nor Hazirah binti Masling ("SD2") juga mendakwa bahawa insiden Bella terkena air panas sebenarnya berlaku kerana SP5 sendiri yang menceritakan insiden kemalangan tersebut kepadanya.

[185] Adalah menjadi hujahan pihak pembelaan bahawa dakwaan Bella terkena air panas dari termos di bilik laundry adalah "rebutting evidence" yang dikemukakan untuk menyangkal bukti *prima facie* bahawa OKT telah mengabaikan dan mendera Bella sebagaimana pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Setelah meneliti "evidence in rebuttal" tersebut, saya memutuskan bahawa keterangan berkenaan insiden kemalangan Bella terkena air panas adalah wajar ditolak, atas alasan-alasan seperti yang berikut:

(i) Keterangan OKT Berkaitan Insiden Kemalangan Bella Terkena Air Panas Adalah Keterangan Dengar Cakap, "Hearsay Evidence"

[186] Keterangan OKT berkaitan insiden kemalangan Bella terkena air panas adalah keterangan dengar cakap atau "hearsay evidence". OKT tidak berada di tempat kejadian dan tidak menyaksikan kejadian yang didakwa berlaku tersebut. OKT mendakwa kejadian tersebut diceritakan oleh SP5 dan melibatkan Bella, Balqies dan Aida. Namun begitu, SP5 menyatakan kejadian tumpahan air panas tersebut tidak pernah berlaku. Bella pula tidak pernah mengesahkan kejadian tersebut berlaku walaupun telah dipanggil memberikan keterangan. Balqies dan Aida telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan. Namun Balqies dan Aida tidak dipanggil oleh pihak pembelaan sebagai saksi untuk mengesahkan sama ada insiden kemalangan berkenaan air panas tersebut benar-benar berlaku.

[187] Peguam bela OKT berhujah bahawa kegagalan memanggil Aida dan Balqies untuk melengkapkan dan memperkukuhkan naratif pendakwaan adalah fatal dan membawa kepada satu inferens, sekiranya saksi-saksi ini dibawa, ia adalah tidak akan membantu kes pendakwaan. Peguam bela OKT merujuk kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; [1995] 2 MLJ 433 sebagai sokongan. Peguam bela OKT juga berhujah kegagalan memanggil saksi-saksi material di dalam kes ini termasuklah Aida, Balqies, Syahirah dan Hani Azura adalah satu salah laku keadilan (miscarriage of justice) melalui kegagalan tersebut.

[188] Pihak pendakwaan pula berhujah bahawa tanpa memanggil Balqies dan Aida, ia tidak menjejaskan kes pendakwaan. Keterangan SP5 adalah keterangan yang kredibel dan telah pun diterima oleh mahkamah. Keterangan SP5 telah disokong oleh keterangan SP8 dan saksi-saksi pendakwaan yang lain. Pihak pendakwaan merujuk kepada s. 134 Akta Keterangan 1950 dan kes *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1961] MLJ 105 untuk menyokong hujahannya.

[189] Mengenai isu pembuktian ini, peguam bela perlu memahami apakah naratif atau versi yang ingin pihak pembelaan buktikan. Naratif yang telah dibuktikan secara *prima facie* oleh pihak pendakwaan adalah kecederaan lecur di tangan dan badan Bella adalah akibat simbahan dan pancutan air panas oleh OKT, selain itu Bella juga telah ditekap dengan objek panas oleh OKT. Naratif pendakwaan telah dibuktikan berdasarkan keterangan langsung, atau direct evidence SP5 yang disokong dengan keterangan saksi-saksi pakar SP2, SP3, SP4, SP15 dan seterusnya disokong juga oleh keterangan Bella. Dapatan ini telah saya putuskan di akhir kes pendakwaan.

[190] Peguam bela OKT sepatutnya faham, sekiranya pembelaan ingin mengemukakan naratif yang berbeza, mereka perlu mengemukakan bukti kerana beban pembuktian versi pembelaan adalah di bahu mereka. Tambahan pula, pihak pendakwaan telah menawarkan saksi-saksi pendakwaan yang tidak dipanggil iaitu Balqies dan Aida. OKT mendakwa kecederaan Bella tersebut adalah disebabkan insiden terkena air panas dari termos di bilik dobi, yang telah disaksikan oleh Bella, SP5, Aida dan Balqies. Versi yang sangat berbeza daripada versi pendakwaan yang telah dibuktikan secara *prima facie*. SP5 ketika diperiksa balas telah menafikan insiden terkena air panas dari termos tersebut dan ketika Bella memberikan keterangan, insiden terkena air panas dari termos ini tidak pernah disahkan berlaku oleh Bella. Peluang yang ada untuk pihak pembelaan membuktikan versinya adalah dengan memanggil Aida dan Balqies untuk menyokong keterangan OKT. Namun, peguam bela OKT tidak berbuat demikian. Selain itu, mahkamah ini juga telah membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk menemu bual saksi-saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan, termasuk Balqies dan Aida, sebelum kes pembelaan bermula. Apa yang jelas, pihak pembelaan yang enggan dan menolak untuk memanggil mereka atas sebab-

sebab yang mereka sendiri sedia maklum. Hujahan peguam bela yang menuntut mahkamah membuat "inference" yang memihak kepada OKT dan mendakwa tindakan pendakwaan adalah "miscarriage of justice" adalah satu dakwaan yang dangkal dan tidak berasas. Untuk lebih memahami pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950, rujukan wajar dibuat kepada panduan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ghasem Hozouri Hassan v. PP* [2018] 6 CLJ 133 yang menyatakan:

> [48] The law pertaining to s. 114(g) of the Evidence Act is settled. Under s. 114(g) of the Evidence Act 1950, the court may presume that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds it. The usage of the word 'may' gives the discretion to the court whether or not to invoke the adverse inference to a given set of facts. It is not a mandatory inference. To draw an adverse inference against the prosecution, the court must be satisfied that the witness that was not offered was a material witness, the prosecution purposely withholds evidence which it possessed and which was always available; and that what the prosecution did was done with an ulterior motive to frustrate the defence. (*Nanda Kumar Kunyikanan & Anor v. PP* [2011] 8 CLJ 406).
>
> [49] The aforesaid authority above set out is the correct position of the law, that is, court will not invoke an adverse inference against prosecution if it believes that the facts and/or the prosecution's reasons for not calling the supposed material witnesses show no cause for it. Moreover, the prosecution only needs to produce witnesses who are necessary in the unfolding of its complete narrative, that is, to prove the essential elements of the crime and in this case, custody, control, and knowledge. Applying the above principles to our present case, we are satisfied that there was no evidence to suggest even the slightest inkling that the prosecution withheld testimonies by Javad @ Hasan Tiren and Samaneh Momen in a deliberate scheme to impair the truth or frustrate the appellant's defence.

(ii) OKT Gagal Memaklumkan Serta Berbincang Dengan Encik Imran (SP12) Sebagai Pegawai Pelindung Bella Apabila Timbul Masalah

[191] Pada 24 September 2020, Mahkamah Majistret Kuala Lumpur telah mengeluarkan perintah supaya Bella diletakkan dalam jagaan OKT sehingga Bella mencapai umur 18 tahun ("eksh. P43"). Berdasarkan P43 (perenggan 3), OKT sebagai orang yang telah diperintahkan untuk memelihara Bella hendaklah memaklumkan serta berbincang dengan Encik Imran (SP12) sebagai pegawai pelindung Bella apabila timbul sebarang masalah. OKT tidak memaklumkan Encik Imran dengan segera mengenai kejadian kecederaan Bella akibat air panas dari termos di laundry yang dikatakan berlaku pada tarikh lebih kurang 6 ke 9 Mei 2021. Tetapi OKT hanya memaklumkan SP12 pada 24 Jun 2021 melalui aplikasi WhatsApp ketika Bella telah dibawa ke hospital. Walau bagaimanapun, mesej WhatsApp OKT kepada SP12 (eksh. P36) adalah bercanggah dengan keterangan OKT bahawa

Bella lari ke dapur, berebut sesuatu dengan Balqies dan terkena air panas di laundry. Di ms. 5, mesej OKT kepada SP12 hanya menyatakan: "dia suka sangat buka tempat air panas" dan dalam mesej WhatsApp itu juga OKT menyatakan: "da banyak kali kena". Kegagalan OKT memaklumkan kejadian ini kepada Encik Imran dalam tempoh yang munasabah selepas kejadian berlaku dan seterusnya menghantar mesej yang bercanggah dengan kejadian yang dikatakan berlaku, menunjukkan OKT mereka-reka cerita berkenaan dengan kejadian air panas tumpah di bilik dobi.

(iii) Bella Didakwa Telah Dibawa Ke Klinik Setapak Dan Surgeri, Prima Setapak Selepas Hampir Sebulan Kejadian Berlaku Iaitu Pada 2 Jun 2021

[192] Pada tarikh antara 6 ke 9 Mei 2021, OKT mendakwa Bella cedera akibat air panas tertumpah dari termos yang jatuh lalu menyebabkan kecederaan melecur yang teruk. Namun, Bella didakwa telah dibawa ke Klinik Setapak dan Surgeri, Prima Setapak selepas hampir sebulan kejadian berlaku iaitu pada 2 Jun 2021. Tindakan OKT membawa Bella atau merujuk kecederaan Bella kepada doktor selepas hampir sebulan kejadian yang menyebabkan kecederaan serius kepada Bella adalah tidak munasabah. Kedua-dua keterangan ini adalah bercanggah di antara satu sama lain. Ini menunjukkan insiden kemalangan air panas tersebut sebenarnya tidak pernah berlaku.

(iv) Dakwaan SD2 Kononnya SP5 Telah Menceritakan Kepadanya Tentang Insiden Kemalangan Yang Menyebabkan Bella Terkena Air Panas Adalah "Afterthought"

[193] SD2 mendakwa bahawa SP5, Yasmin telah menceritakan kepada beliau tentang insiden kemalangan yang menyebabkan Bella terkena air panas. Namun begitu, dakwaan SD2 ini tidak pernah ditanyakan atau dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan terutamanya SP5 untuk mengesahkan perbualan antara SP5 dan SD2. Nama SD2 juga tidak pernah ditimbulkan atau disebut semasa peringkat pendakwaan sehinggalah beliau hadir di mahkamah sebagai saksi pembelaan. Keterangan SD2 berkenaan insiden kemalangan tersebut bersifat pemikiran terkemudian ("afterthought"), maka dakwaan mengenai insiden kemalangan Bella terkena air panas ini wajar ditolak.

(v) Kecederaan Yang Dialami Oleh Bella Mencakupi Hampir Keseluruhan Badan Dan Bukan Pada Bahagian Tertentu

[194] Sekiranya termos terjatuh ke atas badan Bella, dan menyebabkan penutupnya terbuka, lalu air panas tertumpah dan terkena pada badan Bella, secara logiknya ia akan menyebabkan luka lecur pada bahagian tertentu sahaja dan bukan kecederaan yang mencakupi hampir keseluruhan badan sebagaimana yang dialami oleh Bella. Oleh itu, dakwaan luka-luka yang dialami oleh Bella diakibatkan oleh satu insiden kemalangan adalah tidak munasabah dan wajar ditolak.

(vi) Keterangan Daripada Saksi-saksi Pakar Mengesahkan Bahawa Kecederaan-kecederaan Yang Dialami Oleh Bella Bukan Terhasil Dari Satu Insiden Sahaja

[195] Para doktor yang menjadi saksi pendakwaan juga telah mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella bukan terhasil dari satu insiden sahaja. Dr Meenambigai, SP2 mengesahkan bahawa terdapat banyak luka-luka di badan mangsa serta "burn wounds" dan "multiple scar" serta "patches here and there", dan berpendapat ia adalah "suspected non-accidental injury" (NAI) dan ia berlaku dalam masa yang berlainan (It did not happen at the same time. It happen at multiple different times). Dr Nizam, SP3 menjelaskan bahawa kecederaan-kecederaan di badan Bella berlaku pada masa-masa yang berbeza, berlaku lebih sekali dalam peringkat-peringkat masa yang berbeza. Dr Sridar, SP4 pula menjelaskan bahawa kecederaan berlaku pada masa yang berlainan kerana ada kecederaan yang telah sembuh dan ada kecederaan yang belum sembuh. Dapatan Dr Salmi, SP15 pula menyatakan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella tidak mungkin disebabkan oleh satu insiden sahaja. Keterangan doktor-doktor tersebut adalah keterangan pakar yang diperuntukkan di bawah s. 45 Akta Keterangan 1950. OKT juga tidak pernah mengemukakan keterangan pakar yang boleh menyangkal keterangan mereka. Oleh itu, adalah jelas bahawa dapatan dan pengesahan doktor-doktor tersebut jelas menolak dakwaan OKT bahawa kecederaan-kecederaan Bella disebabkan oleh satu insiden kemalangan.

(vii) Ketiadaan Rekod Panggilan Yang Menunjukkan SP5 Menelefon OKT Pada Tarikh Dan Masa Sebagaimana OKT Katakan

[196] OKT mendakwa bahawa SP5 telah menceritakan insiden kemalangan Bella terkena air panas tersebut melalui panggilan telefon. Namun OKT tidak mengemukakan sebarang rekod panggilan telefon yang menunjukkan SP5 menelefon OKT pada tarikh dan masa sebagaimana yang dikatakan oleh OKT. Untuk mendapatkan rekod panggilan tersebut bukannya perkara yang sukar. Dalam kes ini saya dapati dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pembelaan mencecah ratusan dokumen. Namun, rekod panggilan yang penting ini tidak dikemukakan oleh pihak pembelaan, sedangkan ia adalah bukti penting untuk menunjukkan bahawa perbualan telefon antara SP5 dan OKT benar-benar berlaku.

(viii) Pengakuan OKT Bahawa Terdapat Kecederaan Pada Badan Bella Sebelum Mei 2021

[197] OKT sendiri mengakui terdapat kecederaan pada badan Bella sebelum Mei 2021. Ketika disoal balas, OKT sendiri bersetuju bahawa kecederaan memang sudah ada pada tangan kiri Bella pada bulan Mac dan April 2021. Berdasarkan jawapan OKT sendiri yang mengesahkan kecederaan di tangan kiri Bella sudah ada sejak bulan Mac dan April 2021, ia jelas membuktikan

bahawa kecederaan-kecederaan Bella bukan disebabkan oleh insiden kemalangan terkena air panas tersebut yang kononnya berlaku antara 6 hingga 9 Mei 2021.

(ix) Percanggahan Keterangan Antara SD2 Dan OKT Mengenai Kejadian Kemalangan Yang Berlaku

[198] SD2 mendakwa SP5 telah mengakui dan memberitahunya tentang kejadian insiden air panas terkena badan Bella. Namun begitu, perincian keterangan SD2 berkaitan kejadian tersebut adalah berbeza dengan penceritaan daripada OKT sendiri. SD2 menerangkan bahawa SP5 telah disuruh untuk membawa Bella ke tandas dan menyiram air di tempat yang terkena air panas. Namun begitu, OKT tidak pernah sekali-kali menyebut dalam keterangannya berkenaan pernah meminta SP5 melakukan perkara tersebut. Oleh itu, terdapat percanggahan yang ketara antara keterangan SD2 dan OKT mengenai insiden tersebut. Keterangan SD2 semasa pemeriksaan utama diturunkan seperti berikut:

S: Siapa bergaduh?

J. Balqies dengan Bella

S: Yasmin cerita siapa tarik Bella?

J. Diorang lah,Yasmin Balqies tarik Bella masuk toilet alirkan air dekat tempat air panas.sementara tunggu Bonda balik, Bonda suruh tarik Bella masuk toilet

S: Bonda ni SB dan tiada di rumah waktu ini?

J. Betul

[199] Berdasarkan keterangannya, OKT hanya memberitahu dia bergegas pulang dan tidak menyatakan telah memberi apa-apa pesanan kepada SP5 sebagaimana yang diceritakan oleh SD2. Percanggahan ini menunjukkan bahawa kejadian tersebut sebenarnya tidak pernah berlaku. Berikut adalah keterangan OKT di dalam pernyataan saksinya, PS-SD1(A) di ms. 58 mengenai kejadian kemalangan tersebut yang bercanggah dengan keterangan SD2:

> Yang saya ingat dia beritahu saya Bella terkena air panas. Saya bergegas balik. Mestilah saya panik bila dengar apa yang terjadi. Saya sampai dan mendapati Yasmin telah tiada di rumah

Isu-isu Berbangkit Di Peringkat Kes Pembelaan

Sama Ada Tindakan Hakim Mengarahkan OKT Membacakan Pernyataan Saksinya Tanpa Diwakili Peguam Memprejudiskan OKT

[200] Untuk memperhalusi isu ini, adalah penting untuk saya jelaskan kronologi prosiding yang berkaitan untuk menunjukkan bahawa terdapat pelbagai isu yang timbul pada permulaan perbicaraan kes pembelaan,

terutamanya penarikan diri oleh semua peguam OKT. Pada mulanya, OKT telah diwakili oleh lima orang peguam bela (dari lima firma guaman berlainan). Mereka adalah Nur A'minahtul Mardiah binti Md Nor, Nurul Hafidzah binti Hassan, Nur Ellena binti Mohamed Razif, Asiah binti Abd Jalil dan Mohammad Farhan bin Maaruf. Pada mulanya tarikh kes pembelaan telah ditetapkan pada 5, 6, 7, 8 dan 9 Disember 2022. Namun, pada tarikh-tarikh tersebut kes tidak dapat dijalankan kerana OKT dimasukkan ke wad hospital dan mendapat cuti sakit.

[201] Pada 9 Disember 2022, saya telah menetapkan tarikh-tarikh perbicaraan lanjut bagi kes pembelaan. Tarikh-tarikh perbicaraan kes pembelaan yang telah ditetapkan adalah terdiri dari tarikh-tarikh yang dipersetujui oleh pihak-pihak dan juga tarikh-tarikh tambahan yang mahkamah tetapkan. Tarikh bicara pembelaan telah ditetapkan pada: 5, 6, 16, 17, 18, 19, 20, 26, 27 Januari 2023; 20, 21, 22, 23, 24, 27, 28 Februari 2023 dan 6, 7, 8, 9, 10, 27, 28, 29, 30 Mac 2023. Sebanyak 25 hari ditetapkan bagi memastikan ia mencukupi untuk perbicaraan kes pembelaan kerana pihak pembelaan akan memanggil 15 saksi pembelaan (senarai saksi pembelaan bertarikh 24 November 2022), dan jumlah tersebut tidak termasuk saksi-saksi yang mungkin akan dipanggil semula. Walaupun tarikh kes pembelaan tersebut telah ditetapkan, saya menyatakan kepada pihak-pihak bahawa sekiranya terdapat tarikh tersebut yang bertindih dengan kes bicara keutamaan yang lain, maka mereka boleh membuat permohonan berkaitan. Arahan saya ketika prosiding berlangsung dicatatkan seperti yang berikut:

> Mah: ... sekiranya ada permohonan dan sebagainya, tiada masalah untuk saya mempertimbangkan nanti. Masukkan apa-apa surat atau sebagainya, sekiranya benar-benar tidak dapat hadir maklum kepada saya dan saya akan membuat arahan atau perintah sewajarnya untuk tarikh-tarikh tersebut

[202] Tarikh bicara yang sepatutnya berjalan pada 5 dan 6 Januari 2023 telah ditangguhkan kerana terdapat perintah penggantungan prosiding daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 16 Januari 2023, kes ini telah berlangsung untuk peringkat pembelaan. Sebelum perbicaraan dimulakan, peguam A'minahtul memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau ingin menarik diri kerana dua peguam bela lain, iaitu peguam Farhan dan peguam Ellena telah memfailkan notis penarikan diri sebagai peguam bela OKT pada 13 Januari 2023. Peguam Farhan dan peguam Ellena menarik diri kerana jadual kes mereka yang lain telah bertindih dengan kes di mahkamah ini. Disebabkan mereka berdua menarik diri maka jadual kehadiran peguam-peguam bagi pihak pembelaan telah terjejas dan oleh itu peguam A'minahtul juga ingin menarik diri dari mewakili OKT.

[203] Berdasarkan rekod, sejak penetapan tarikh-tarikh bicara pembelaan pada 9 Disember 2022 hingga 16 Januari 2023, mahkamah ini tidak pernah menerima sebarang permohonan untuk melapangkan kes atau menggantikan tarikh-tarikh bicara tertentu atas alasan pertindihan tarikh dengan kes lain. Hanya Tetuan Nurul Hafidzah & Associates yang telah menulis surat bertarikh 27 Disember 2022 dan menyatakan bahawa beliau tiada tarikh lapang dari Januari hingga Mac 2023 kerana terdapat kes-kes lain yang telah ditetapkan lebih awal. Namun begitu, saya tidak dapat mempertimbangkan permohonan tersebut kerana tiada perincian berkenaan kes-kes yang dikatakan bertindih untuk saya teliti dan pertimbangkan. Peguam A'minahtul juga mengesahkan bahawa beliau tidak membuat permohonan untuk penangguhan atau penjadualan semula tarikh kerana semua peguam bela tersebut telah bersetuju akan hadir ke mahkamah berdasarkan jadual yang dipersetujui.

[204] Saya selanjutnya meminta peguam A'minahtul untuk terus mewakili OKT pada tarikh-tarikh lapang yang telah dipersetujui oleh pihak pembelaan. Namun peguam A'minahtul menyatakan beliau ingin menarik diri kerana tiada arahan daripada OKT dan OKT ingin melantik peguam yang baru. Apabila OKT diminta mengesahkan perkara tersebut, OKT menyatakan bahawa dia hendak melantik peguam yang baru kerana peguam-peguamnya tidak lapang. Memandangkan kesemua lima peguam bela OKT telah menarik diri, kes bicara pada 17, 18, 19 dan 20 Januari 2023 terpaksa dilapangkan. Saya telah memberikan peluang kepada OKT untuk melantik peguam bela yang baru untuk perbicaraan pada 26 dan 27 Januari 2023. OKT menyatakan akan cuba melantik peguam bela yang baru pada tarikh-tarikh tersebut.

[205] Pada 26 Januari 2023, OKT masih gagal mendapatkan peguam bela yang baru walaupun OKT mempunyai peguam yang mewakili kesnya di Mahkamah Tinggi (bagi kes semakan terhadap pertuduhan kes ini) dan di Mahkamah Rayuan (bagi tindakan sivil berkaitan Rumah Bonda). Setelah saya mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan, saya telah mengarahkan OKT membaca pernyataan saksi OKT (PS-SD1[A]) dan pernyataan saksi tambahan (PS-SD1[B]). OKT hanya diarahkan untuk membaca pernyataan saksi yang tidak dibantah oleh pihak pendakwaan. Pernyataan-pernyataan saksi tersebut telah disediakan oleh peguam-peguam yang mewakili OKT sebelum ini, dan ia telah diserahkan kepada pihak pendakwaan mengikut prosedur yang ditetapkan. Jadi saya berpendapat tiada isu yang boleh memprejudiskan OKT. Ini kerana, bagi pernyataan-pernyataan saksi yang dibantah oleh pihak pendakwaan, saya tangguhkan pembacaannya sehingga OKT diwakili peguam. OKT telah membacakan pernyataan-pernyataan saksinya yang tidak dibantah pada 26 dan 27 Januari 2023. Pada 27 Januari 2023, kes telah ditangguhkan ke 20 Februari 2023

untuk OKT melantik peguam bagi menjawab bantahan oleh pihak pendakwaan. Pada 20 Februari 2023, OKT telah diwakili oleh peguam semula. Berikut adalah arahan saya pada 26 Januari 2023 mengenai perkara tersebut:

> Mah: Baiklah, kamu dengar baik-baik ya, arahan saya: Saya telah meneliti ke atas semua fakta, faktor dan perkara yang berkaitan dengan kes ini, khususnya merujuk kepada permohonan kamu untuk menangguhkan kes ini. Perlu saya tekankan, Mahkamah ini mempunyai "absolute discretion" untuk membenarkan atau menolak permohonan penangguhan, namun "such discretion must be excercised judiciously" (rujuk kes *Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP & Other Appeals (No 2)* [2022] 8 CLJ 378. Dalam kes ini, saya perlu menggunakan budi bicara saya dengan bijaksana, oleh itu, hari ini saya akan memulakan kes pembelaan kamu dengan membacakan pernyataan saksi kamu yang telah diterima oleh pihak pendakwaan dan selaras dengan prosedur berkaitan. Saya mengambil kira pernyataan saksi tersebut yang mempunyai dua volume, pernyataan saksi utama dan tambahan, yang masing-masingnya mempunyai 131 dan 81 muka surat. Saya percaya pembacaan pernyataan-pernyataan saksi tersebut oleh OKT akan mengambil masa yang agak lama dan boleh diselesaikan dalam masa dua hari perbicaraan ini, iaitu hari ini dan esok, 27.1.2023. Saya juga mengambil berat tentang hak kamu OKT untuk diwakili peguam, maka, saya akan menangguhkan pemeriksaan balas pihak pendakwaan terhadap kamu, sehingga ke tarikh bicara yang telah ditetapkan selepas 27.1.2023, iaitu pada 20.2.2023, yang mana saya percaya berdasarkan permohonan kamu, kamu berjanji akan mendapatkan peguam dalam masa lebih kurang sebulan dari 2 surat kamu bertarikh 23.1.2023.

Sama Ada Mesin Penapis Air Cuckoo Rosak

[206] Pihak pembelaan berhujah bahawa mesin penapis air jenama Cuckoo adalah dalam keadaan rosak dan tidak boleh digunakan. OKT mendakwa bahawa mesin Cuckoo di Kondominium Irama Wangsa telah rosak dalam tempoh Februari hingga Jun 2021. Dakwaan bahawa mesin penapis air rosak disokong dengan keterangan SD6. SD6 adalah individu yang kerap kali berkunjung ke rumah OKT. Dalam keterangannya, SD6 menyatakan bahawa mesin Cuckoo tersebut rosak dan beliau memasak air panas menggunakan periuk dan juga termos yang ada di rumah OKT.

[207] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa SP5 telah mengatakan bahawa mesin penapis air Cuckoo tidak rosak dan masih digunakan semasa tempoh kejadian. Selanjutnya, keterangan yang diberikan oleh SP21 dan SP22 juga telah menunjukkan tiada kerosakan kepada mesin penapis air Cuckoo di rumah OKT apabila tiada aduan diterima berkenaan kerosakan. Servis yang dilakukan oleh SP21 juga menunjukkan mesin penapis air tersebut dalam keadaan baik. SP22 pula telah memberitahu mahkamah mesin penapis air itu dalam keadaan baik.

[208] Pihak pendakwaan seterusnya menghujahkan bahawa saksi-saksi pembelaan yang lain menyatakan perkara yang berbeza-beza tentang mesin Cuckoo. Keterangan SD2 menyatakan mesin Cuckoo berfungsi dengan baik semasa beliau membancuh susu formula untuk anaknya. Keterangan SD3 pula menyatakan bahawa mesin Cuckoo rosak. Keterangan SD6 pula menyatakan bahawa mesin Cuckoo adakalanya rosak dan adakalanya berfungsi.

[209] Setelah meneliti keterangan-keterangan yang berkaitan dengan isu mesin penapis air jenama Cuckoo ini, saya bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa SP21 dan SP22 adalah saksi awam yang tidak mempunyai kepentingan di dalam kes ini. Selain itu, SP21 dan SP22 merupakan saksi yang mempunyai kepakaran dari segi teknikal berkenaan dengan mesin penapis air Cuckoo. Saya tidak menemui sebarang alasan yang menunjukkan bahawa SP21 dan SP22 saksi yang tidak kredibel dan keterangan mereka tidak boleh diterima. Selain itu, SP5 dan SP8 juga telah mengesahkan bahawa sekitar tempoh masa seperti dalam pertuduhan, mesin penapis air Cuckoo berfungsi dengan baik.

[210] Saya juga mendapati bahawa keterangan OKT berkenaan mesin penapis air Cuckoo rosak dalam tempoh Februari hingga Jun 2021 adalah bertentangan dengan keterangan SD2. Saksi pembelaan sendiri, SD2 tidak menyokong keterangan OKT dengan menyatakan bahawa SD2 menggunakan air panas dari mesin Coway, Cuckoo, semasa membancuh susu formula untuk anaknya. SD2 juga mengatakan bahawa mesin Cuckoo dalam keadaan elok. Ini juga menunjukkan bahawa fakta mesin Cuckoo tersebut tidak dipasang atau tidak digunakan adalah tidak benar apabila SD2 mengesahkan mesin tersebut berfungsi dan dalam keadaan baik.

[211] Pihak pembelaan juga tidak memanggil ejen Cuckoo untuk mengesahkan atau menyokong keterangan OKT yang mengatakan bahawa mesin Cuckoo telah rosak. Maka, tiada keterangan saksi kredibel dan competent yang boleh menyangkal keterangan SP21 dan SP22. Saya juga mendapati bahawa OKT mendakwa dia tidak berada di rumah semasa mesin Cuckoo tersebut diservis dan diperbaiki oleh SP21 dan SP22. Namun, saya dapati keterangan OKT tidak disokong oleh mana-mana saksi yang dipanggil untuk mengesahkan keberadaan OKT di luar rumah pada masa berkenaan.

[212] Saya merujuk kepada keterangan SP21 yang telah menjelaskan bahawa pada 17 Mei 2021, jam lebih kurang 11.30 pagi, beliau telah datang ke Kondominium Irama Wangsa tersebut untuk menjalankan servis mesin penapis air Cuckoo tersebut. Dalam tempoh tersebut, SP21 telah berjumpa dengan OKT. SP21 selanjutnya mengesahkan bahawa berdasarkan servis yang dilakukannya, ia menunjukkan mesin penapis air tersebut dalam keadaan baik. SP21 juga telah mengemukakan borang "natural care services" (NCS) bertarikh 19 Mei 2021 (eksh. P205 [10], [13], [26]) bagi menyokong keterangannya.

[213] Pada 24 Mei 2021, jam lebih kurang 12 tengah hari, SP22 tiba di Kondominium Irama Wangsa untuk membaiki adapter pada mesin penapis air Cuckoo. SP22 juga telah berjumpa OKT ketika berada di kondominium tersebut. SP22 menerangkan bahawa masalah adapter tidak mengganggu fungsi mesin penapis air tersebut. Mesin penapis air tersebut masih boleh digunakan untuk air panas dan sejuk. Dokumen-dokumen tersebut telah dikemukakan bagi menyokong keterangan SP22: profile pekerja Cuckoo oleh SP22 (P213); intensive care services (ICS) report oleh SP22 (P205 [17], [27], [29]); gambar semasa servis dibuat di rumah OKT (P219 [1] hingga [5]); dan resit ICS reinstallation (P205 [8] dan [28]).

[214] Berdasarkan keterangan SP5, SP8, SP21 dan SP22 yang disokong dengan bukti dokumentar, P205 (10), (13), (26), eksh. P213, eksh. P205 (17), (27), (29), eksh. P219 (1 hingga 5), dan eksh. P205 (8) dan (28), saya mendapati bahawa dalam tempoh masa antara bulan Februari hingga Jun 2021, mesin penapis air Cuckoo adalah dalam keadaan baik dan masih boleh digunakan untuk menghasilkan air panas dan juga sejuk.

Sama Ada Tindakan Mahkamah Yang Tidak Membenarkan Soalan Pemeriksaan Semula Bagi Jawapan "Tidak Pasti" Oleh SD6 Memprejudiskan OKT

[215] Peguam cara OKT menghujahkan bahawa pihak pembelaan telah di halang oleh mahkamah untuk membuat pemeriksaan semula atas jawapan 'tidak pasti' yang diberikan oleh SD6. Tindakan mahkamah ini adalah tindakan yang memprejudiskan OKT. Seksyen 148 Akta Keterangan 1950 secara jelas telah memperuntukkan bahawa hakim yang mendengar perbicaraan boleh menghalang sebarang soalan untuk ditanyakan, hanya apabila soalan yang hendak ditanyakan adalah tidak relevan. Arahan mahkamah ini hanya dikeluarkan kepada SD6 sahaja sedangkan semasa peringkat pendakwaan, ketika SP12 memberikan keterangan dengan jawapan tidak pasti, pihak pendakwaan telah dibenarkan membuat pemeriksaan semula. Tindakan mahkamah ini telah memprejudiskan OKT sekaligus membawa kepada satu kegagalan keadilan atau "miscarriage of justice".

[216] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa tidak ada "miscarriage of justice" memandangkan jawapan yang dikemukakan oleh SD6 jelas menunjukkan bahawa dia tidak pasti. Maka tidak perlu penjelasan kerana saksi tidak pasti. Jawapan "tidak pasti" ini dapat dibezakan dengan keterangan SP12 yang menunjukkan bahawa "line of question" adalah berbeza dengan soalan yang ditanya kepada SD6.

[217] Semasa pemeriksaan balas, saya telah merekodkan jawapan-jawapan 'tak pasti' yang diberikan oleh SD6 dalam nota prosiding. Saya telah meneliti jawapan 'tak pasti' tersebut dalam konteks soalan yang dikemukakan. Selepas itu barulah saya memutuskan tiada keperluan untuk peguam bela OKT memeriksa semula terhadap jawapan 'tak pasti'. Saya juga ada mencatatkan

demeanour SD6 semasa memberi keterangan dalam nota prosiding menurut s. 271 KTJ. Terdapat 12 kali jawapan 'tak pasti' semasa SD6 diperiksa balas dan saya ringkaskan seperti yang berikut:

1) S: Anggaran berapa kali bermalam?
J: Saya **tak pasti,** memang kerap selalu.

2) S: Bila?
J: **Tak pasti.**

3) S: Sepanjang bulan Feb hingga Jun 2021, kanak-kanak bernama Bella, puan ada nampak perubahan fizikal Bella?
J: Tak pasti, bila saya datang dia sihat je.

4) S: 2 kali ni tarikh bila?
J: **Tak pasti.**

5) S: Februari hingga Jun 2021, banyak kali pergi nampak perubahan?
J: Saya perasan ada luka kecil-kecil mcm kudis. Cuma tak pasti apa dia.

6) S: Jam berapa hingga jam berapa?
J: Saya tak ingat dan **Tak pasti,** mungkin dalam tengah hari hingga petang. Jam tak specific tak ingat

7) S: Tangan mana?
J: **Tak pasti.**

8) S: Bila datang bermalam?
J: Bila, **tak pasti.**

9) S: Saya katakan mesin Cuckoo tu tak rosak sebab ada orang datang service
J: Saya **tak pasti** orang Cuckoo tu datang.

10) S: Saya Tanya mesin Cuckoo tu tak rosak sebab ada orang datang service.
J: Saya **tak pasti.**

11) S: Jadi kalau Siti Bainun nak dera Bella, nak simbah air panas ke, dia takkan buat depan kamu, betul?
J: **Tak pasti.**

12) S: Mesti rekod dalam sistem Irama Wangsa?
J: **Tak pasti.** (emphasis added)

[218] Isu ini adalah berkenaan dengan pemeriksaan semula yang tidak dibenarkan oleh mahkamah terhadap jawapan 'tak pasti' yang diberikan oleh SD6. Persoalan utama yang perlu dijawab adalah, sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan pemeriksaan semula ke atas jawapan "tak pasti". Untuk menjawab persoalan ini, saya merujuk kepada buku teks berjudul "*Sarkar on Evidence*, 14th edn, 1993" di ms. 2021:

> Re-Examination – The right to re-examine a witness ... The object is to give an opportunity to reconcile the discrepancies, if any, between the statements in examination-in-chief and cross-examination or to explain any statement inadvertently made in cross-examination or to remove any ambiguity in the deposition or suspicion cast on the evidence by cross-examination. Where there is no ambiguity or where there is nothing to explain, questions put in re-examination with the sole object of giving a chance to the witness to undo the effect of a previous statement, should never be allowed.

[219] Saya dapati, jawapan 'tak pasti' dalam konteks soalan-soalan yang dirujuk di atas, adalah jawapan yang tidak menimbulkan sebarang percanggahan di antara pernyataan yang dibuat oleh SD6 semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas. Jawapan-jawapan 'tak pasti' tersebut juga tidak menimbulkan keperluan untuk menjelaskan pernyataan yang dibuat secara tidak sengaja semasa pemeriksaan balas, dan ia juga tidak menimbulkan keperluan untuk menghilangkan kekaburan atau syak dalam keterangan SD6. Maka tindakan mahkamah yang tidak membenarkan soalan pemeriksaan semula diajukan terhadap jawapan 'tak pasti' adalah tepat. Tiada sebarang prejudis terhadap OKT dan adalah jelas tiada "miscarriage of justice" atas tindakan tersebut.

Sama Ada Proses Pendakwaan Terhadap OKT Menyalahi per. 10 Perlembagaan Persekutuan Memandangkan Salah Seorang Timbalan Pendakwa Raya Akrab Dengan Saksi-saksi Pihak Pendakwaan Dan Menimbulkan Kemungkinan Bahawa Saksi-saksi Pendakwaan Adalah Saksi Yang Dikacau Ganggu Dan Diajar

[220] Saya mendapati dakwaan salah seorang TPR mempunyai hubungan yang akrab dengan saksi-saksi pihak pendakwaan hanya ditimbulkan setelah perbicaraan kes ini selesai. Hujahan yang dikemukakan hanya merujuk kepada insiden yang belum dibuktikan dan hanya berlaku selepas perbicaraan telah selesai. Tiada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa saksi-saksi pihak pendakwaan adalah saksi yang dikacau ganggu dan diajar (tampered and coached). Tambahan pula, pihak pembelaan telah memeriksa balas semua saksi-saksi yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Saya telah meneliti keterangan saksi-saksi tersebut dan mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan saksi-saksi tersebut telah diajar atau dikacau ganggu.

Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan

[221] Justeru itu, di akhir kes pembelaan ini, saya telah merujuk kembali kepada prinsip di dalam kes *Mat v. PP* (*supra*) seperti yang tersebut di atas dan saya memutuskan bahawa pembelaan OKT bukan sahaja tidak dapat dipercayai dan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini, malah telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[222] Oleh yang demikian dan berdasarkan alasan-alasan yang telah dijelaskan di atas, secara keseluruhannya, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua terhadap OKT melampaui keraguan yang munasabah dan dengan itu, OKT didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua tersebut.

Hujahan Mitigasi

[223] Mahkamah ini seterusnya menjemput pihak pembelaan untuk mengemukakan hujahan peringanan hukuman selaras dengan s. 176(2)(r) KTJ. Peguam bela OKT menghujahkan bahawa OKT berusia 31 tahun dan masih bujang. OKT menanggung seorang ibu yang sudah tua, dan juga telah banyak menyumbang dalam aktiviti kebajikan. OKT bekerja sendiri dan antara pekerjaan OKT adalah membuat kek. OKT telah insaf dan menyesal terhadap kesalahan yang dilakukan, OKT juga memohon agar diberikan peluang kedua supaya OKT boleh membuktikan kepada mahkamah, keluarga dan komuniti bahawa OKT boleh berubah menjadi seorang individu yang lebih baik. Sepanjang kes ini dibicarakan, OKT telah menunjukkan sikap bertanggungjawab dengan tidak pernah gagal untuk menghadirkan diri tanpa sebab-sebab yang tidak munasabah. OKT juga sentiasa akur dengan sebarang syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mahkamah ini. Pihak pembelaan selanjutnya berhujah bahawa hukuman pemenjaraan yang lama akan memprejudiskan orang-orang yang bergantung sepenuhnya kepada OKT, terutamanya ibu OKT. Pihak pembelaan percaya bahawa hukuman pemenjaraan yang sangat lama tidak akan menghukum OKT sebaliknya menghukum ibu OKT yang berada di bawah tanggungan OKT.

[224] Selain daripada hukuman pemenjaraan yang diperuntukkan, pihak pembelaan juga percaya hukuman denda juga ada diperuntukkan di bawah kedua-dua pertuduhan dalam kes ini. Sekiranya OKT dikenakan satu hukuman pemenjaraan, fasiliti pihak penjara "cannot cater for the person, of her physical being". Ini kerana OKT bersaiz besar dan juga mempunyai masalah kesihatan. Hukuman pemenjaraan yang lama akan memberikan impak terhadap kesihatan OKT. Hukuman pemenjaraan boleh digantikan dengan hukuman denda sepertimana yang termaktub di bawah kedua-dua pertuduhan dalam kes ini. Sekiranya hukuman denda dikenakan, dengan mengambil kira amaun jaminan yang telah dimasukkan bagi menjamin kehadiran OKT, adalah menjadi hujahan peguam bela OKT bahawa OKT adalah berkemampuan untuk membayar hukuman denda yang maksimum. OKT banyak bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan, pihak pembelaan memohon agar mahkamah mempertimbangkan "social standing of the accused". Ini adalah kesalahan pertama, selain itu "the manner of commission of the both offences" wajar dipertimbangkan. Mangsa telah dijaga dengan rapi, kecederaan yang dibicarakan dalam mahkamah ini hanya

di kedua-dua belah tangan. Di keseluruhan badan mangsa, hanyalah parut yang telah sembuh. Perkara ini menunjukkan bahawa OKT bukanlah seorang insan yang tidak berhati perut tapi beliau "has tried her best to mitigate the result of her offences". Pihak pembelaan memohon agar satu hukuman denda seminimum mungkin dikenakan terhadap OKT dan secara alternatifnya sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman pemenjaraan, satu tempoh pemenjaraan yang sangat minimum diberikan kepada OKT.

Hujahan Pemberat

[225] TPR yang terpelajar pula menghujahkan bahawa OKT telah disabitkan dengan satu kesalahan yang amat serius, iaitu kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. OKT telah mengabai dan menganiaya, seorang kanak-kanak perempuan bernama Bella yang juga seorang OKU. Kesalahan di bawah s. 31(1) adalah satu kesalahan serius di mana peruntukan undang-undang telah memperuntukkan hukuman yang berat. Hukuman yang boleh dikenakan adalah denda sehingga RM50,000 dan pemenjaraan sehingga 20 tahun. Pihak pendakwaan merujuk kepada kes *Noor Amie Abd Rahman lwn. PP* [2020] 10 CLJ 686 yang juga telah merujuk kepada kes *PP v. Asmarani Ghazali* [2020] 2 CLJ 319. Dalam kes ini, kecederaan yang telah dialami oleh Bella adalah amat serius. Sebagaimana yang telah ditekankan oleh mahkamah bahawa, hampir keseluruhan badan Bella terdapat luka lecur atau "burn wound" dan "multiple scars". Selain daripada kecederaan tersebut, ia juga telah menyebabkan parut, yang akan berkekalan pada badan Bella seumur hidupnya. Kecederaan emosi yang dialami oleh Bella juga telah dibuktikan di mahkamah ini.

[226] Pihak pendakwaan juga memohon supaya mahkamah mengambil kira kepentingan awam akibat kesalahan yang dilakukan oleh OKT. Kepentingan awam seharusnya mengatasi apa-apa faktor dalam mempertimbangkan hukuman terhadap OKT termasuk kepentingan OKT sendiri. Adalah menjadi prinsip yang mantap, to reflect the seriousness of the offence, mahkamah patut menggunakan budi bicara untuk menjatuhkan hukuman bagi mencegah OKT daripada melakukan jenayah berulang kali dan mesej dapat disampaikan kepada masyarakat. Seterusnya, OKT juga telah mendapat perintah mahkamah untuk menjaga dan memelihara Bella, walau bagaimanapun OKT telah menyalahgunakan kedudukannya dan amanah yang telah diberikan kepadanya dengan cara mengabaikan dan menganiaya Bella. OKT dilihat sebagai sukarelawan yang dipercayai oleh masyarakat, namun OKT telah mengabai dan menganiaya seorang kanak-kanak yang sebenarnya amat mengharap kasih sayang daripada OKT. Seterusnya, faktor OKT adalah pesalah pertama perlu ditolak di mana dalam kes *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 LNS 205; [1981] 1 MLJ 247, mahkamah berpendapat rekod bersih perayu tidak dapat memberi apa-apa impak terhadap gravity hukuman yang wajar diberikan. TPR memohon kepada mahkamah untuk

memberikan hukuman yang berat terhadap OKT berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas dan supaya dapat menjadikan pengajaran bukan sahaja kepada OKT, malahan kepada masyarakat umumnya.

[227] Saya memutuskan bahawa OKT didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. Setelah meneliti peruntukkan undang-undang di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, dan setelah saya memberi pertimbangan saksama kepada faktor-faktor pemberatan ("aggravating factors") dan faktor-faktor peringanan ("mitigating factors") yang akan diterangkan selepas ini, saya telah menjatuhkan hukuman terhadap OKT seperti yang berikut:

(i) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(ii) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama tempoh 12 tahun dari tarikh sabitan.

(iii) hukuman pemenjaraan sepuluh tahun dan 12 tahun dari tarikh sabitan adalah diperintahkan untuk berjalan secara serentak.

(iv) perintah di bawah s. 31(2)(a) AKK 2001 supaya OKT menandatangani bon berkelakuan baik selama lima tahun dengan seorang penjamin warganegara Malaysia dengan cagaran sebanyak RM5,000, dan berdasarkan s. 31(2)(b) AKK 2001, OKT diperintahkan untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam agregat yang perlu disempurnakan dalam tempoh enam bulan selepas tamat hukuman pemenjaraan.

Pertimbangan Kepada Faktor-Faktor Pemberatan (Aggravating Factors) Dan Faktor-Faktor Peringanan (Mitigating Factors)

[228] Dalam prosiding perbicaraan jenayah, setelah tertuduh mengaku bersalah atau didapati bersalah, hakim atau Majistret hendaklah menjatuhkan hukuman terhadap pesalah. Jika tertuduh didapati bersalah setelah perbicaraan selesai, s. 173 KTJ memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada peruntukan undang-undang.

[229] Apakah yang dimaksudkan dengan 'hukuman berdasarkan kepada peruntukan undang-undang'? Hakim Mohamed Azmi (pada ketika itu) di dalam kes *PP v. Jafa Daud* [1981] 1 LNS 28; [1981] 1 MLJ 315 telah menjelaskan:

> A "sentence according to law" means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles. In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the convicted person is a first offender. It is for this purpose that before

> passing sentence, a Magistrate is required to call for evidence or information regarding the background, antecedent and character of the accused. Where the convicted person has previous records and admits them as correct, the court must consider whether the offence or offences committed previously were of similar nature as the one with which he is presently charged. The court must then consider the sentences imposed in the previous convictions for similar offences to determine whether they have had any deterrent effect on him. Where he is found to be a persistent offender for a similar type of offences, then it is in the interest of justice that a deterrent sentence should be passed and, in such a case, unless there are exceptional circumstances, the quantity, nature or value of the subject-matter of the offence with which he is currently charged can very rarely constitute a mitigating factor.

[230] Di dalam kes *Tan Lay Chen v. PP* [2000] 4 CLJ 492, Hakim Augustine Paul (pada ketika itu) menyatakan:

> The phrase 'pass sentence according to law' in the subsection means that the sentence imposed must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles

[231] Saya juga akur dengan kedudukan undang-undang yang berkaitan dengan principles of sentencing. Di dalam kes *Yusmarin Samsudin v. PP* [1999] 4 CLJ 391, Siti Norma Yaakob HMR (sebagaimana beliau ketika itu) menyatakan:

> The principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:
>
> (1) the extent and seriousness of the offence committed;
>
> (2) the guilty person's antecedents; and
>
> (3) the public interest

Keseriusan Kesalahan

[232] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, kesalahan mengabaikan dan kesalahan menganiaya di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 adalah kesalahan yang serius. Sebagaimana dihujahkan oleh TPR, pindaan yang telah dibuat oleh Parlimen adalah jelas mencerminkan bahawa kesalahan di bawah seksyen dan Akta ini adalah serius, hukuman penjara telah ditambah dari tempoh sepuluh tahun ke 20 tahun, dan hukuman denda dipinda daripada RM20,000 kepada RM50,000.

[233] Saya juga perlu akur bahawa setiap hukuman yang akan dijatuhkan hendaklah berdasarkan kepada nature of the offence, keadaan ketika mana kesalahan dilakukan, sama ada dengan atau tanpa keganasan, umur, character, antecedents, latar belakang tertuduh, rayuan mitigasi dan pandangan pihak pendakwaan. Setelah mempertimbangkan faktor-faktor

tersebut, saya berpendapat bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas OKT adalah wajar. Dapatan ini selaras dengan kes *Veerian T Latchmanen v. PP* [2001] 7 CLJ 466, yang memutuskan:

> It must be observed that every sentence passed by the court or a trial court is based on the nature of the offence, the evidence adduced on behalf of the prosecution and the defence, the facts presented by the prosecution, the circumstances in which the offence was committed whether with or without violence, provocation if any, the age, character, antecedents, the background of the offender, the plea in mitigation and the views given by the prosecution. This court is of the view that the power to impose sentence is a judicial discretion and unless and until the lower courts had erred in principle or that the sentence was manifestly excessive or manifestly low or upon considering the particular facts of the case, the High Court sitting in an appellate capacity ought not to disturb or interfere with that discretion just for the sake of pleasing public views. The sentence passed by the court must not only appear to be a judicial pronouncement but seen to be one.

[234] Kes Mahkamah Rayuan *PP v. Asmarani Ghazali* [2020] 2 CLJ 319 juga telah menekankan hukuman yang dijatuhkan mesti menggambarkan keseriusan serta graviti kesalahan di samping menyampaikan kepada orang awam khasnya ibu bapa, penjaga dan pengasuh kanak-kanak untuk tidak mengambil ringan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak. Mahkamah dalam kes *PP v. Asmarani Ghazali* (*supra*) memberikan peringatan seperti yang berikut:

> Children are vulnerable and defenceless and require society and law to safeguard their interests, which cannot be trampled upon or simply ignored at the expense of a mistake/misjudgment by some adult. The full weight of the law should come down on those who deliberately cause harm to the child.

[235] Public interest dalam kes ini adalah satu faktor yang saya perlu tekankan. Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa kecederaan yang dialami oleh Bella adalah serius, malahan sehingga kini ia meninggalkan parut. Dengan melihat gambar-gambar yang dirakam dalam eksh. P6, ia menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Bella sangat meruntun jiwa. Bagaimana seorang kanak-kanak yang bertubuh kecil seperti Bella dapat menanggung kesakitan sebegitu rupa. Bella bukan sahaja diabaikan oleh OKT sehingga menyebabkan kecederaan yang teruk tersebut, malahan OKT juga terlibat dalam menganiaya Bella. Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh OKT terhadap Bella adalah kejam dan perlu diberikan hukuman yang berat bagi memberikan peringatan dan isyarat kepada masyarakat bahawa kesalahan jenayah seperti ini tidak boleh dilakukan sama sekali. OKT adalah seorang aktivis masyarakat yang sering terlibat dengan kebajikan kanak-kanak. OKT sewajarnya lebih tahu dan memahami bahawa

tanggungjawabnya perlu digalas dengan sebaik mungkin, bukan menyalahgunakan dan melanggar amanah yang diberikan. Maka hukuman yang berat perlu dikenakan bagi memastikan "public interest" diberikan perhatian yang lebih dan sewajarnya.

Kesimpulan

[236] Dalam melaksanakan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas dan setelah mempertimbangkan semua faktor berdasarkan fakta kes ini, saya berpendapat bahawa hukuman-hukuman yang dijatuhkan terhadap OKT adalah memadai dan wajar.